



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Mengalu-alukan Pelantikan Ahli-ahli Baru	(Halaman 1)
Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman 2)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 3)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 3)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 4)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN	
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 4)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2016	(Halaman 22)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan*
Kepenggunaan
11. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
12. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
13. “ Puan Hajah Azizah Binti Haji Harun (Dilantik)
14. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
15. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
16. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
17. “ Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
18. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*
19. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
20. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
21. “ Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
22. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
23. “ Y.M. Engku Naimah Binti Engku Taib (Terengganu)
24. “ Dato' Goonakaren A/L Raman (Dilantik)
25. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
26. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
27. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
28. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
29. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat - (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. “ Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
34. “ Tuan Koh Chin Han (Melaka)

35. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
41. “ Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
41. “ Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
42. “ Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
43. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Bin Tun Said Keruak – *Senator*
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
44. “ Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
45. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
47. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
48. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
49. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
50. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
51. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
52. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
53. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
54. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
55. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
56. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
57. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
58. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
59. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
60. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
61. ” Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. “ Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
63. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
64. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
65. ” Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
66. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
67. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Noraidah binti Manaf
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhillah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 7 Disember 2015
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- YB. Senator Datuk Abdullah bin Mat Yasim

[Upacara Angkat Sumpah Tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA
MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Datuk Abdullah bin Mat Yasim sebagaimana Yang Berhormat semua lihat sebentar tadi *[Tepuk]*

Sebagaimana biasa, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, khususnya kepada Yang Berhormat yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi. Sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara iaitu Ahli Parlimen Malaysia, sebagai pembuat undang-undang ataupun penggubal undang-undang negara, Yang Berhormat mempunyai tanggungjawab yang amat besar. Dalam konteks ini, apabila undang-undang itu telah digazet, sudah dibahas dan digazet, maka apabila menjadi undang-undang, semua Ahli-ahli Parlimen tidak kira apa jawatan sekalipun, tidak terkecuali, mematuhi undang-undang yang telah diluluskan. Dengan izin, *nobody is above the law. You are law makers. Once a law is made, everyone of you has got to abide the rule of law.*

Yang Berhormat, saya juga ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini, Dewan ini untuk Ahli Parlimen berhujah, berdebat tetapi kualiti perdebatan, penghujahan Yang Berhormat semua, mestilah fokus kepada tajuk yang dibincangkan. Contohnya kalau sekiranya dalam sesi Bajet, sila kemukakan, luahkan apa-apa pendapat berkaitan dengan Bajet. Jangan jadikan Dewan sebagai seolah-olah sarkas, *market*, bazar dan menjadikan tempat meluahkan perasaan masing-masing secara emosi tanpa mengetahui apakah tanggungjawab kita yang pertama sekali. Ini amat penting.

Juga saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat semua bahawa bahasa yang digunakan dalam Dewan Parlimen ialah Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu, dan ini telah diterima pakai semenjak kita wujudkan lagi. Di samping itu kalau sekiranya berlaku ada antara Yang Berhormat hendak bercakap macam saya cakapkan sebentar tadi, "dengan izin", mesti mendapat keizinan Yang di-Pertua. Jangan jadikan Dewan ini, soal bahasa pun dipersoalkan. So, saya hendak menarik perhatian semua.

Juga kualiti-kualiti Yang Berhormat berbahas, berhujah, mestilah ada standard yang boleh kita sama hormati, dan kita berasa puas hati. Tanya naluri kita, dengan izin, *ask your conscious*- sama ada Yang Berhormat betul-betul jujur, sebagaimana Yang Berhormat angkat sumpah tadi, "...saya berikrar bersumpah..." Ikrar taat setia pada Malaysia. Pertama.

■1010

Kedua, patuh melindungi Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Yang Berhormat semua mesti tahu peraturan mesyuarat. Saya percaya semua sudah dibekalkan. Baca, dan juga baca Perlembagaan. Kalau Yang Berhormat semua tidak tahu peraturan mesyuarat dan Perlembagaan, *you are not fit to be here*, dengan izin. Hal ini saya cakap yang betul, ikhlas. Kita hendak bertanggungjawab kepada Dewan. Cara bersopan, cara beradab. Jangan keluarkan kata-kata yang *unparliamentary*, ataupun perkara-perkara yang tidak sepatutnya dikeluarkan, menjadikan Dewan sebagai contoh kerana rakyat di luar sana memerhatikan perangai kita. Jangan dilantik sebagai Ahli Parlimen tetapi tidak menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Ahli Parlimen yang berwibawa. Ini saya ingin peringatkan.

Yang Berhormat semua, dunia sekarang ini terlalu sempit, dan juga sekarang ini dengan ledakan teknologi maklumat, perkara tidak satu pun boleh kita hendak katakan rahsia. Khususnya sekarang ini Yang Berhormat semua faham sebagai rakyat Malaysia, banyak perkara telah dikeluarkan melalui media massa yang tidak bertanggungjawab, dan saya hendak menyatakan di sini Yang Berhormat semua, jangan sekali-kali bercakap secara emosi.

Jangan senang dipengaruhi oleh anasir-anasir yang sengaja mengambil tindakan untuk menghancurkan kerajaan kita. Ketaatsetiaan kita pada Malaysia mesti kita buktikan dengan cara kita, dengan ikhlas, tadi sudah disebutkan, dengan jujur. Jangan lupa. Kalau Yang Berhormat mempunyai niat yang tidak baik, maknanya Yang Berhormat melanggar apa taat setia yang telah Yang Berhormat lafazkan.

Sekarang ini- saya secara kebetulan, duduk di sini hampir enam tahun, telah pergi melawat ke luar negara, berjumpa dengan pelbagai pemimpin di luar, di seluruh dunia termasuk baru-baru ini di *New York for The 4th World Conference of Speakers of Parliament*, ataupun Yang di-Pertua seluruh dunia. Yang Berhormat, kita Malaysia ini, imej kita di luar cantik. Akan tetapi jangan orang kita di dalam merosakkan. Ini maknanya derhaka. Minta maaf. Saya ingin menarik perhatian bahawa Yang Berhormat mesti- selagi saya ada di sini, saya tidak mahu melihat perbuatan yang tidak baik, tidak bersopan, tidak menampakkan keikhlasan. Dan kemuliaan Dewan ini mesti sama-sama kita pertanggungjawabkan.

Sekian, terima kasih dan selesailah sudah Majlis Angkat Sumpah pada hari ini.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam, dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 29 Julai 2015:

1. YB. Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak.

Pada 6 November 2015:

1. YB. Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pendidikan (Pindaan) 2015;
2. Akta Parlimen Saraan (Pindaan) 2015;
3. Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015;
4. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 2015;
5. Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 2015;
6. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015;
7. Akta Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015;
8. Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015;
9. Akta Ahli Kimia (Pindaan) 2015;
10. Akta Polis (Pindaan) 2015; dan
11. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2015.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“3 Disember 2015

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Profesion Kesihatan Bersekutu 2015;
2. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015;
3. Rang Undang-undang Perbekalan 2016;
4. Rang Undang-undang Kewangan 2015;
5. Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015;
6. Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015;
7. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abdul Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam Perutusan itu dibaca bagi kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apa usaha yang dilaksanakan bagi memastikan rakyat yang berumur 40 tahun ke atas dalam kelompok berpendapatan miskin dan sederhana di mana masih ramai yang terpaksa menyewa berbanding memiliki rumah sendiri.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abdul Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas telah merancang dan memperkenalkan pelbagai inisiatif baru dan meneruskan program-program penyediaan perumahan mampu milik dengan fokus untuk memperkasakan golongan B40 dan M40 dengan perbezaan tahap bantuan berasaskan keperluan.

■1020

Kerajaan tidak menghadkan permohonan kepada kelompok umur tertentu sahaja sebaliknya fokus berteraskan kepada skala pendapatan. Ini bertepatan dengan deklarasi *UN Habitat 2009*, dengan izin, *“In a responsive and efficient housing market, the range of housing prices and rents have to be such that they response to all section of the population and reach the lowest segment and quote.”* Bagi merealisasikan harapan rakyat untuk pemilikan rumah, kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Perumahan Negara dan Majlis Perumahan Negara untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaras aspek perundangan serta memastikan penyediaan rumah secara lebih efektif dan efisien.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara program-program perumahan yang dilaksanakan oleh kementerian saya dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim Pinjaman Perumahan (SPP), Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*), Perumahan Transit 1Malaysia bagi membantu golongan yang baru berkahwin menyewa rumah, PR1MA oleh Perbadanan PR1MA Jabatan Perdana Menteri dan Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Selain itu kementerian saya juga akan melaksanakan Skim Sewa Beli atau *Rent to Own*, dengan izin, bagi membantu pembeli-pembeli rumah PPR yang menghadapi masalah mendapat pinjaman daripada pihak bank, skim ini dijangka akan dapat dilaksanakan bagi pembelian rumah-rumah PPR pada tahun hadapan.

Kementerian juga melalui Pembentangan Bajet 2016 tempoh hari telah diperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi melaksanakan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama sebagai sumbangan kepada pembeli rumah pertama untuk rumah mampu milik bagi tujuan bayaran deposit. Semua inisiatif dan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan ini adalah untuk membantu dan meningkatkan lagi pemilikan rumah oleh rakyat di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang sememangnya prihatin dan peka kepada keperluan rakyat terutamanya golongan miskin dan sederhana B40 dan M40. Namun kajian Khazanah Research Institute yakni KRI mendedahkan harga rumah di Malaysia ini terlalu tinggi Yang Berhormat Menteri malah amat tidak mampu dimiliki dengan harga rumah median 4.4 kali ganda pendapatan tahunan isi rumah sederhana atau secara ringkasnya dalam keadaan sekarang ini sekurang-kurangnya 75 peratus daripada golongan berpendapatan rendah di bandar lebih-lebih lagi di luar bandar memang tidak kemampuan untuk membeli rumah.

Soalan saya, adakah kerajaan akan mengkaji semula Dasar Perumahan Negara dengan memberi tumpuan kepada penetapan harga mampu milik yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran dan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik dalam pasaran yang mampu menstabilkan harga pasaran rumah untuk memanfaatkan rakyat keseluruhannya. Selain daripada itu, masalah utama rumah ini dalam pembelian rumah ini berkaitan dengan pinjaman, kemampuan golongan ini mendapatkan pinjaman perumahan sedangkan umur mereka ini semakin meningkat dan tempoh bekerja sudah tidak menepati syarat pinjaman.

Perkara ini berlaku lantaran harga rumah yang tinggi, jadi apakah solusi dan mekanisme yang disediakan bagi membantu golongan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau kita membincangkan tentang soal harga rumah ini Tuan Yang di-Pertua, memang banyak isu yang berkait. Dia bukanlah satu isu yang senang untuk kita hanya memilih satu dua faktor kemudian cuba untuk memberikan satu gambaran berkenaan dengan pasaran perumahan. Fenomena kenaikan harga rumah ini bukan berlaku di negara Malaysia sahaja tetapi di seluruh dunia. Kalau kita pergi ke ibu kota-ibu kota negara luar pun, mereka juga berdepan dengan fenomena kenaikan harga rumah yang terlalu tinggi yang menyebabkan *affordability*, dengan izin, itu menjadi satu masalah.

Saya mengambil maklum apa Yang Berhormat Senator sebut tadi berkenaan dengan Khazanah Research Institute, saya sendiri telah berjumpa dengan mereka dan berbincang. Memang ada beberapa perkara yang kita ambil maklum tetapi ada juga perkara yang telah disebut dalam laporan itu yang telah diambil tindakannya oleh kerajaan sebelum ini pun. Contohnya seperti moratorium, bila mana kita menjual rumah, Khazanah mencadangkan supaya tidak boleh dijual sekian masa, minta 5 tahun. Sebenarnya Yang Berhormat Senator, untuk rumah PPR contohnya, moratorium kita jauh lebih lama, 10 tahun. Bila kita jual PPR ini kepada pembeli, Projek Perumahan Rakyat ini, dia tidak boleh menjual dalam masa 10 tahun.

Izinkan saya sedikit menceritakan apa tindakan kita. Pertamanya ialah bila saya menjadi Yang Berhormat Menteri pada tahun 2013 yang lalu, kita berbincang dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan banyak input. Selama ini kita banyak memikirkan tentang soal mengurus permintaan. Maknanya pembeli. Kita gunakan kaedah *monetary*, percukaian ataupun kaedah menyenangkan pembeli untuk mendapatkan pinjaman. Itu cara kita untuk membantu mereka dan membantu supaya lebih ramai lagi rakyat Malaysia mendapat perumahan.

Akan tetapi pada masa yang sama dalam teori ekonomi, kita pun faham, harga akan naik sama ada dua perkara. Satu, bila permintaan terlalu banyak yang keduanya bila bekalan rumah tidak begitu banyak selari dengan permintaan. Sebab itu dalam 2-3 tahun yang lepas ini, banyak tumpuan kerajaan kita fokuskan kepada *supply side* ataupun bekalan. Selama ini kita cuma hanya hendak mengurus permintaan tapi kali ini kita hendak mengurus ataupun melihat secara fokus kepada penawaran rumah. Sebab itu PR1MA ditubuhkan dengan belanja berbilion setiap tahun untuk membina rumah mampu milik.

Sebab itu bajet untuk PPR contohnya dinaikkan setiap tahun. Tahun ini saja alhamdulillah, Kementerian Kewangan memberikan kenaikan 34 peratus kepada bajet Projek Perumahan Rakyat untuk tahun hadapan. Begitu juga SPNB, agensi-agensi yang lain yang telah diarahkan untuk menambah tawaran perumahan mampu milik dalam pasaran. Sebab itu saya melihat kalau kita tengok PR1MA contohnya, saya rasa kita kena bagi dia masa sedikit. Akta PR1MA hanya diluluskan pada tahun 2009 dalam Dewan yang mulia ini. Kemudian mereka memerlukan sedikit masa untuk mengurus pentadbiran mereka dan selepas itu cuba untuk mendapatkan tanah dan proses untuk membina rumah akan memakan masa 2-3 tahun.

Saya amat yakin Yang Berhormat Senator bahawa dalam masa 2-3 tahun ini bekalan perumahan dalam pasaran akan bertambah dengan siapnya bangunan-bangunan rumah yang telah dimulakan oleh PR1MA sejak setahun, 2 tahun ini. Oleh itu, banyak dasar yang lain. Kemudian ada lagi satu yang saya hendak sentuh di sini ialah beberapa buah dasar yang kita buat, kenaikan harga, dikenakan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ataupun *Real Property Gain Tax*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian kita pastikan bahawa harga minima hartanah yang boleh dijual kepada warga asing iaitu RM500,000 sekarang ini RM1 juta. Di bawah RM1 juta tidak boleh dibeli oleh warga asing.

Kemudian kita mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan secara telus dan terperinci terhadap harga jualan rumah termasuk semua manfaat dan insentif yang bakal dinikmati oleh pembeli sebab kadang-kadang pembeli tidak tahu apa yang dibeli dengan harga tersebut. Kemudian kita melarang pemaju melaksanakan *Developer Interest Bearing Scheme* yang boleh memperdaya pembeli dan pada masa yang sama memberi peluang pemaju mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Kemudian yang kelima mewajibkan pemaju melaporkan setiap pembelian pukal melebihi 4 unit. Maknanya kalau ada seorang individu yang membeli rumah 4 kali, 4 unit sekali gus, dia mesti melaporkan ke Jabatan Perumahan Negara.

Kemudian, mengeluarkan panduan *Loan to Value* bagi pembelian rumah ketiga dan ke atas di mana ia hanya membenarkan pinjaman sehingga 70 peratus sahaja yang akan diberikan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, senarai yang saya sebutkan tadi ini langkah-langkah kerajaan untuk memastikan harga rumah itu adalah dalam lingkungan yang boleh dimiliki oleh rakyat Malaysia. Saya faham bahawa di luar sana ini banyak masalah.

■1030

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada ironinya sedikit. Dalam kajian ini Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian *Khazanah Research Institute* yang disebut oleh Yang Berhormat Senator, juga disebut bahawa hampir 75 peratus rakyat Malaysia mempunyai rumah. Yang masalahnya ini ialah pembeli rumah pertama tetapi hampir 75 peratus rakyat Malaysia mempunyai rumah. Jadi ironinya ini kepada Kementerian Perumahan ini sementara yang membeli rumah yang pertama ini merasakan harga rumah terlalu tinggi, 75 peratus rakyat Malaysia sebenarnya mahukan nilai hartanah mereka itu naik dan bila orang yang membeli ini tadi, yang bising ini Tuan Yang di-Pertua, bila dia membeli, hari yang berikutnya dia berdoa supaya harga rumahnya naik.

Jadi ironinya ialah kita kena fokus kepada pembeli rumah pertama, itu yang paling penting. Oleh sebab itu, PR1MA, SPNB, PPR kita fokus kepada pembeli rumah pertama. Yang lain-lain itu, kita juga tidak mahu situasi di mana harga hartanah negatif kerana itu juga akan melahirkan banyak masalah lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai nota terakhir kepada jawapan Yang Berhormat Senator, saya nak sebut satu statistik sahaja yang agak menggembirakan kita. Pada suku ke-empat tahun 2012 Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga rumah pada suku ke-empat tahun 2012 ialah sebanyak 12.2 peratus setiap tahun, 12.2 peratus kenaikan harga rumah. Akan tetapi berkat kerana kita mengambil pendekatan yang bersepadu dan dasar baru kita, maka kita dapati sekarang ini untuk suku pertama tahun 2015, statistik yang telah dikeluarkan oleh NAPIC, kenaikan harga rumah hanyalah pada tahap 5.9 peratus. Bermakna ada penurunan daripada segi kenaikan. Maksud saya tadi itu ia naik tetapi pada kadar yang lebih rendah yang dapat memberikan kita peluang untuk memiliki rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mohon bertanya apa pandangan Yang Berhormat Menteri di mana ada sesetengah negeri yang mensyaratkan sekiranya ingin membeli rumah di negeri tersebut perlulah menjadi pengundi di negeri itu? Jadi persoalannya, sekiranya seorang guru atau seorang pekerja kilang yang bekerja di situ dan dia ingin bermastautin di situ tetapi dia mengundi di Kelantan ataupun Terengganu, adakah dia tidak layak membeli rumah di negeri tersebut? Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah pula pernah mendengar begitu. Yang saya pernah dengar ialah kerajaan-kerajaan negeri akan memberi keutamaan kepada penduduk ataupun warga negeri tersebut bukan berdasarkan dia pengundi di situ tetapi kepada mereka yang betul-betul warga. Katalah Selangor atau negeri-negeri yang berkenaan, sudah tentu mereka akan berikan peluang yang awal kepada penduduk di situ sebagai warganegara negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit maklumat kepada Ahli Dewan yang mulia ini berkenaan dengan satu fenomena iaitu pembelian unit bumiputera. Baru-baru ini saya telah membuat dasar baru, satu inisiatif baru, iaitu memperkenalkan satu sistem data bank perumahan yang dipanggil Teduh. Teduh ini bermakna perlindungan dalam Bahasa Melayu, program Teduh. Di mana Tuan Yang di-Pertua, dalam program Teduh ini, buat pertama kalinya kita akan menyenaraikan unit-unit bumiputera yang belum lagi dijual dalam mana-mana taman itu untuk dimaklumkan kepada rakyat. Ini kerana sebelum ini saya dapati Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap dengan pemaju perumahan, mereka mahu lepaskan unit-unit bumiputera yang ada dalam projek perumahan mereka itu kepada pasaran bebas kerana kata mereka tidak ada pembeli. Sementara itu, pembeli pula mengadu kepada saya, menyatakan bila mereka mahu mencari rumah unit bumiputera ini, unit ini telah habis dijual. Jadi ini masalah.

Jadi untuk menyelesaikan masalah ini, kementerian saya telah membuat dasar baru iaitu, pertamanya, kalau pemaju hendak melepaskan unit bumiputera ini ke pasaran bebas setelah enam bulan tidak terjual, dia mesti memberi peluang kepada kementerian saya dahulu untuk menjual tiga bulan lagi dengan sistem kita untuk kita uar-uarkan kepada rakyat Malaysia terutamanya bumiputera bagi menyelesaikan masalah tuduh-menuduh ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, ialah program Teduh tadi. Pertamanya kalau kita lihat dalam Program Teduh nanti, rakyat boleh masuk dalam program ini dan dapat melihat *progress report* rumah yang sedang dibeli. Contohnya, adakah ia lewat dua persen, lima persen, 10 persen. Sekarang ini bila kita beli rumah, kita tidak mempunyai cara yang sistematik untuk mengetahui sama ada perjalanan *construction* rumah tersebut itu mengikut jadual. Kali ini saya hendak serahkan maklumat ini kepada rakyat kerana maklumat ini hanya ada dalam jabatan. Saya kata kenapa kita simpan? Lebih baik kita beritahu kepada rakyat ataupun pembeli bahawa projek perumahan ini lewat lima peratus ataupun lebih awal lima peratus. Jadi dia dapat maklumat yang lebih.

Ketiganya, juga maklumat tentang baki unit yang belum dijual dalam perumahan itu, Tuan Yang di-Pertua. Itu juga penting. Kita akan uar-uarkan kepada rakyat baki unit bumiputera tadi. Yang lebih penting ialah *track record developer*. Ini pun masalah Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tidak dapat mengetahui kita beli rumah sama ada pemaju perumahan itu mempunyai *track record* yang baik, sama ada mereka pernah didenda, dipenaltikan, dikompakan dan sebagainya.

Itu akan kita keluarkan supaya para pemaju perumahan ini juga berdisiplin dengan pembeli di masa akan datang. Kemudian, kita akan tunjukkan juga beberapa kali rumah-rumah tersebut dibeli dan dijual, bertukar tangan dalam masa sepuluh tahun. Semua informasi ini ada dengan jabatan dan saya telah arahkan jabatan saya untuk- kenapa kita simpan? Biar kita maklumkan atau kongsi maklumat ini bersama dengan pembeli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab Menteri ada, saya bagi satu soalan lagilah. Silakan Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam.

Tan Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut kita nak *advertise* rumah-rumah kuota bumiputera dalam media bagi tempoh tiga bulan. Saya fikir tempoh ini amat pendek kerana mengenali kaum bumiputera, memang makan masa panjang untuk mereka membeli. Saya cadangkan tempoh ini patut dipanjangkan. Saya pernah sampai setahun, dua tahun atau tiga tahun. Kalau kita tidak berikan tempoh yang panjang, maka akhirnya kuota bumiputera akan terlepas ke tangan bukan bumiputera.

Kedua, saya mencadangkan supaya kerajaan membeli kuota-kuota bumiputera kerana lot kuota bumiputera diskaun lima persen, ada yang sampai 10 persen. Kemudian, Tabung Hartanah Bumiputera ini boleh menyewakan dulu dengan harga yang lebih rendah kepada pembeli bumiputera dan bila mereka mampu, mereka boleh beli kemudian. Dengan cara begini, kita *win-win situation*. Bumiputera pun untung, pemaju pun untung. Jadi saya harap kerajaan boleh menubuhkan tabung membeli kuota-kuota bumiputera. Kalau kita beli sekali gus banyak, kita boleh minta diskaun lagi dengan pemaju-pemaju berkenaan dan mereka memang setuju jika kita beli sekali gus dengan jumlah yang banyak. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertama sekali, saya ucapkan terima kasih, banyak dasar yang di bawah pentadbiran Yang Berhormat Senator semasa menjadi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka itu yang saya amat kagumi.

Dalam Majlis Perumahan Negara Yang Berhormat Senator, kita memang bawa isu ini. Sebenarnya negeri-negeri ini mempunyai pelbagai dasar, Tuan Yang di-Pertua. Ada yang enam bulan, ada yang setahun, ada negeri yang sampai dua tiga tahun. Akan tetapi yang saya hendak sebut di sini ialah apa pun dasar kerajaan negeri berkenaan, sama ada enam bulan baru boleh lepaskan kepada pasaran bebas ataupun dua tahun baru dilepaskan kepada pasaran bebas, unit bumiputera itu saya tambah lagi tiga bulan untuk kementerian saya.

Katahal di Melaka contohnya kalau dua tahun, maka dua tahun tiga bulan. Kalau di negeri lain enam bulan, enam bulan campur tiga bulan. Ada sebabnya juga kenapa kita tidak boleh memanjangkan tempoh ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu kerana *holding cost* itu juga akan- pemaju perumahan ini pandai. Kalau dia tengok nanti ini *holding cost* tinggi, dia akan alihkan kos itu kepada pembeli rumah yang lain. Jadi saya kira dengan teknologi yang ada dengan kami, dengan sistem yang ada dan juga kehadiran Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di seluruh negara mampu untuk menguar-uarkan ini kepada mereka yang hendak membeli rumah. Itu yang penting. Kita akan tengok, kalau tiga bulan ini terlalu pendek kita boleh ubah dan bawa kepada Majlis Perumahan Negara.

■1040

Keduanya, saya setuju sangat kalau Kerajaan Persekutuan boleh membeli rumah-rumah bumiputera yang tidak terjual ini dan disimpan oleh kerajaan di bawah tabung hartanah. Idea ini telah pernah saya bangkitkan tetapi buat masa ini Kementerian Kewangan atau pun kerajaan lebih fokus kepada pembinaan rumah. Oleh sebab itu banyak dana yang telah diberikan kepada PR1MA, PPR, SPNB dan sebagainya. Akan tetapi idea Yang Berhormat Senator itu juga akan saya panjangkan dan telah pun dibincangkan sebelum ini. Itu satu idea yang bagus.

Akan tetapi belum dapat dilaksanakan sekarang ini kerana fokus kerajaan ialah untuk membina rumah dengan kedudukan kewangan yang sedia ada sekarang ini. Terima kasih.

2. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta Perdana Menteri menyatakan, cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijadikan satu entiti berasingan yang tidak lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi memastikan badan itu lebih kukuh dan bebas dalam melakukan sebarang siasatan termasuk kes berprofil tinggi tanpa sebarang campur tangan luar.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abdul Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak...

Tuan Yang di-Pertua: So, Yang Berhormat Menteri sudah minta Yang Berhormat Pekan? Silakan.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa menambah baik usaha-usaha mencegah jenayah rasuah di negara ini termasuklah penambahbaikan daripada segi undang-undang dan memperkemas prosedur-prosedur sedia ada. Dalam hal ini perubahan nama dan struktur dari Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada SPRM pada tahun 2009 sendiri telah mencerminkan hasrat kerajaan untuk menambah baik keberkesanan SPRM yang di dokong oleh kebebasan dan ketulusan.

Pada masa ini, selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan yang bertindak sebagai *check and balance*, dengan izin, terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranan. Pembentukan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan Jawatankuasa Aduan telah dibuat melalui peruntukan undang-undang berkaitan. Manakala, pembentukan panel penilaian operasi serta panel perundingan dan pencegahan rasuah dibuat secara pentadbiran.

Kelima-lima badan khas ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan *accountability* dalam keseluruhan perjalanan SPRM dan mekanisme ini akan dapat membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan *accountability* Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan.

Sudah semestinya persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan dan kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Perlu juga ditegaskan usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan ini menunjukkan bahawa kerajaan sememangnya serius dan bersungguh-sungguh dalam menangani gejala rasuah. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana Menteri yang berkenaan tidak ada Yang Berhormat, saya rasa tidak wajarlah agaknya Menteri ini membantu. Walau bagaimanapun, saya harap Menteri-menteri yang berkenaan kalau boleh datang. Mungkin agaknya ada sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan. So, saya tidak benarkanlah soalan tambahan kerana Menteri ini, dia bukan bertanggungjawab berkenaan tajuk yang berkenaan.

Sekarang saya pergi kepada soalan yang ketiga. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Mohd Salim bin Sharif.

3. Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apa tindakan kementerian dalam menangani isu jerebu yang sering berlaku saban tahun serta apakah hasil MoU dengan Kerajaan Indonesia yang ditandatangani pada tahun 2013 lalu.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan 13 lagi soalan berkaitan perkara-perkara yang berkaitan memandangkan soalan-soalan berkenaan menyentuh perkara yang sama seperti berikut.

- (i) Yang Berhormat Datuk Lihan Jok juga pada hari ini;
- (ii) Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam pada 8 Disember;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad pada 9 Disember;
- (iv) Yang Berhormat Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar;
- (v) Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas;
- (vi) Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus pada 10 Disember;
- (vii) Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor;
- (viii) Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin;
- (ix) Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman pada 4 Disember;
- (x) Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus pada 16 Disember;
- (xi) Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh;
- (xii) Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah pada 21 Disember; dan
- (xiii) Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian pada 22 Disember.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya amat serius dalam menangani isu jerebu walaupun sudah berlalu, jerebu merentas sempadan yang berlaku hampir setiap tahun. Tindakan pencegahan dan kawalan kepada masalah jerebu ini dilaksanakan melalui kerjasama di peringkat ASEAN dan dua hala.

Antara kemajuan terpenting yang telah dicapai dalam usaha menangani masalah jerebu Kerajaan Indonesia akhirnya telah meratifikasi Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan iaitu *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* (AATHP) pada bulan Januari 2015 yang lalu. Merujuk kepada masalah jerebu yang melanda negara baru-baru ini beberapa tindakan drastik telah diambil termasuk yang melibatkan kepimpinan tertinggi negara yang berterusan membuat gesaan agar penyelesaian segera kepada masalah jerebu dapat diambil.

Dalam reaksi balas, Kerajaan Indonesia telah menyatakan komitmen mereka untuk mengambil tindakan pencegahan jerebu secara lebih menyeluruh dan berkesan bagi mengelakkan masalah yang sama berulang pada tahun 2016. Selain itu, daripada aspek penyaluran bantuan mengenai kaedah penyelesaian jerebu secara jangka masa panjang Malaysia kini dalam proses rundingan dengan Kerajaan Indonesia untuk memeterai satu perjanjian persefahaman MoU yang baru sebagai kesinambungan kepada MoU yang telah berakhir pada 3 Jun 2013.

Perkara ini telah dibincangkan dalam perjumpaan antara Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN semasa Mesyuarat Ke-11, *Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (COP-11)* yang berlangsung di Hanoi Vietnam pada 29 Oktober 2015 di mana Kerajaan Indonesia telah bersetuju untuk memuktamadkan dokumen MoU dalam tempoh yang terdekat.

Mengenai tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap pihak-pihak yang menyebabkan masalah jerebu, satu rang undang-undang berkaitan jerebu merentas sempadan perlulah dirangka terlebih dahulu bagi membolehkan proses perundangan diambil terhadap mereka. Kementerian masih dalam peringkat perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara bagi mengkaji keperluan untuk menggubal dasar dan mewujudkan mekanisme undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Isu jerebu ini merupakan isu yang merentas sempadan. Isu ini bukan sahaja mengenai kebakaran hutan tetapi ia juga menjadi kerana birokrasi di antara negara dengan negara yang lain. Sesungguhnya saya percaya Malaysia telah menjalankan tugas dengan baik berurusan dengan pihak Indonesia baru-baru ini.

Sungguhpun begitu difahamkan bahawa salah faham timbul semasa krisis jerebu baru-baru ini. Antaranya ialah perbezaan indeks pencemaran udara yang lain dan juga pendekatan yang sesuai. Isu, siapa sepatutnya mengetuai kempen memadam api dan juga isu kos yang kerajaan ataupun kementerian mengeluarkan untuk berlakunya pencemaran ini. Ia juga memberi kesan langsung kepada pelajar-pelajar sekolah kerana pemberitahuan pencemaran ini pada tengah malam. Pelajar dan akhirnya ibu bapa pun susah untuk menempatkan anak-anak yang tidak pergi ke sekolah.

Apakah langkah kementerian di masa akan datang supaya perkara ini dapat dimaklumkan lebih awal? Kalau ia berlaku supaya tidak tengah malam pukul satu, pukul dua atau pukul tiga pagi. Akhirnya pelajar ini pergi ke sekolah dan sekolah tutup. Di manakah pelajar ini hendak duduk? Ibu bapa bekerja. Maka wujudlah perkara-perkara yang tidak baik. Jadi, saya berharap dengan soalan saya, berapakah kos yang perlu dibelanjakan dengan isu jerebu baru-baru ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar jerebu ini telah menyebabkan kesan yang negatif secara menyeluruh sama ada yang *tangible* atau pun yang tidak *tangible*. Sama ada yang boleh dikira daripada segi kos atau pun yang tidak dapat dikira daripada segi kos.

Yang Berhormat bertanya, tentang berapakah kos yang telah ditanggung semasa musim jerebu khususnya daripada segi kempen, daripada segi tindakan dan sebagainya? Sebenarnya Yang Berhormat, sehingga kini kos yang ditanggung meliputi operasi pembenihan awan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, pemadaman kebakaran, pengagihan topeng penutup hidung dan mulut serta lain-lain yang berkaitan masih lagi dalam proses pengiraan.

■1050

Oleh sebab sehingga ini nampak Yang Berhormat lebih ke depan untuk tahu berapakah jumlah keseluruhan yang dibelanjakan. Yang Berhormat tadi sebut tentang tindakan-tindakan yang diambil oleh beberapa pihak termasuklah Kementerian Pendidikan atau pihak sekolah dalam memberitahu notis untuk mengambil tindakan mengelak jerebu ini. Sebenarnya Yang Berhormat, kita ada tindakan utama dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan. Maknanya, semua mengikut pelan tindakan jerebu kebangsaan. Umpamanya saya sebut satu, sekiranya IPU melebihi 100 menghentikan aktiviti kokurikulum sekolah untuk murid-murid yang berisiko tinggi.

Sekiranya IPU melebihi 100 lebih 72 jam, pembenihan awan bergantung pada kehadiran awan dan cuaca yang bersesuaian. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, pelan tindakan ada dilaksanakan, cuma seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang sekolah, ada juga kejadian-kejadian di mana Kementerian Pendidikan mengambil tindakan lebih proaktif.

Umpamanya begini, dijangkakan pada pukul 11 esok pagi, contohnya, IPU boleh melebihi 150 walaupun pada hari ini, petang ini katakan baru 110. Oleh sebab dijangka maka awal-awal lagi pihak Kementerian Pendidikan ataupun sekolah tertentu membuat pengisytiharan bahawa sekolah itu ditutup. Maknanya, nampak pada peringkat awal agak kelam kabut tetapi sebenarnya itu lebih baik daripada kalau sekolah ditutup waktu pelajar atau murid sedang bersekolah. Akan tetapi lama-kelamaan nampak rakyat Malaysia terutama ibu bapa, anak-anak telah pun, dengan izin, *get used to it*, maknanya telah biasa dengan arahan yang lebih ke depan. Misalnya kita cuti sekolah esok walaupun hari ini IPU rendah, belum lagi sampai ke tahap IPU 200 dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat jerebu yang lepas dan tahun-tahun yang sebelumnya berlaku, saya tak nampak jalan. Saya secara peribadi, tak nampak jalan jerebu ini dapat diselesaikan dan tiap-tiap tahun kita lihat bila ada perbincangan, maka ada negara-negara yang menuding jari ke arah negara-negara lain. Soalan saya bukan itu Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, semasa berlaku jerebu saya ke hospital kerana anak saya terlibat. Saya terpaksa menunggu di tempat kecemasan lebih kurang satu jam setengah kerana ramainya yang menunggu untuk berjumpa dengan doktor.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah ada kerjasama antara kementerian Yang Berhormat Menteri dengan Kementerian Kesihatan dalam menangani perkara ini pada masa hadapan? Yang lepas, lepas tetapi pada masa hadapan kerana perkara ini amat penting. Saya melihat sendiri bagaimana budak-budak yang bergelimpangan menunggu untuk masuk berjumpa dengan doktor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya di peringkat kerajaan telah pun sedia ada ataupun telah pun ditubuhkan jawatankuasa menangani jerebu di peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri di mana anggotanya terdiri daripada semua kementerian yang berkaitan termasuklah Kementerian Kesihatan. Dalam erti kata lain, pelan tindakan jerebu seperti yang saya sebutkan dalam jawapan awal tadi telah pun dibentangkan, dipersetujui, di 'endorse', dengan izin, oleh Kabinet, dengan izin, dan menjadi panduan kepada semua kementerian.

Saya menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat tadi supaya pelan tindakan itu, saya fikir pelan tindakan menangani jerebu ini lebih terperinci, lebih kemas dan lebih diaplikasikan dalam menangani jerebu-jerebu yang kemungkinan berlaku pada masa akan datang. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya kita lebih ke depan, kita lebih pantas dan mungkin Kementerian Kesihatan boleh bantu dalam bab ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, yang bertanya soalan ini ramai. Boleh tambah satu lagi pasal jerebu ini serius.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab biasanya kalau Menteri, kita bagi tiga. Kalau Timbalan Menteri, dua sahaja Yang Berhormat. Masa banyak lagi, boleh dibangkitkan kemudian.

4. Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apa langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dalam menangani situasi kenaikan kos sara hidup terutama daripada segi harga barangan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan yang telah mengajukan soalan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat pada 8 Disember; Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee pada 9 Disember; Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin pada 10 Disember; dan Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad pada 21 Disember, kerana menyentuh perkara yang sama iaitu isu kos sara hidup dan kawalan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar akan kemungkinan berlakunya kenaikan harga oleh mereka yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengeksploitasikan keadaan semasa seperti pelaksanaan GST dan perubahan kadar ringgit berbanding mata wang asing di dunia.

Keadaan ini sekiranya tidak dibendung akan membebankan rakyat dalam aspek kos sara hidup yang semakin meningkat. Justeru itu kementerian telah mengambil beberapa tindakan proaktif bagi menangani kenaikan harga barang keperluan. Pertama, kita mengenal pasti strategi-strategi yang berkesan dalam menangani isu-isu kos sara hidup dan harga barang secara holistik bersepadu dan berterusan melalui Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup dan jawatankuasa pusat ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan terdiri daripada Yang Berhormat Menteri-menteri serta kementerian-kementerian dan juga agensi yang berkaitan.

Keduanya, kita melaksanakan gerak gempur secara terancang dan berfokus melalui operasi penguatkuasaan ke atas rantai pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara melalui Ops Catut yang telah berkuat kuasa pada 15 Januari 2015 yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh pelaksanaan Ops Catut sehingga 6 Disember 2015, sebanyak 1,812,821 pemeriksaan telah dijalankan di mana sebanyak 6,536 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM1.328 juta dan kutipan kompaun sebanyak hampir RM907,056. Kes-kes ini pelbagai Tuan Yang di-Pertua.

Ketiganya ialah kita melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan sebagai satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan. Pada tahun ini Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah pun kita laksanakan semasa Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Hari Raya Puasa dan Deepavali dan skim ini akan terus dilaksanakan bagi perayaan Krismas yang akan datang.

■1100

Semasa skim penguat kuasa, peniaga dikehendaki menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang telah kita tetapkan dan sekiranya kegagalan berbuat demikian kita boleh ambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Itu yang ketiga.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan rakyat terus mendapat bekalan barangan yang harga terendah pula kita adakan satu kempen. Kempen penurunan harga pada tahun ini 2015 telah dilancarkan oleh kementerian pada 1 Mac yang lalu dan terus kita laksanakan sehingga kini, kempen ini. Sebanyak 2,690 buah cawangan pasar raya besar, pasar raya dan juga pasar mini di seluruh negara termasuk juga di Sabah dan Sarawak turut mengambil bahagian dalam kempen ini dengan penawaran diskaun sehingga ada barang-barang yang sehingga 70 peratus diskaun barang bagi lebih daripada 936,000 buah produk.

Kelimanya, kita meneruskan penyediaan barang keperluan yang lebih murah selalu yang saya sebut melalui Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Kedai Kain 1Malaysia dan sehingga 25 Disember ini sebanyak 170 buah kedai Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah kita adakan dan telah beroperasi di seluruh negara termasuklah Menu Rakyat. Itulah program-program yang telah kita laksanakan untuk menangani kos peningkatan kos sara hidup ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab paling baik.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan yang telah diambil terhadap peniaga yang dengan sesuka hati menaikkan harga barangan dan setakat ini bagaimanakah kejayaan tersebut diukur?

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya kasi satu contohlah. Ada pada saya punya pejabat sana ada kedai. Saya panggil saya punya budak pejabat bekerja saya panggil dia membeli satu barang, dia pergi beli RM8.50 satu barang. Hari yang kedua dia pergi beli RM9 dan hari yang ketiga RM3 dia tulis beri kepada saya. Ini macam hari-hari naik barang, macam mana kerajaan *control* barangan ini harga naik. Terima kasih. Tolong jawab.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang daripada segi peniaga-peniaga ini menaikkan harga kadang-kadang mengikut suka hati sebab itu kita mengadakan penguatkuasaan yang begitu tegas. Jadi saya sebut tadi, kalau ikut pemeriksaan sepanjang tahun ini lebih daripada 1.8 juta pemeriksaan kita buat dan 6,000 kes telah kita ambil.

Untuk makluman Yang Berhormat, kes ini pelbagai yang saya kata tadi. Kes mungkin ada 3,725 kes tidak meletakkan tanda harga, 37 kes kesalahan petunjuk ataupun gambaran mengelirukan, 124 kes atas kerana tidak mempamerkan tanda harga yang merah jambu ini pun ada, 113 kes lagi kesalahan mencatat ini Yang Berhormat sebut tadi dan menjual atau membekal barang dan perkhidmatan, 48 kes kesalahan enggan memberi maklumat dan enam kes tidak menyelenggarakan rekod dan pelbagai lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi kes-kes yang telah kita ambil dan kita telah bawa Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan kita ada senarai syarikat-syarikat yang terlibat. Ada kes yang kita kompaun dan ada kes yang kita bawa ke mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi kes kita ada 167 kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan sahaja bagi segi ketegasan kita 167 kes. Daripada 167 kes itu, kes yang tersabit ataupun kita bawa ke mahkamah ada tujuh kes jumlah denda RM465,000 dan daripada segi kompaun dan juga yang kita tawarkan lebih daripada RM535,000. Jadi masih lagi ada syarikat-syarikat yang kita masih lagi dalam siasatan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini membuktikan ketegasan bagi penguatkuasaan untuk memastikan supaya syarikat-syarikat ini tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya. Jadi dalam pemeriksaan yang kita buat, pemantauan ataupun penguatkuasaan ini pertamanya kita akan berjumpa sekiranya ada aduan. Jadi kita harap mendapat kerjasama daripada orang ramai untuk mengadu dan walaupun tanpa aduan kita ada juga buat pemeriksaan.

Jadi pertama apabila kita sampai ke tempat yang telah diadakan, kita akan melihat terhadap aduan dan kita memberi notis kepada syarikat untuk memberi penjelasan kepada Kementerian kenapa harga sedemikian telah pun diletakkan untuk barang-barang tersebut. Kalau macam contoh Yang Berhormat sebut tadi, dalam tempoh tujuh hari mereka mesti memberi penjelasan kepada Kementerian. Kalau penjelasan tidak diberi dalam tujuh hari kita akan terus kompaun ataupun kita akan terus bagi denda kerana dia melanggar akta.

Jadi, sekiranya jawapan itu diberi oleh syarikat-syarikat tersebut di atas salah laku yang mereka melakukan, daripada aduan-aduan ini, kita akan tengok sekiranya aduan ataupun penjelasan itu agak munasabah oleh sebab sesuatu harga diletakkan dengan ada alasan-alasan yang munasabah, kita akan terima penjelasan tersebut. Itu daripada segi syarikat yang menjual dan kita akan menyusuli kemudian sekiranya mereka mengadu bahawa mereka mendapat bekalan daripada pemborong dengan harga sedemikian.

Jadi kita akan berjumpa dengan pemborong. Kalau pemborong itu pula ada menyatakan daripada segi jawapan dalam notis itu mengenai dengan pembekal ataupun pengeluar, kita akan pergi kepada pengeluar untuk membuat, memberi notis supaya mereka juga memberi penjelasan.

Jadi bertingkatan daripada runcit, pemborong dan pengeluar akan kita kawal untuk kita pastikan mereka memberi penjelasan-penjelasan sekiranya ada aduan terhadap salah laku ataupun harga-harga yang telah diletakkan oleh mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kenaikan harga barang ini saya bersetuju dengan sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Seri Nallakarupan di sebelah ini dan Tuan Yang di-Pertua, kalau ramailah peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab ini dan ini boleh menyebabkan kerajaan yang ada hari ini boleh jatuh.

Jadi oleh hal yang demikian, saya fikir pihak kerajaan dan juga kementerian perlu mengambil langkah-langkah yang betul-betul pastikan supaya peniaga-peniaga ini tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga. Jadi dalam hal yang ini saya teringat ada suatu ketika Yang Berhormat Menteri mencadangkan untuk mewujudkan pemantau harga sementara.

Jadi saya ingat ini satu cadangan yang amat baik kalau kementerian boleh melaksanakan umpamanya boleh dilantik di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, di kalangan pegawai-pegawai polis, tentera boleh jadi seluruh negara ini dipantau oleh pemantau harga sementara. Jadi oleh yang demikian, peniaga-peniaga tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan harga. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat memang daripada segi pembantu-pembantu ataupun pegawai pemantau harga ini telah pun diwujudkan oleh kementerian di seluruh negara. Mereka ini menjadi mata dan telinga ataupun menjalankan tanggungjawab mereka untuk melaporkan mengenai dengan kenaikan-kenaikan harga barang ataupun sekiranya berlakunya sesuatu yang telah diambil oleh peniaga-peniaga. Jadi pegawai PPH ini telah pun sedia ada di seluruh negara yang dilantik oleh kementerian, untuk membantu penguatkuasaan pegawai-pegawai penguat kuasa untuk memberi laporan-laporan hasil daripada pemantauan.

Selain daripada itu untuk makluman Yang Berhormat, kita juga menggunakan penghulu-penghulu dan juga penggawa untuk menjadi pegawai-pegawai, dan juga untuk melaporkan kepada kita sekiranya terdapat sesuatu tindakan yang telah diambil oleh peniaga-peniaga di kawasan- penghulu pun ada, dan sekarang ini kita mendapat kerjasama daripada JKK.

■1110

Selain daripada itu, kita telah juga diberi tawaran untuk menggunakan khidmat pasukan RELA, tetapi ini masih lagi dalam perbincangan, supaya ramai pasukan RELA di seluruh negara untuk terlibat agar memastikan peniaga-peniaga yang ada di seluruh negara ini dapat kita bendung daripada menaikkan harga mengikut sesuka hati mereka. Jadi *insya-Allah*, dalam tempoh yang terdekat ini mungkin perbincangan-perbincangan ini akan kita adakan untuk mewujudkan pasukan-pasukan untuk membantu kementerian. Terima kasih.

5. Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta Menteri Pendidikan menyatakan, sungguhpun beberapa tindakan telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris, nampaknya pencapaian masih tidak begitu memuaskan setakat ini. Apa langkah-langkah susulan pihak kementerian dalam hal ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim yang bertanyakan soalan mengenai status penguasaan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia melipatgandakan program peningkatan penguasaan bahasa Inggeris termasuk pelaksanaan Program Literasi Bahasa Inggeris (LINUS 2.0), pelantikan fasih LINUS yang berperanan sebagai mentor dan pembimbing kepada guru Bahasa Inggeris Tahap Satu, perluasan peranan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+), pelaksanaan komponen sastera kontemporari kanak-kanak kepada murid-murid Tahap 2 - sekolah rendah, pelaksanaan sistem set di Tingkatan 1 dan pelaksanaan komponen sastera bahasa Inggeris (KOMSAS) di sekolah menengah serta pembekalan bahan bacaan tambahan bahasa Inggeris ke pusat sumber sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat, program Pemantapan Tahap Pengajaran Bahasa Inggeris, *Professional Up-skilling of English Language Teachers*, dengan izin, atau Pro-ELT telah dilaksanakan sejak tahun 2013 untuk melatih guru bahasa Inggeris secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2016. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga melaksanakan program *English Teaching Assistant*, dengan izin, ETA yang melibatkan 225 orang *Fulbright Scholars* di 100 buah sekolah manakala seramai 360 orang penutur jati atau *native speaker*, dengan izin, telah ditempatkan di 1,800 buah sekolah bagi membantu 5,000 orang guru bahasa Inggeris semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui program *Teach For Malaysia* (TFM) pula, seramai 240 orang *fellow* daripada universiti terkemuka dunia seperti untuk Oxford, Cambridge, Harvard dan sebagainya mengajar di sekolah-sekolah kementerian di seluruh negara.

Kementerian juga melaksanakan intervensi seperti Program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris SPM bagi meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris pelajar sekolah menengah. Kumpulan sasaran program ini ialah murid Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 di 1,191 buah sekolah *hotspot* iaitu sekolah yang mencapai peratus lulus bahasa Inggeris dalam SPM di bawah 77 peratus. Program ini dilaksanakan merangkumi dua buah komponen iaitu komponen dalam kelas dan komponen luar kelas.

Program *Oral Proficiency in English for Secondary Schools (OPS-English)* dengan izin, juga dilaksanakan di 827 buah sekolah seluruh Malaysia khususnya sekolah di luar bandar yang berada dalam Band 3 hingga Band 6 untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Mulai tahun 2016, dua program baru iaitu *Dual Language Programs (DLP)* dan *Highly Immersive Program (HIP)* akan dilaksanakan secara rintis. Namun, pelaksanaan DLP dan HIP akan mengambil kira syarat-syarat yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk kesan terhadap dasar MBMMBI. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

Saya faham bahawa banyak program yang telah dibuat dan mungkin akan dibuat untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris tetapi pada saya, masalah utama ialah kekurangan guru yang boleh mengajar bahasa Inggeris. Saya telah menjadi pengerusi PIBG satu buah sekolah di Kelantan, SRS.

Saya selalu diberitahu dalam mesyuarat, apabila kita bincang berhubungan dengan masalah ini bahawa kita tidak mempunyai bilangan guru yang mencukupi dalam bahasa Inggeris. Adakah dalam pandangan Menteri bahawa tindakan yang kita ambil mencukupi untuk menambahkan bilangan guru-guru bahasa Inggeris *because that is the basic* masalah, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Tan Sri Rahim yang mengatakan bahawa antara faktor yang utama dalam kita berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar-pelajar kita penyediaan guru bahasa Inggeris yang cukup.

Sebenarnya kalau mengikut statistik yang ada di dalam Kementerian Pendidikan Malaysia, sememangnya kita mempunyai bekalan guru bahasa Inggeris yang mencukupi tetapi masalah sekarang yang dihadapi ialah kita mempunyai taburan yang tidak seimbang.

Contohnya, antara negeri yang menghadapi masalah kekurangan guru bahasa Inggeris negeri di Johor dan negeri di Kelantan. Khususnya di Kelantan, di mana kita mempunyai perjawatan yang padat, sukar sangat untuk kita mengeluarkan seorang guru dari Kelantan untuk kita menghantar guru bahasa Inggeris balik ke Kelantan tetapi usaha itu sedang kita giat lakukan.

Sebenarnya, kalau untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negeri Kelantan, pencapaian bahasa Inggeris UPSR adalah yang terbaik di dalam negara kita. Jadi bukanlah berkata bahawa pelajar-pelajar atau murid-murid kita di Kelantan atau di luar bandar tidak berkemampuan untuk menguasai bahasa Inggeris tetapi usaha kita melakukan pemetaan semula atau penghantaran semula guru-guru bahasa Inggeris ke negeri-negeri yang memerlukannya sedang giat dijalankan. Diharapkan pada masa satu dua tahun ini kita dapat memenuhi kekosongan yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu tertarik dengan subjek pengajaran bahasa Inggeris ini terutamanya apa yang disebut oleh Menteri tadi tentang pencapaian bahasa Inggeris di Kelantan. Cuma saya ingin tahu, apakah sebenarnya sekarang ini tahap penguasaan bahasa Inggeris terutamanya dari sudut pertuturan oleh guru-guru bahasa Inggeris itu sendiri? Saya ingin tahu juga, adakah diwajibkan terutamanya di sekolah-sekolah menengah apabila mengajar bahasa Inggeris, apakah guru-guru diwajibkan pengantar ataupun bahasa pengantar yang digunakan sewaktu mengajar bahasa Inggeris bahasa Inggeris itu sendiri?

■1120

Subjek pengantar antara guru dan murid sewaktu subjek bahasa Inggeris bahasa Inggeris itu sendiri. Saya kira itu adalah sebahagian daripada cara penguasaan dan tentu sekali penguasaan bahasa Inggeris dari sudut pertuturan oleh guru itu sendiri sangat penting. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju bahawa memang itu menjadi dasar kepada kementerian supaya guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris itu bertutur sepenuhnya semasa PDP itu dalam bahasa Inggeris. Tidak sepatutnya mereka menggunakan dwibahasa atau menggunakan bahasa Malaysia untuk membuat penjelasan sebab itu pendekatan yang paling baik. Kita memerlukan, dengan izin, *contact hour* yang panjang untuk seseorang murid itu mencapai penguasaan bahasa Inggeris.

Tentang soalan kedua bagaimana dengan penguasaan atau pertuturan guru bahasa Inggeris kita, kita mempunyai program seperti yang saya jawab tadi iaitu program *Professional Up-skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)* yang kita bekerjasama dengan pihak swasta adalah untuk meningkatkan penguasaan atau pertuturan bahasa Inggeris guru-guru kita. Sebab kita mempunyai program ini untuk melatih semula guru-guru yang didapati belum mencapai pencapaian yang sepatutnya dan program ini sedang giat dilaksanakan dan melihatkan pencapaian yang memuaskan setakat ini. Program ini akan terus dilakukan supaya semua guru yang mengajar bahasa Inggeris itu mencapai tahap yang diilhamkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekian, terima kasih.

6. **Dato' Boon Som A/L Inong** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan dasar negara bagi memelihara sumber-sumber air mentah daripada tercemar serta langkah-langkah bagi memastikan negara mempunyai bekalan air bersih yang mencukupi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan populasi rakyat.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong.

Tuan Yang di-Pertua, dasar bagi memelihara sumber air telah terangkum dalam Dasar Sumber Air Negara (DSAN) yang telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Majlis Sumber Air Negara ke-6 pada 6 Oktober 2011 dan juga telah diluluskan dan diterima pakai oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Wilayah Persekutuan oleh Jemaah Menteri pada 22 Februari 2012.

Antara teras Dasar Sumber Air Negara tersebut ialah jaminan dan kelestarian sumber air perlu dijadikan keutamaan negara bagi memastikan air yang mencukupi dan selamat melalui penggunaan yang lestari, pemuliharaan dan pengurusan sumber air yang berkesan dengan disokong oleh mekanisme perkongsian bersama.

Antara langkah-langkah ataupun antara tindakan yang perlu diambil oleh semua pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber air bagi menangani isu pencemaran sumber air adalah menguatkuasakan undang-undang sedia ada bagi melindungi semua sumber air daripada dicemari. Dasar Sumber Air Negara secara jelas menggariskan pelbagai pelan-pelan tindakan strategik dan tindakan yang perlu diambil bagi melindungi kualiti sumber air dan juga kebolehdapatan sumber air.

Dalam pada itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mengusahakan penambahbaikan aspek perundangan supaya enakmen sumber air yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dapat diperkukuhkan bagi mengharungi cabaran pengurusan sumber air masa kini dan akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Boon Som A/L Inong: Soalan tambahan saya, bagaimanakah Kerajaan Persekutuan boleh melaksanakan Dasar Air Negara di negeri yang dikuasai oleh Pakatan? Kita paling banyak masalah air di Selangor kerana kerajaan negeri amalkan kuota politik, kerap tidak bersetuju dengan langkah-langkah Kerajaan Pusat menyelesaikan masalah krisis bekalan air di negeri Selangor dan di Lembah Klang.

Kedua, isu perlombongan bauksit di Pahang dan Terengganu telah mencetus keresahan rakyat. Apakah langkah kerajaan dalam hal ini? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tetapi yang kedua itu mungkin saya jawab umum sahajalah. Pertama, saya hendak sebutkan di sini sekali lagi iaitu kerajaan mewujudkan Majlis Sumber Air Negara dan *alhamdulillah* Majlis Sumber Negara telah pun mendapat persetujuan secara konsesi tentang Dasar Sumber Air Negara. Majlis Sumber Air ini kerap bersidang dan *alhamdulillah* banyak perkara-perkara yang dibangkitkan dan dipersetujui termasuklah oleh sama ada Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun Ketua Menteri negeri-negeri yang kerajaannya bukan Kerajaan Barisan Nasional.

Akhirnya berjaya bersetuju atas perkara-perkara kritikal dan juga dapat bersama-sama secara konsesi bersetuju tentang beberapa perkara pokok khususnya berkaitan dengan penyelarasan sumber air termasuklah pengaliran ataupun pembekalan air antara negeri seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Jadi, ini satu yang saya fikir satu kejayaan yang sangat *significant*. Terbaru, seperti yang sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor telah pun bersetuju untuk menerima bekalan air dari Pahang seperti yang kita sedia maklum.

Soalan kedua tentang pencemaran bauksit. Ini mungkin saya tidak jawab secara khusus tetapi kalau saya kaitkan dengan sumber air, sehingga kini, setakat ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun membuat sebuah bengkel khas tentang beberapa langkah yang sepatutnya diambil dan untuk tindakan seterusnya, saya jawab umum. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) ini sedang dan turut berunding dengan kerajaan negeri untuk mengambil langkah-langkah atau tindakan seterusnya bagi mengatasi masalah pencemaran khususnya berkaitan dengan air seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat kepada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, soal sumber air diletakkan semua tanggungjawab di bawah kerajaan. Soalan saya, adakah sebarang rancangan atau bentuk insentif yang dicadangkan oleh kerajaan kepada mana-mana individu atau sekumpulan rakyat yang cuba untuk menjaga sumber-sumber air di kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita ada Dasar Sumber Air Negara dan ia bersekali dengan semua undang-undang yang berkaitan termasuk enakmen di bawah kerajaan negeri. Maknanya ada penyelarasan, ada persetujuan, ada tindakan dan sebagainya. Memang menjadi tanggungjawab kepada semua kerajaan negeri untuk memastikan bahawa sumber air itu sentiasa terpelihara.

Yang Berhormat menyebut tentang inisiatif. Saya hanya boleh jawab secara umum iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khususnya di bawah Yang Berhormat Menteri yang baru ini sedang mengenal pasti aspek-aspek dan langkah-langkah yang lebih ke depan untuk memastikan bahawa sumber air negara ini yang saya fikir berkaitan rapat dengan jaminan makanan. Ini bolehlah kita kelaskan sebagai jaminan sumber air yang penting.

Pada masa yang akan datang lebih terpelihara ataupun lebih terjamin dan lebih selamat. Tidak berlaku pengurangan air bersih dan kita juga menerima banyak komen daripada pakar-pakar bahawa sebahagian besar dari sungai-sungai yang ada kaitan dengan sumber air ini tercemar atas banyak sebab. Saya fikir itu sahaja. Sekian, terima kasih.

■1130

7. **Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah pencegahan banjir dan persediaan awal bagi menghadapi musim hujan hujung tahun.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sampaikan soalan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan serta semua Ahli Dewan Negara. Keduanya saya ingin mengucapkan takziah kepada Allahyarham Tunku Abdul Malik, Raja Muda Kedah yang telah mangkat baru-baru ini. Takziah kepada Allahyarham Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim anakanda Sultan Johor, Tunku Laksamana yang telah mangkat baru-baru ini dan juga takziah kepada Yussry bin Edoo (Pak Yus) yang juga telah meninggal baru-baru ini.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa terdapat dua buah buku iaitu buku Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari dan buku Muhammad Abdul Wahab supaya semua rakyat Malaysia baca buku ini untuk tidak disalahfahamkan pemikiran tentang *terrorist* dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan nombor tujuh sebab ditanya kenapa saya membuat *introduction* sedemikian rupa. Oleh sebab ia ada hubung kait dengan bencana minda manusia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengendalian tindak balas bencana dalam tempoh musim tengkujuh ini, seramai 57,078 orang petugas agensi penyelamat telah diarahkan untuk bersiap siaga untuk diatur gerak bagi pelaksanaan operasi pemindahan dan penyelamatan yang terdiri daripada pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

Sebagai sokongan kepada operasi tindak balas ini, aset-aset milik agensi berkenaan turut diletakkan dalam keadaan bersiap siaga. Di antaranya ialah lori 998 unit, kenderaan pacuan empat-roda 1,882 unit, bot penyelamat 1,456 unit telah digerakkan bagi tujuan penyelamatan mangsa dan pemindahan mangsa yang terjejas bencana banjir. Dalam tempoh pengendalian musim tengkujuh pada kali ini juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan 5,122 buah pusat pemindahan untuk menampung pemindahan lebih daripada 1.6 juta orang mangsa dalam satu-satu masa.

Selain itu, sebanyak lima buah depot simpanan keperluan bencana telah diwujudkan mengikut zon iaitu di Kemumin Kelantan, Marang Terengganu, Bedung Kedah, Sungai Buloh Selangor, dan Muar Johor. JKM telah menetapkan sebanyak 565 buah pangkalan hadapan serta melantik 1,151 orang pembekal setempat bagi menyokong kelangsungan penyampaian bekalan makanan dan keperluan asas kepada mangsa-mangsa dengan segera.

Dalam hal ini juga, JPAM turut telah mewujudkan depot-depot simpanan bantuan bencana di lokasi-lokasi terpilih terutamanya di kawasan yang berisiko berlakunya banjir. Bagi memastikan kebajikan mangsa-mangsa bencana di pusat-pusat pemindahan, JPAM akan menyokong pihak JKM dalam melancarkan pengurusan terutamanya dalam aspek pendaftaran kemasukan mangsa ke pusat pemindahan dan penyeliaan pasukan-pasukan badan NGO yang turut membantu.

Selain daripada usaha memantapkan pengurusan penyampaian bantuan bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) selaku penyelarasan utama telah menyediakan platform induk bagi menghubungkan rangkaian kerjasama di peringkat pusat bersama NGO untuk mengenal pasti keupayaan dan bentuk sumbangan bantuan yang boleh digembleng bagi membantu kebajikan mangsa-mangsa bencana. Kerajaan pada 15 Oktober 2015 dan 23 Oktober 2015 yang lalu, telah menganjurkan satu sesi khas bersama NGO dan badan-badan korporat bagi mendapatkan persefahaman dalam meningkatkan keberkesanan usaha penyampaian bantuan kepada mangsa bencana yang amat memerlukan khususnya di kawasan-kawasan sasaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Menteri memberi jawapan yang begitu sempurna. Saya rasa kali ini kita telah bersedia dengan bagus sekali. Soalan saya ialah satu cara yang efektif bagi menyediakan penduduk di kawasan-kawasan banjir ialah dengan adanya satu sistem, dengan izin, *early warning system*. Saya hendak tahu sama ada Jabatan Metrologi mempunyai teknologi terkini dan teknik yang cukup untuk melaksanakan *early warning system*? Bolehkah Menteri memberi penerangan, apakah teknik-teknik baru yang telah diimplementasikan sejak tahun lalu? Nombor dua, sama ada taklimat telah dibuat dengan penduduk-penduduk tentang persiapan bagi menghadapi banjir? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Pertama, Jabatan Metrologi memang bersiap siaga dan laporan tentang banjir ini kita akan dapat lebih awal. Mungkin selewat tiga hari, seawal lebih tiga hari berdasarkan kepada kajian cuaca yang dilaporkan di seluruh dunia sebab cuaca ini berkait rapat di antara satu dengan lain. Maklumat tentang banjir itu kita tidak ada masalah. Maklumat gempa kita- Tuan Yang di-Pertua, satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, saya nampak Yang Berhormat Menteri kurang sihat. Demam.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya tidak demam Tuan Yang di-Pertua, saya tidur lewat.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, tidak mengapalah itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi semalam setelah berjumpa dengan Perdana Menteri, berjumpa dengan rakyat marhaen, rakyat jelata yang banyak telah dipesongkan minda. Jadi perbetulkan itu agak lewat, pukul 4 pagi.

Okey berbalik kepada tajuk ini, yang pertama sekali amaran banjir *no problem* Yang Berhormat, tetapi memang amaran gempa ini kita telah pamerkan di seluruh negara, gempa ini ia tidak dapat *detect* dengan lebih awal. Cuma kita dapat yang paling cepat kita *detect* ialah mungkin dalam 30 saat sebelum gempa. Macam di Amerika dan Jepun, *detection* 30 saat itu penting sebab mereka hendak tukarkan sistem daripada elektrik kepada *genset* sebagai contoh. Mungkin semasa itu berlaku pembedahan dan sebagainya, jadi mereka boleh teruskan walaupun tanpa elektrik.

Akan tetapi untuk banjir ini sudah ada, malah sistem- sekarang ini pihak kerajaan telah membekalkan peralatan yang sedang dipasang oleh JPS di seluruh Malaysia yang siap bertingkat-tingkat. Akan tetapi yang penting di sini ialah amaran ini tidak diikuti oleh mangsa banjir. Mereka sepatutnya berpindah sebelum banjir, bukan berpindah waktu banjir. Sekarang ini kita lihat banjir besar sedang berlaku di Chennai, India dan juga di Britain. Di Chennai ini, kita sedang membuat persediaan menghantar bantuan kepada mereka. Britain kita tidak dapat apa-apa maklumat lagi.

Akan tetapi kita lihat gambar-gambar yang ditunjukkan tidak nampak bot, nampak orang berjalan sahaja. Mana tahu orang sudah berpindah lebih awal. Jadi yang kita hendak berlaku di Malaysia ini ialah supaya pemindahan berlaku lebih awal daripada yang telah disebutkan. Kalau boleh sehari sebelum itu. Jadi persoalan timbul dia kata, siapakah hendak bayar makanan? Kita bayar, kerajaan bayar. Agensi Pengurusan Bencana Negara akan bayar, tidak ada masalah. Bukan soal bayar, soalnya ialah koordinasi di mana apabila mereka ini berpindah, kawasan rumah mereka biarlah dikawal oleh pihak keselamatan supaya tidak ada orang yang mencuri. Sebab apa? Pencuri juga mengambil kesempatan di atas apa-apa kekurangan yang berlaku. Di dunia pun sekarang kita lihat penjenayah mengambil kesempatan daripada ketidakstabilan sesebuah negara seperti yang berlaku di Libya.

■1140

Kedua Yang Berhormat iaitu, sama ada simulasi dibuat atau tidak. Arahan dibuat ini daripada dua tahun diarahkan supaya pejabat daerah membuat simulasi dan latihan. Bila kita buat simulasi dan latihan, ia bukan untuk mangsa, untuk pegawai dahulu supaya pegawai dapat mengenal pasti tugas dan tanggungjawabnya.

Jadi, baru-baru ini kita bagi penekanan lagi malah kita ambil contoh apa yang berlaku di Kemaman yang diuruskan dengan baik kerana *leadership* ataupun kepimpinan. Kepimpinan di peringkat daerah ini penting sebab mereka mesti pandai untuk mendapatkan aset tambahan dan dalam masa yang sama boleh menggembleng semua NGO yang ada. NGO di seluruh Malaysia yang besar-besar bertaraf negara ini kita sudah panggil dan membuat perjumpaan dan mereka sudah mengenal pasti apa yang mereka ada untuk mereka sumbangkan semasa banjir.

Kedua ialah syarikat-syarikat besar. Kita sudah panggil dan kenal pasti dan mereka ini akan dilantik menjadi bapa angkat kepada beberapa buah negeri yang sering dilanda banjir. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Okey, silakan Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita gembira kerajaan sekarang ini amat prihatin tentang persediaan menghadapi banjir pada musim tengkujuh. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pula keberkesanan persediaan bagi banjir-banjir kilat yang sering berlaku pada akhir-akhir ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Soalannya bagus, cantik tetapi malangnya tidak tepat orangnya. Jadi yang tepat ialah kementerian yang menjaga longkang, parit dan sebagainya. Jadi saya akan sampai, soalan itu akan pergi kepada Yang Berhormat juga untuk menjawab.

Saya ada maklumat tentang tebatan banjir yang telah diberikan oleh Menteri Kewangan II. Senarai tebatan banjir itu ada pada saya, akan tetapi yang paling besar-sebab banjir kilat ini kebanyakannya berlaku antara sebabnya mungkin saluran longkang itu kecil tidak dapat menampung. Keduanya, ada pembangunan yang dibuat. Pembangunan baru itu sering dimasukkan air ke perumahan lama. Yang lama pun tidak dapat tampung, yang baru pun masuk di situ.

Jadi ini ialah perancangan yang tidak tepat yang dibuat oleh PBT. Jadi, banyak perkara dan ada sesetengahnya longkang cantik tetapi tidak dicuci, macam-macam lagi. Jadi, masuk bawah kementerian itu. Jadi, di pihak saya ialah pastikan bila banjir berlaku kita akan tampil ke hadapan untuk membantu mangsa-mangsa banjir dan menolong mereka selepas banjir.

Walau bagaimanapun, bagi kerosakan yang berlaku masa banjir besar baru-baru ini kita sedang memperbaikinya dan kita juga membuat persediaan bagi tempat-tempat untuk perpindahan, yang itulah Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan jawapan Yang Berhormat Menteri itu tadi maka setakat itu dulu sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016

Bacaan Kali Yang Kedua

11.43 pg.

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bertajuk suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 digubal dengan terperinci dan komprehensif dengan mengambil kira senario ekonomi semasa dan komitmen kerajaan dalam memastikan negara terus berkembang maju dan keutamaan menentukan kesejahteraan rakyat. Bajet ini dan *insya-Allah* dan bajet-bajet seterusnya akan berteraskan keseimbangan di antara *capital economy* dan *people economy*. Kita perlu mencapai pertumbuhan yang bersifat *inclusive*, *sustainable* dan membina sebuah negara yang kompetitif dan saling berpadu.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 5.1 peratus dan dianggarkan mencapai 4.5 peratus hingga 5.5 peratus sepanjang tahun. Meskipun ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar yang perlahan iaitu 3.1 peratus pada tahun ini. Prestasi ini disokong kemasukan pelaburan asing yang terus kukuh bernilai RM27.1 bilion manakala indeks komposit bursa ABM KLCI mencatat 1,668 mata dengan nilai permodalan sebanyak RM1.67 trilion pada 4 Disember 2015.

Rizab antarabangsa kekal tinggi sebanyak RM417 bilion pada 13 November 2015 mampu membiayai 86 bulan import tertanggung dan 1.1 kali hutang luar jangka pendek. Akaun semasa pembayaran pula kekal positif pada RM22.7 bilion.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini kesemua *indicator* menunjukkan ekonomi negara berada pada kedudukan yang kukuh.

Bagi tahun 2016, pertumbuhan KDNK negara dijangka berkembang pada kadar 4 peratus hingga 5 peratus. Pertumbuhan ini, akan dipacu oleh pelaburan dan penggunaan swasta pada kadar 6.7 peratus dan 6.4 peratus. Eksport pula, dijangka tumbuh pada kadar 0.9 peratus dan import 1.5 peratus. Sektor pembinaan berkembang 8.4 peratus, perkhidmatan 4.5 peratus, manakala pembuatan sebanyak 4.3 peratus. Secara konsisten, kita telah mengurangkan defisit fiskal kerajaan daripada paras 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.2 peratus yang dijangka pada tahun ini, 2015. Berkuat kuasa 1 Januari 2016, kerajaan turut akan melaksanakan beberapa langkah untuk menambah baik layanan GST:

- (i) pengenaan GST pada kadar sifar ke atas semua jenis Ubat Terkawal di bawah senarai Racun Kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D', yang melibatkan peningkatan dari 4,215 kepada 8,630 jenama ubat;
- (ii) pengenaan GST pada kadar sifar ke atas barangan makanan tambahan antaranya susu bayi dan kanak-kanak berasaskan kacang soya dan susu organik, dal berasaskan kekacang, akar teratai (*lotus root*) dan sengkung air (*water chestnut*), biji sawi, gula merah dan mi kolok kering;
- (iii) bagi Skim Kadar Rata GST, *threshold* jualan tahunan diturunkan daripada RM 100,000 kepada RM 50,000 untuk dimanfaatkan oleh petani berskala kecil;
- (iv) bagi industri aeroangkasa aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih dibenarkan menyertai *Approved Trader Scheme* dan diberi pelepasan GST ke atas pengimportan barang-barang;
- (v) pelepasan GST juga diberikan ke atas pengimportan semula barangan yang telah dieksport secara sementara bagi tujuan promosi, penyelidikan atau pameran;
- (vi) pelepasan GST diberikan kepada pengimportan semula peralatan dalam industri minyak dan gas yang dieksport secara sementara, bagi tujuan sewaan dan pajakan.
- (vii) pelepasan GST diberi untuk perolehan bahan dan peralatan mengajar, kepada penyedia latihan kemahiran dan vokasional di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006.

Selain itu, penggunaan kad prabayar warga Malaysia akan mendapat kembali rebat bersamaan dengan amaun GST yang dibayar bagi tempoh 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016.

Bagi memantapkan struktur cukai, banjaran pendapatan bercukai bagi kadar cukai tertinggi ditingkatkan daripada 25 peratus kepada 26 peratus bagi mereka yang berpendapatan antara RM600,000 dan RM1,000,000 dan daripada 25 peratus kepada 28 peratus bagi mereka yang berpendapatan melebihi RM1,000,000.

Bajet 2016 memperuntukkan RM267.2 bilion berbanding RM260.7 bilion peruntukan dipinda 2015. Daripada jumlah tersebut, RM215.2 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM52 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Di bawah peruntukan mengurus- RM70.5 bilion adalah untuk emolumen; RM36.3 bilion bagi perkhidmatan bekalan; RM106.6 bilion pemberian dan kenaikan bayaran tetap; RM761 juta untuk pembelian aset, dan RM1 bilion kepada perbelanjaan lain.

■1150

Di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM30.1 bilion, diikuti oleh sektor sosial RM13.1 bilion, sektor keselamatan sebanyak RM5.2 bilion, sektor pentadbiran am iaitu sebanyak RM1.6 bilion dan simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion.

Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak RM225.7 bilion iaitu dengan peningkatan sebanyak RM3.2 bilion berbanding 2015. Mengambil kira jumlah perbelanjaan dengan hasil yang dikutip, defisit fiskal kerajaan dijangka menguncup kepada 3.1 peratus pada tahun 2016 berbanding 3.2 pada tahun ini.

Tuan Yang Dipertua, Bajet 2016 akan diuruskan berteraskan “*Mensejahtera Kehidupan Rakyat*”. Ia berpaksikan kepada lima keutamaan berikut:

- (i) memperteguh ketahanan ekonomi negara;
- (ii) meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau;
- (iii) mempersiapkan modal insan;
- (iv) memperkasa agenda bumiputera; dan
- (v) meringankan kos sara hidup rakyat.

Keutamaan pertama, memperteguh ketahanan ekonomi negara. Pertama, merencanakan pelaburan domestik. Kerajaan menyasarkan sumbangan pelaburan domestik kepada KDNK pada 26.7 peratus bagi tahun 2016 melalui langkah-langkah berikut:

- (i) pelaburan RM5 bilion untuk membangun *Malaysian Vision Valley*;
- (ii) pelaburan hampir RM11 bilion untuk melaksana *Cyber City Centre* dan RM7 bilion untuk membangun Bandar Lapangan Terbang atau Aeropolis KLIA;
- (iii) pelaburan RM6.1 bilion dalam projek domestik berimpak tinggi dan RM500 juta untuk modal teroka dan dana ekuiti persendirian oleh Khazanah Nasional Berhad;
- (iv) pelaburan RM18 bilion bagi *RAPID Complex* di Pengerang, Johor;
- (v) peruntukan RM320 juta untuk pembangunan *Rubber City* di Kedah. RM142 juta untuk Taman Perindustrian Samalaju, Sarawak; dan RM20 juta untuk Jeti Minyak Kelapa Sawit di Sandakan, Sabah; dan
- (vi) insentif baru Elaun Pelaburan Semula Khas akan diberikan di mana kadar tuntutan 60 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dan dibenarkan ditolak daripada 70 peratus daripada pendapatan berkanun untuk tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018.

Kedua, mempergiatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Sasaran sumbangan 41 peratus daripada KDNK menjelang 2020. Melalui lima tindakan berikut:

- (i) pertambahan RM1 bilion bagi Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah sehingga 31 Disember 2017 dengan kerajaan menanggung dua peratus daripada kadar keuntungan pembiayaan;
- (ii) RM107 juta untuk Pelan Induk PKS bagi pemberian dana di pelbagai peringkat perniagaan;
- (iii) RM60 juta untuk Skim Anjakan Usahawan dan Skim Peningkatan Kapasiti serta Keupayaan PKS;

- (iv) menubuhkan dana pinjaman mudah *SME Technology Transformation Fund* di bawah SME Bank sejumlah RM200 juta dengan kadar faedah empat peratus; dan
- (v) RM18 juta untuk memperluas Projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Projek *Automotive Workshop Modernisation* (ATOM).

Ketiga, menambah baik infrastruktur. Kerajaan akan terus menambah baik infrastruktur logistik, termasuk Lebuhraya Damansara-Shah Alam, Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang, Lebuhraya Pulau Indah dan Lebuhraya Central Spine Road. Sebanyak RM900 juta diperuntukkan untuk Projek Penyuraian Trafik Jalan Tun Razak. Turut dikaji pembinaan lebuh raya pesisiran pantai Masjid Tanah ke Klebang dan dari Klebang ke Jambatan Syed Abdul Aziz di Melaka.

Seterusnya, sebanyak RM42 juta disediakan bagi pembinaan Lapangan Terbang Mukah, Sarawak dan menaik taraf lapangan terbang di Kuantan dan Kota Bharu. Turut dikaji pembesaran landasan di lapangan terbang di Batu Berendam, Melaka.

Keempat, sistem pengangkutan awam yang efisien. Kerajaan juga telah memulakan rangkaian perhubungan awam lain seperti berikut:

- (i) Projek MRT II dari Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya, sejauh 52 kilometer, dengan anggaran kos RM28 bilion;
- (ii) Projek LRT3 dari Bandar Utama, Damansara-Johan Setia, Klang, sejauh 36 kilometer dengan anggaran kos pembinaan RM10 bilion. Di samping itu, rundingan *high speed rail* dengan Kerajaan Singapura akan diteruskan; dan
- (iii) Projek Bus Rapid Transit (BRT) KL-Klang pada kos melebihi RM1.5 bilion dan BRT Kota Kinabalu pada kos hampir RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kelima menambah baik infrastruktur telekomunikasi. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan menyediakan RM1.2 bilion, antara lain untuk meningkatkan kelajuan internet luar bandar, *national fiber backbone infrastructure*, jalur lebar berkelajuan tinggi dan sistem kabel dasar laut. Selain itu, RM250 juta disediakan untuk projek pendigitalan penyiaran nasional.

Keenam, penambahan infrastruktur luar bandar. Kerajaan terus melaksanakan usaha pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar seperti berikut:

- (i) RM1.4 bilion bagi membina serta menaik taraf jalan luar bandar sepanjang 700 kilometer dan RM200 juta bagi menaik taraf jalan di kawasan penempatan FELDA;
- (ii) RM878 juta untuk Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar kepada 10 ribu buah rumah. RM568 juta bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar untuk 3 ribu buah rumah;
- (iii) RM60 juta untuk program Ameniti Sosial, terutamanya projek perparitan;
- (iv) RM70 juta disediakan untuk meneruskan program *Rural Business Challenge* dan Program Desa Lestari; dan
- (v) RM67 juta bagi Projek Kenderaan Bas MARA untuk laluan yang tidak ekonomik.

Ketujuh, menggalakkan sektor pelancongan. Sebanyak RM1.2 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan. Permohonan visa secara atas talian atau *online application* akan dilaksanakan bermula dengan negara China, India, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Amerika Syarikat dan Kanada.

Kerajaan akan melaksanakan *e-Visa* menjelang pertengahan tahun 2016. Pengecualian cukai pendapatan sedia ada sebanyak 100 peratus daripada pendapatan berkanun diberikan kepada pengusaha pelancongan dilanjutkan mulai tahun taksiran 2016 sehingga tahun taksiran 2018.

Kelapan, memodenkan sektor pertanian. Sebanyak RM5.3 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Antara program yang akan dilaksanakan:

- (i) RM450 juta bagi pelbagai program berimpak tinggi;
- (ii) RM100 juta bagi menaik taraf infrastruktur saliran dan pengairan di kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu;
- (iii) RM190 juta bagi tujuan Program Penurunan Harga dengan menambah 50 buah lagi Pasar Tani dan mewujudkan 150 Agrobazaar Rakyat 1Malaysia (ABR1M) yang baru; dan
- (iv) RM70 juta untuk Program Pembangunan Agropreneur Muda dan Dana Pembiayaan Usahawan dan RM20 juta untuk penjenamaan semula MARDI, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan serta pelaksanaan Projek Ladang Pengganda untuk meningkatkan peningkatan penternakan lembu dan ladang ayam kampung.

Galakan cukai bagi aktiviti pengeluaran bahan makanan dilanjutkan sehingga tahun 2020. Skop insentif juga diperluaskan kepada ternakan rusa, tanaman cendawan, kelapa, rumpai laut, lebah madu dan kelulut serta tanaman makanan ternakan seperti ubi keledek dan ubi kayu.

Kesembilan, memperkukuh eksport. Kerajaan akan mempertingkatkan eksport negara melalui pelaksanaan program berikut, iaitu:

Pertama, sebanyak RM235 juta diperuntukkan kepada MATRADE untuk Program Promosi 1Malaysia, Dana Eksport Perkhidmatan dan Dana Promosi Eksport;

■1200

Kedua, MATRADE dan SME Corp akan meningkatkan keupayaan PKS dan syarikat peringkat pertengahan atau *mid-tier*; dan

Ketiga, Bank Negara Malaysia menyediakan kemudahan *credit swap* Ringgit-Renminbi kepada bank tempatan.

Untuk terus meningkatkan eksport, PKS diberi kelonggaran mematuhi syarat nilai tambah iaitu 30 peratus daripada 20 peratus dan 50 peratus kepada 40 peratus bagi produk perkilangan. Kelonggaran diberikan bagi tahun taksiran 2016 sehingga 2018.

Bagi menggalakkan perkhidmatan penilaian dan pematuhan piawaian antarabangsa dilakukan di dalam negara, kerajaan akan memberi galakan untuk penubuhan *Independent Conformity Assessment Bodies* (ICAB).

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan kedua, meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau meliputi; pertama, melonjakkan inovasi dan keusahawanan.

Sebanyak RM1.5 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sesuai dengan pengisytiharan tahun 2016 sebagai tahun pengkomersialan Malaysia, inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk:

- (i) PKS yang membuat perbelanjaan untuk projek R&D sehingga RM50,000 setiap tahun taksiran, layak menuntut potongan cukai dua kali secara automatik. Kemudahan ini diberikan bagi tahun taksiran 2016 sehingga 2018;

- (ii) RM100 juta kepada Agensi Inovasi Malaysia dan RM200 juta di bawah Skim Dana Lonjakan Teknologi dan Inovasi oleh Malaysia Debt Ventures Bhd.;
- (iii) RM50 juta kepada MaGIC, termasuk RM10 juta sebagai dana permulaan untuk Corporate Entrepreneurs Responsibility Fund; dan
- (iv) RM30 juta untuk pelbagai program keusahawanan generasi muda di *Global Entrepreneurship Community*, BAHTERA, GREAT, 1MET, National Innovation Competition, serta projek perintis *coding* di sekolah.

Kedua, mempertingkatkan penggunaan teknologi. Kerajaan akan menggalakkan lagi penggunaan teknologi *Industrialized Building System* (IBS). Untuk tujuan ini, dana khas *IBS Promotion Fund* sebanyak RM500 juta disediakan melalui SME Bank sebagai pinjaman mudah kepada pemaju dan kontraktor kategori G5 dan ke bawah.

Ketiga, membudayakan teknologi hijau. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan menyediakan bekalan air bersih melalui pembinaan loji rawatan air dengan peruntukan RM877 juta dan RM515 juta bagi meningkatkan mutu bekalan elektrik di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan ketiga, mempersiapkan modal insan yakni pertama, memantapkan kualiti pendidikan Malaysia. Sebanyak RM41.3 bilion diperuntukkan. Antara lain untuk membina 30 buah sekolah rendah, 27 buah sekolah menengah, empat buah MRSM di Sik, Ketereh, Tanah Merah dan Bagan Datoh dan lima buah sekolah berasrama penuh di Alor Gajah, Pendang, Segamat, Ledang dan Jerantut.

Di peringkat kelas pra-sekolah, RM44.6 juta diperuntukkan untuk pelbagai program meliputi 9,113 buah kelas seluruh Malaysia.

Kedua, meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sebanyak RM135 juta diperuntukkan bagi program memantapkan bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris. Dua lagi inisiatif iaitu *Dual-Language Program* dan *Highly Immersive Program* akan dilaksanakan secara *optional* dengan kos RM38.5 juta.

Ketiga, bantuan persekolahan dan makanan. Bantuan RM100 akan diteruskan dengan peruntukan RMM350 juta tetapi hanya dikhususkan kepada pelajar sekolah daripada kalangan isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah yang akan memanfaatkan 3.5 juta orang pelajar.

Program Rancangan Makanan Tambahan yang melibatkan 550,000 orang pelajar daripada kalangan keluarga miskin dalam eKasih akan diperluaskan dengan kos tambahan RM173 juta untuk sarapan pagi dan RM250 juta untuk makanan waktu rehat.

Keempat, menyelenggarakan fasiliti pendidikan. Sebanyak RM500 juta akan diperuntukkan untuk membangunkan dan menyelenggarakan fasiliti pendidikan untuk sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, sekolah mubaligh, sekolah berasrama penuh, sekolah agama bantuan kerajaan, MRSM, sekolah pondok yang berdaftar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Cina atau *conforming school* yang mengguna pakai kurikulum kebangsaan.

Kelima, memantapkan pendidikan tinggi. Pembiayaan biasiswa diteruskan dengan agihan antaranya seperti berikut:

- (i) RM1.6 bilion melalui Jabatan Perkhidmatan Awam;
- (ii) RM288 juta melalui Kementerian Pendidikan;
- (iii) RM250 juta melalui Kementerian Pendidikan Tinggi; dan
- (iv) RM258 juta melalui Kementerian Kesihatan.

Dalam menggalakkan lagi pendidikan tinggi, had maksima pelepasan cukai ke atas yuran pengajian pendidikan tinggi dinaikkan kepada RM7,000 daripada RM5,000 setahun.

Program Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM250 memanfaatkan 1.2 juta orang pelajar diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM300 juta.

Keenam, mentransformasikan latihan teknikal dan vokasional. Kerajaan menasarkankan 60 peratus daripada 1.5 juta orang pekerja baru adalah berkemahiran TVET menjelang 2020. Sejumlah RM48 bilion diperuntukkan kepada 545 buah institusi TVET di bawah bajet ini. MITI akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kemahiran Industri, bagi menyelaras program TVET dan dengan kerjasama pihak industri.

Ketujuh, memperkasa belia, komuniti dan NGO. Peruntukan sebanyak RM930 juta yang disediakan kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi inisiatif berikut:

- (i) RM280 juta untuk latihan teknikal dan vokasional di Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara;
- (ii) RM145 juta untuk mempersiapkan atlet negara untuk menghadapi cabaran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 pada tahun 2017 di Kuala Lumpur;
- (iii) RM75 juta untuk terus melahirkan jaguh sukan bertaraf dunia melalui Program Pembangunan Podium Sukan Elit; dan
- (iv) RM360 juta untuk menambah baik Program Latihan Khidmat Negara bagi 20,000 orang pelatih.

Kelapan, meningkatkan kualiti tenaga kerja. Bagi meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja dan menambah baik pengurusan tenaga kerja asing, program seperti berikut akan dilaksanakan:

- (i) memperuntukkan 30 peratus daripada perolehan Wang Pembangunan Sumber Manusia bagi melaksanakan program latihan mengikut keperluan industri setempat di Sabah dan Sarawak serta *outplacement centre* bagi melatih semula pekerja yang telah diberhentikan;
- (ii) melatih 15,000 peserta melalui Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dengan kos RM250 juta; dan
- (iii) melaksanakan Program *Train and Replace* dalam bidang terpilih seperti hospitaliti, perkapalan dan pengangkutan dengan peruntukan sebanyak RM77 juta.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan keempat, memperkasa agenda bumiputera. Sebanyak RM150 juta disalurkan kepada TERAJU untuk pelaksanaan pelbagai program. Sebanyak RM150 juta diperuntukkan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera untuk melaksanakan Program Peneraju Tunas, Peneraju Profesional serta Peneraju Skil dan Iltizam. MARA diperuntukkan RM3.7 bilion termasuk menaja pengajian 72,000 orang pelajar Bumiputera di peringkat pendidikan tinggi.

Bagi memantapkan pemilikan ekuiti serta memperhebat usahawan dan peniaga bumiputera, peruntukan disediakan seperti berikut:

- (i) RM400 juta kepada Dana Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas);
- (ii) RM250 juta kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad;
- (iii) RM150 juta kepada Pelaburan Hartanah Berhad; dan
- (iv) RM100 juta sebagai pinjaman kepada UDA Holdings.

■1210

Untuk agenda pembangunan di Sabah dan Sarawak, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan.

- (i) Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 1,090 kilometer dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM16.1 bilion. Di Sabah, fasa 1, lebuhraya ini akan mula dibina pada tahun 2016 meliputi 706 kilometer dengan anggaran kos RM12.8 bilion. Lebuhraya Pan Borneo ini akan bebas daripada sebarang bayaran tol;
- (ii) pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan *rural air services* dikecualikan daripada GST;
- (iii) RM70 juta disediakan melalui Bank Simpanan Nasional bagi pinjaman tanpa faedah untuk tujuan membina rumah-rumah panjang dengan had pinjaman RM50,000 untuk setiap unit di rumah panjang;
- (iv) RM70 juta sebagai subsidi baja padi huma disediakan untuk meningkatkan bekalan makanan dan pendapatan penanam-penanam padi huma;
- (v) RM260 juta disediakan untuk Program 1Harga 1Sarawak dan Program 1Harga 1Sabah bagi memastikan keseragaman harga barangan terpilih di seluruh negara;
- (vi) RM115 juta disediakan khusus bagi Program Khas Bumiputera Sabah dan Sarawak seperti program *native customary rights* serta membina *native courts* atau mahkamah-mahkamah adat; dan
- (vii) meningkatkan perkhidmatan Klinik Bergerak 1Malaysia di pedalaman Sabah dan Sarawak termasuk pembelian bot dan kenderaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan kelima meringankan kos sara hidup rakyat. Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan seperti berikut:

Pertama, sebanyak RM600 juta disediakan oleh TEKUN terdiri daripada RM500 juta untuk usahawan bumiputera dan RM100 juta untuk usahawan India. Selain itu, RM50 juta disediakan oleh CIMB Bank untuk membantu usahawan kecil India.

Kedua, tambahan RM200 juta kepada dana sedia ada Amanah Ikhtiar Malaysia.

Ketiga, sebanyak RM100 juta disediakan di bawah program pembangunan sosioekonomi masyarakat India dengan kerjasama NGO dan institut kemahiran swasta.

Keempat, tambahan RM90 juta untuk pinjaman mikro kredit kepada penjaja dan peniaga-peniaga kecil kaum Cina yang termasuk RM50 juta untuk KOJADI bagi melaksanakan projek infrastruktur dan program pinjaman mudah kepada penduduk kampung-kampung baru Cina bagi pembayaran premium tanah dan menambah baik rumah.

Kelima, sebanyak RM50 juta kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk program latihan kemahiran dan kerjaya serta program peningkatan pendapatan. Keenam, sebanyak RM100 juta kepada institusi latihan kemahiran swasta dan NGO bagi membantu B40 mendapatkan pekerjaan atau memulakan peniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan dan kemajuan masyarakat Orang Asli. Untuk ini, sebanyak RM300 juta disediakan bagi melaksanakan yang pertama, pembangunan perkampungan bersepadu antaranya di Sungai Siput, Perak dengan peruntukan RM80 juta.

Kedua, bantuan makanan tambahan, wang saku dan tambang pengangkutan sekolah sebanyak RM45 juta. Ketiga, projek pembangunan ladang getah dan kelapa sawit serta tanaman kontan menerusi projek pembangunan ekonomi Orang Asli sebanyak RM250 juta.

Program eRezeki dan eUsahawan akan diperluaskan ke seluruh negara dengan peruntukan RM100 juta untuk menambah peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan golongan B40. Bantuan sebanyak RM852 juta disediakan kepada RISDA dan FELCRA untuk melaksanakan pelbagai program peningkatan pendapatan dan produktiviti pekebun kecil dan penoreh getah. Sebanyak RM200 juta untuk menambah baik insentif pengeluaran getah atau IPG. Untuk ini, paras pengaktifan IPG dinaikkan daripada RM4.60 kepada RM5.50 sekilogram. Bagi getah SMR20 *Freight On Board*, dengan izin, bagi getah skrap atau *cuplumps* di peringkat ladang, dinaikkan kepada RM1.75 kepada RM2.20 sekilogram.

Kerajaan akan melaksanakan pemutuan sebenar bagi padi berasaskan penyeragaman harga padi pada paras RM1,200 bagi setiap tan metrik. Selain itu, kerajaan juga akan menambah baik Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dengan meningkatkan kadar SSHP daripada RM248.10 kepada RM300 bagi setiap tan metrik. Pelbagai program pemilikan rumah akan diteruskan seperti berikut.

- (i) membina 175,000 unit rumah PRIMA dengan peruntukan RM1.6 bilion. Sebanyak 10,000 unit dijangka siap tahun hadapan;
- (ii) membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad dengan pemberian subsidi RM20,000 bagi seunit rumah dengan peruntukan RM200 juta;
- (iii) membina 100,000 unit rumah Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia atau PPA1M menjelang tahun 2018, bantuan Dana Mudah Cara sehingga 25 peratus daripada kos pembangunan akan disediakan;
- (iv) membina 22,300 unit pangsapuri dan 9,800 unit rumah teres di bawah Program Perumahan Rakyat oleh KPKT dengan peruntukan RM863 juta;
- (v) menyediakan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama di bawah KPKT dengan peruntukan RM200 juta;
- (vi) membina lima unit rumah PR1MA dan PPA1M di 10 buah lokasi di sekitar stesen dan koridor LRT serta monorail, antaranya di Pandan Jaya, Sentul dan Titiwangsa;
- (vii) memperuntukkan RM67 juta untuk pembinaan 1,500 unit masyarakat Orang Asli;
- (viii) membina rumah untuk generasi kedua peneroka iaitu 20,000 unit rumah oleh FELDA. Harga maksima kini diturunkan kepada RM70,000 berbanding RM90,000. Sebanyak 2,000 unit rumah oleh FELCRA dan 2,000 unit rumah oleh RISDA;
- (ix) membina 800 unit Rumah Mampu Milik oleh GLC berhampiran stesen MRT dalam kawasan pusat bandar Kwasa Damansara oleh Kwasa Land milik KWSP dan 4,600 unit Rumah Mampu Milik oleh *Sime Darby Property*; dan
- (x) memperuntukkan RM40 juta di bawah KPKT bagi pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai. Selain itu, pengecualian cukai setem diberikan ke atas surat cara pembiayaan pinjaman kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyediakan persekitaran penduduk yang selesa, langkah berikut akan dilaksanakan:

Pertama, RM150 juta bagi membina dan membaik pulih 11,000 buah rumah daif di kawasan luar bandar oleh KKLW.

Kedua, RM155 juta bagi penyelenggaraan perumahan awam kos rendah dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia oleh KPKT. Antara lain tabung ini membolehkan pembiayaan 100 peratus untuk pembaikan lif, *railings* serta pendawaian semula.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan melaksanakan inisiatif berikut:

Pertama, membina lima buah hospital baru di Pasir Gudang, Kemaman, Pendang, Maran dan Cyberjaya.

Kedua, memulakan operasi Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur yang bernilai RM848 juta pada Oktober 2016.

Ketiga, RM260 juta bagi membina dan menaik taraf klinik desa, klinik kesihatan dan klinik pergigian berserta kuarters di seluruh negara.

Keempat, RM52 juta bagi operasi 328 buah Klinik 1Malaysia sedia ada dan pembukaan 33 buah Klinik 1Malaysia baharu.

Kelima, RM72 juta untuk bantuan perubatan termasuk hemodialisis yang memanfaatkan hampir 10,000 orang pesakit kurang berkemampuan. Keenam, RM46 bilion untuk bekalan ubat, *consumables*, vaksin dan *reagents* kepada semua hospital dan klinik kerajaan.

■1220

Bermula 1 Januari 2016 juga kerajaan akan mengenakan caj penuh rawatan pesakit bukan warganegara Malaysia. Peruntukkan hampir RM2 bilion disediakan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM970 juta disediakan termasuk untuk penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara, projek Rancangan Tebatan Banjir di seluruh negara dan Sub-Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional di Sabah.

Sebanyak RM17.3 bilion disediakan untuk Kementerian Pertahanan antaranya bagi perolehan enam buah *littoral combat ship system* persenjataan *very short range air defense*, kereta berperisai dan pesawat Airbus A400M serta diperlengkapkan dengan teknologi terkini termasuk penggunaan *unmanned airborne system*.

Sejumlah RM523 juta diperuntukkan untuk pembangunan kem tentera darat ESSCOM di Felde Sahabat, Lahad Datu Sabah. Sebanyak RM160 juta di peruntuk bagi membina empat ribu unit lagi kuarters anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia. Lembaga Tabung Angkatan Tentera pula, sedang merancang untuk membina tambahan dua ribu unit lagi rumah mampu milik pada anggotanya bermula pada tahun hadapan.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pula diperuntukkan sejumlah RM860 juta bertujuan antaranya untuk perolehan *offshore patrol vessel* dan kapal peronda. Sejumlah RM13.1 bilion disediakan kepada Kementerian Dalam Negeri antaranya, bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) RM155 juta untuk pembinaan dua buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) baru iaitu di Lawas, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah serta 10 buah IPD dan lima buah balai polis yang masih dalam pembinaan;
- (ii) merancang untuk membina dua ribu unit bagi rumah mampu milik bagi anggota Polis Diraja Malaysia;
- (iii) RM20 juta untuk Program Bandar Selamat di 60 kawasan hitam antaranya melalui pengasingan laluan pejalan kaki dan pencahayaan di kawasan tersebut; dan

- (iv) RM35 juta untuk penambahan 500 unit rondaan bermotosikal PDRM dan 500 unit lagi kereta peronda rondaan.

Bagi menghargai perkhidmatan awam, kerajaan bersetuju:

- (i) memberi faedah pemindahan gaji bersamaan dengan satu kenaikan gaji tahunan mengikut gred dengan peruntukkan RM1.1 bilion;
- (ii) menambah baik 252 skim perkhidmatan;
- (iii) menetapkan gaji permulaan terendah dalam perkhidmatan awam kepada RM1,200 sebulan;
- (iv) menetapkan kadar pencen minimum sebanyak RM950 sebulan yang akan melibatkan hampir 50 ribu pesara awam dengan sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan; dan
- (v) melantik secara tetap pegawai lantikan *contract of service* yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun.

Pelaksanaan kesemua langkah ini, akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 dengan peruntukan RM1.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M akan diteruskan dengan penambahan baikkan seperti berikut:

- (i) satu kategori baru diperkenalkan bagi semua penerima dalam senarai e-Kasih akan menerima BR1M sebanyak RM1,050;
- (ii) bagi isi rumah berpendapatan bulan RM3000 ke bawah, BR1M di tingkatkan daripada RM950 kepada RM1,000;
- (iii) bagi isi rumah berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000, pemberian BR1M ditingkatkan dari RM750 kepada RM800;
- (iv) bagi skim khairat kematian pula, pemberian sebanyak RM1,000 akan diteruskan; dan
- (v) bagi kategori individu bujang kadar bantuan akan ditingkatkan dari RM350 kepada RM400. Bantuan ini akan memanfaatkan sebanyak 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta orang individu bujang dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion.

Bagi menambah pendapatan boleh guna M40, inisiatif berikut akan dilaksanakan:

- (i) had pelepasan cukai bagi setiap anak berumur di bawah lapan tahun mulai taksiran 2016 digandakan daripada RM1,000 kepada RM2,000;
- (ii) had pelepasan cukai bagi pembayar individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan dinaikkan daripada RM3,000 ke RM4,000;
- (iii) pelepasan cukai terkumpul sebanyak RM1,500 untuk ibu dan RM1,500 lagi untuk bapa, dengan syarat ibu bapa masing-masing tidak berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan dan berumur 60 tahun ke atas;
- (iv) menaikkan had pelepasan cukai daripada RM6,000 kepada RM8,000 bagi setiap anak berumur 18 tahun dan ke atas yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian dalam dan luar negara bermula taksiran 2016; dan

- (v) bagi ibu bapa kepada anak-anak orang kurang upaya yang sedang melanjutkan pengajian di institusi dalam dan luar negara, had pelepasan cukai dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000 mulai tahun taksiran 2016.

Bagi membolehkan lebih ramai pekerja mendapat manfaat di bawah PERKESO, kelayakan caruman wajib dinaikkan daripada gaji RM3,000 kepada RM4,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016, gaji minimum negara dinaikkan daripada RM900 kepada RM1,000 sebulan bagi Semenanjung dan daripada RM800 kepada RM920 sebulan bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Gaji minimum ini melibatkan semua sektor kecuali perkhidmatan domestik atau pembantu rumah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersetuju dengan pemberian khas sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam dan bayaran khas sebanyak RM250 disediakan kepada 700,000 orang pesara awam. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bajet 2016 dirangka dalam jangkaan keadaan ekonomi yang mencabar. Namun, kerajaan yakin asas ekonomi yang kukuh serta kejayaan pelaksanaan keutamaan-keutamaan yang digariskan dalam Bajet ini mampu mencapai hasrat Mensejahterakan Kehidupan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan ada...

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menjemput Yang Berhormat yang telah menghantar nama dan membahaskan rang undang-undang ini, saya seperti biasalah memohon kerjasama Yang Berhormat sekalian. Mana-mana Yang Berhormat yang hendak membahaskan rang undang-undang ini supaya menghantar nama dengan secepat mungkin dan kalau boleh letak tarikh bila Yang Berhormat hendak membahaskan rang undang-undang ini. Kita cuma ada empat hari iaitu hari ini hingga hari Khamis, 10 hari bulan untuk membahaskan rang undang-undang ini. Jadi, saya mohon kerjasama Yang Berhormat. Bagi memulakan perbahasan kita, kita ingin menjemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

12.29 tgh.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk membahaskan ucapan Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat, 23 Oktober baru-baru ini dan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua di Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

■1230

Bajet 2016 ini merupakan bajet pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas dan menjadi penanda asas kepada hala tuju negara kita pada masa depan. Dengan bertemakan, "*Mensejahterakan Kehidupan Rakyat*", Bajet 2016 bermatlamat untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi negara untuk kesejahteraan rakyat.

Sebelum meneruskan perbahasan saya hari ini, mari kita lihat ataupun imbas kembali dengan ringkas perkembangan terkini ekonomi Malaysia. Prestasi pertumbuhan KDNK meningkat daripada 4.7 peratus pada tahun 2013 kepada 6 peratus pada tahun 2014. Anggaran untuk tahun ini, negara kita masih mampu berada dalam lingkungan 4 peratus hingga lima peratus walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang mencabar. Daripada segi rizab antarabangsa pula, angka terkini pada 30 Oktober 2015, berada di paras yang sihat iaitu sebanyak RM417.6 bilion, di mana jumlah ini boleh membiayai 8.7 bulan import tertanggung dan 1.2 kali hutang luar negara jangka pendek. Di samping itu, defisit fizikal telah menurun daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.5 peratus pada tahun 2014. Dengan pelaksanaan GST yang bermula pada April 2015, defisit fizikal dijangka dapat diturunkan lagi kepada 3.1 peratus tahun depan.

Baru-baru ini, Malaysia telah mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 untuk memantapkan kerjasama ekonomi negara-negara ASEAN. Ini menunjukkan Malaysia tetap disegani sebagai salah sebuah negara ASEAN yang berdaya saing. Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah berjaya mendapat pengiktirafan seperti yang dinyatakan dalam Laporan Kompetitif Global 2015/2016 iaitu *Global Competitiveness Report*, dengan izin. Kedudukan Malaysia meningkat ke tempat 18 dari tempat 20 tahun lepas di kalangan 40 buah negara. Bank Dunia juga telah memberi penarafan di tempat ke-18 dari tempat ke-20 tahun lepas daripada segi Indeks Kemudahan Menjalankan Perniagaan atau *Ease Of Doing Business*, dengan izin. Agensi penarafan antarabangsa seperti *Fitch Rating*, *Moody's Investors Service*, *Standard & Poor's* yang telah memberi unjuran positif terhadap Malaysia terbukti memberi kelegaan kepada pasaran tempatan dan juga membuktikan dasar ekonomi dan pengurusan kerajaan yang semakin baik.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib atas pencapaian ekonomi dan pengiktirafan ekonomi Malaysia di peringkat negara dan antarabangsa yang telah kita kecapai. Model Malaysia yang menggabungkan keterangkuman sosial dan dasar ekonomi pro-pasaran telah membawa negara kepada pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan di kawasan Asia Tenggara, bahkan salah satu daripada negara yang paling dinamik dunia.

Kita tidak akan mencapai taraf ini tanpa kepimpinan yang teruji seperti kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib. Pengarah Urusan IMF, Christine Lagarde pun bersetuju dengan kenyataan ini. Cuma izinkan saya menyebut bahawa dalam masa tidak sampai dua bulan selepas kenaikan kadar tol di beberapa buah lebuhraya, rakyat dimaklumkan pula dengan kenaikan kadar tiket perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) monorel, komuter dan bas yang bermula awal bulan ini. Kenaikan kos pengangkutan awam ini telah menjadi rungutan di kalangan rakyat yang memberi bebanan, terutamanya kepada golongan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu utama semasa yang berbangkit, yang berhubung kait dengan bajet.

- (i) isu cukai barang dan perkhidmatan GST,
- (ii) isu berkaitan perumahan,
- (iii) peningkatan taraf hidup kumpulan B40, M40 dan rakyat luar bandar; dan
- (iv) agenda bumiputera dan implikasi dalam konteks pembangunan negara.

GST telah dilaksanakan mulai 15 April 2015. Dalam pembentangan Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa GST langkah yang tepat untuk mengukuhkan hasil negara dalam keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu. Kejatuhan harga minyak dunia telah mempengaruhi dan menjadi salah satu punca penurunan nilai mata wang Ringgit Malaysia. Harga minyak dunia telah turun ke USD44 setong daripada USD99 setong pada tahun 2014.

Ini merupakan satu cabaran kerana sebanyak 31 peratus daripada hasil kerajaan pada tahun 2014 disumbangkan oleh sektor minyak dan gas. GST diperlukan untuk mengurangkan kebergantungan minyak dan gas dalam hasil kerajaan memandangkan harga minyak dunia dan kadar pertukaran yang tidak stabil. Jumlah kutipan GST daripada hasil minyak dianggarkan berjumlah RM30.64 bilion pada tahun 2015, berbanding dengan kutipan cukai jualan iaitu sistem cukai lama sebanyak RM17.22 bilion pada tahun berakhir 2014 tanpa GST.

Dalam pembentangan Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyatakan bahawa sekiranya kita mengekalkan sistem cukai lama iaitu cukai jualan, hasil negara akan berkurangan sebanyak RM21 bilion pada tahun 2016. Ini secara langsung akan meningkatkan defisit fiskal kepada 4 peratus berbanding dengan sasaran 3.1 peratus pada tahun 2016. Sistem GST ini masih lagi menjadi perdebatan, di mana orang awam yang terlibat dalam perniagaan terutamanya, masih cuba untuk memahami impak sistem tersebut kepada perniagaan mereka.

Saya mencadangkan mungkin kita perlu suatu pendekatan yang lebih efektif untuk memberi maklumat yang memuaskan hati rakyat agar mereka faham sistem GST ini dan memberi keyakinan bahawa GST tidak akan membebankan mereka, terutamanya kepada golongan luar bandar yang kurang mendapat pendedahan sewajarnya sebelum ini. Langkah kerajaan untuk melaksanakan GST adalah bertepatan dengan cabaran ekonomi yang sedang dihadapi pada masa ini dalam memantapkan dan menambah baik pentadbiran negara. Akan tetapi ia mestilah ditadbir dan diurus dengan cara yang lebih telus. Di samping itu, kefahaman rakyat terhadap pelaksanaannya perlulah ditingkatkan agar manfaatnya dapat diselami oleh semua lapisan masyarakat.

■1240

Saya yakin jika GST dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih efektif, rakyat akan lebih berkeyakinan dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan GST demi memberi matlamat kepada kedudukan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh adalah berhubung dengan isu perumahan. Pertama sekali, saya berasa amat bersyukur kerana kerajaan tidak mengembalikan Skim Tanggungan Faedah Pemaju (DIBS) dalam Bajet 2016 yang pernah menjadi isu seketika dahulu. Akan tetapi, isu perumahan masih lagi tidak ditangani dan semakin ramai rakyat terutamanya generasi muda tidak berkemampuan untuk memiliki rumah atau tempat berteduh. Rumah atau tempat berteduh keperluan asas rakyat yang sentiasa menjadi keutamaan selaras dengan ekonomi negara yang semakin pesat membangun.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2015, jumlah bilangan penduduk di Malaysia dianggarkan meningkat sebanyak 1.3 peratus kepada 30.996 juta orang penduduk berbanding tahun lepas seramai 30.598 juta orang penduduk. Dengan purata 4.58 orang bagi setiap isi rumah dianggarkan sebanyak 6.76 juta bilangan isi rumah pada hari ini berbanding dengan 6.68 juta pada tahun 2014. Dengan jumlah ini, sewajarnya negara kita mempunyai 6.76 juta unit rumah.

Akan tetapi, menurut Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), jumlah stok unit kediaman ataupun *formal housing* di seluruh negara pada pertengahan tahun 2015 adalah hanya 4.89 juta sahaja. Ini bermakna, jumlah bilangan rumah *formal housing* tidak mencukupi sebanyak 1.87 juta. Dengan cara pengiraan yang sama, jurang kekurangan bilangan rumah- *formal housing* sebanyak 1.95 juta unit rumah pada tahun 2010 telah didekatkan kepada 1.85 juta unit rumah pada tahun 2014.

Kerajaan menyasarkan sebanyak satu juta buah rumah mampu milik yang akan dibina menjelang tahun 2020 semenjak tahun 2013. Dengan unjuran sebanyak 141,600 unit rumah yang bakal disiapkan pada hujung tahun ini, ada baki sebanyak 818,400,000 unit rumah mampu milik yang perlu dibina sepanjang tempoh RMKe-11. Ini bermakna, sebanyak 163,700 unit rumah mampu milik mesti siap dibina setiap tahun dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Ini satu sasaran yang sangat mencabar jika dibandingkan dengan trend pertumbuhan penawaran stok harta kediaman negara semenjak tahun 1991.

Daripada statistik JPPH, kadar pertumbuhan bilangan unit perumahan atau kediaman di antara tahun 1991 hingga tahun 2000, 192,808 unit setahun. Kadar pertumbuhan bilangan unit perumahan ini meningkat kepada 197,770 unit setahun di antara tahun 2000 hingga tahun 2010. Sejak tahun 2010 hingga tahun 2014, kadar pertumbuhan stok kediaman telah merudum ke hanya 98,400 unit dibina setiap tahun. Pada pertengahan tahun 2015, hanya sebanyak 60,264 unit rumah telah dibina dan kita mengharapkan jurang terhadap sasaran sebanyak 163,700 unit rumah setahun dapat dirapatkan. Sasaran ini sekiranya tercapai akan dapat meningkatkan bilangan penawaran unit perumahan yang secara teorinya dapat membantu menurunkan kadar kenaikan harga rumah kepada paras yang lebih mampan.

Beberapa saluran telah diketengahkan dengan kerjasama badan-badan kerajaan, institusi-institusi kewangan dan syarikat pemaju bagi merealisasikan penyediaan rumah mampu milik untuk rakyat. Antara isu perumahan yang menjadi topik hangat dalam perbualan yang disiarkan melalui media dan persidangan-persidangan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak persiapan dan pengurusan yang jitu dalam penyediaan rumah mampu milik dan juga kebolehan seseorang individu untuk memperoleh kelayakan dalam mendapat dana bagi memiliki rumah.

Dalam Bajet 2016 yang telah dibentangkan, sebanyak 351,500 yang disasarkan untuk dibina. Namun, sejauh mana pemantauan untuk merealisasikan penyediaan rumah tersebut. Setakat ini, Perumahan Rakyat 1Malaysia ataupun PR1MA menasaskan sebanyak 10,000 unit rumah akan siap pada tahun 2016. Mekanisme pelaksanaan yang sedia ada sekarang perlu dipertingkatkan untuk mencapai sasaran kadar pembinaan rumah di dalam negara. Dalam hal ini, saya pernah menyarankan bahawa pada masa ini terdapat terlampau banyak kementerian yang diberi tugas untuk mengawal selia dan memantau pembinaan rumah di negara ini. Sebagai contoh:

- (i) Program Bantuan Rumah (PBR) diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (ii) Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (iii) Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia oleh SPNB di bawah Kementerian Kewangan;
- (iv) PR1MA di bawah Jabatan Perdana Menteri; dan
- (v) lain-lain lagi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Bukankah ia akan lebih berkesan jika semua agensi ini dipantau, dikawal selia dan diuruskan di bawah satu kementerian iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan izin, *after all, they are called the Ministry of Housing*. Dengan ini, segala data dan pencapaian pembinaan rumah yang dihasilkan dapat diselaraskan di bawah satu bumbung.

Sekali lagi saya mengesyorkan untuk pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan ini supaya semua masalah perumahan iaitu penyelarasan, pemantauan dan pelaksanaan perumahan diselaraskan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah naungan Majlis Perumahan Negara iaitu *National Housing Council*, dengan izin, yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga ialah berhubung dengan...

Dato' Dr. Johari bin Mat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Bolehkah?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

■1250

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim yang telah memberi satu perangkaan perumahan yang bagi saya sangat menarik dan memang saya hendak tanya soalan itu kepada Yang Berhormat Menteri tapi telah diberikan oleh Yang Berhormat Tan Sri. Saya melihat perangkaan perumahan ini masih sangat diperlukan oleh rakyat Malaysia dan ramai lagi yang tidak memiliki rumah. Saya sempat mencatatkan tadi, kita memerlukan 1.87 juta lagi perumahan yang perlu didirikan.

Saya ingin dapat maklumat daripada Yang Berhormat Tan Sri yang mempunyai pengalaman dalam bidang hal ini, setiap tahun kerajaan telah menyasarkan pembangunan, pembinaan perumahan dari semua peringkat, adakah rancangan-rancangan itu telah dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya? Adakah rancangan tahun lepas dilaksanakan sepenuhnya dan pada rancangan tahun sebelumnya dilaksanakan sepenuhnya? Adakah ia telah dapat dilaksanakan sepenuhnya ataupun ada terbengkalai, tidak dapat dilaksanakan, tidak dapat diteruskan sehingga menyebabkan rancangan pembangunan perumahan itu tidak mencukupi dengan sasaran penduduk kita. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Kepada saya sasaran telah tidak tercapai tetapi kita tidak boleh menyalahkan kerajaan semata-mata ataupun Kerajaan Persekutuan semata-mata. Masalah perumahan ini ada beberapa masalah. Pertama sekali, kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Seperti yang kita tahu dalam negara kita ini *land is a State matter*. Masalah tanah, masalah negeri masing-masing. Bukannya *Federal matter*. Jadi kalau masalah di Selangor misalnya, Kerajaan Persekutuan tidak boleh campur tangan berhubung dengan masalah tanah.

Oleh sebab itu, itulah saya kata *to start with*, dengan izin, satu kementerian sajalah, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mereka itu boleh berunding terus menerus dengan kerajaan negeri masing-masing. Kalau hendak SPNB, Menteri Kewangan, dengan izin Yang Berhormat Menteri Kewangan II, saya menyentuh hal ini. Biarlah masalah SPNB pun diselenggarakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh berunding dengan negeri Pulau Pinang, negeri Kelantan, negeri Johor dan sebagainya berhubung dengan masalah tanah di negeri masing-masing. Ini kita ada banyak sangat Menteri yang berunding, terpulang kepada masalah masing-masing.

Kedua, masalah di antara kerajaan dengan pembina-pembina rumah swasta. Ini masalah rumah mampu milik. Kita ada undang-undang ataupun peraturan-peraturan di mana setiap *developer* mesti mengadakan rumah rendah dan rumah mampu dan sebagainya. Ini lagi satu masalah. Tiap-tiap negeri ada peraturan masing-masing. Pulau Pinang, masing-masing sebab *State land is a State matter* dan Johor pun ada masing-masing, harga pun macam-macam. Kalau di Kelantan saya fikir sekarang ini definisi rumah murah ialah RM45 ribu tapi di negeri Terengganu berlainan pula.

Jadi oleh sebab itu saya fikir kerajaan mesti menentukan bahawa tiap-tiap *development* oleh *private sector* mesti mempunyai *percentage* untuk rumah murah dan rumah mampu milik dan saya *guarantee*, saya pun selain daripada menjadi konsultan hartanah, juga sikit-sikitlah membina rumah. Saya pasti bahawa keuntungan mesti ada dan supaya harga rumah ini janganlah ditinggalkan semata-mata untuk *developer* membuat keuntungan yang terlampau pun banyak.

Yang Berhormat Datuk Abas pun angguk, dia menengok, dia tahulah, dia kawasan Batu dia itu pun, orang bina harganya begitu tinggi. Penduduknya tidak dapat. Itu antara masalah.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sikit sebab Tan Sri sudah sebut nama saya. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya sangat bersetuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tan Sri sebentar tadi. Saya cadangkan kita syorkan kepada kerajaan. Apa salahnya kalau kita pertingkatkan lagi daripada 30 peratus ataupun 20 peratus naik kepada 40 peratus contohnya untuk rumah mampu milik diberi kepada bumiputera. Kalau kita tengok hari ini Tuan Yang di-Pertua, pembinaan rumah-rumah di sekitar Kuala Lumpur khususnya, banyak rumah yang dibina dengan harga melebihi RM500 ribu, RM600 ribu, RM700 ribu. Tidak terkecuali di dalam kawasan saya, rumah RM500 ribu dengan tanah, dengan tanah keluasan tiga ekar, empat ekar yang diberi oleh PBT, Dewan Bandaraya dan sebagainya. Rumah yang dibuat semua lebih daripada RM500 ribu ke atas. Sudah tentu tidak mampu untuk rakyat kebanyakan bumiputera untuk memiliki rumah tersebut.

Jadi kita kena pastikan, kita syorkan kepada kerajaan, kepada PBT, setiap pembinaan rumah baru sama ada kondominium atau sebagainya mestilah diadakan juga, diwujudkan rumah mampu milik di situ. Ini tidak berlaku. Malah tanah-tanah setinggian yang ada selama ini pun diambil oleh PBT dibina dengan kondominium mewah-mewah. Ini yang yang menjadi kekusaran kepada rakyat dan apa pandangan Yang Berhormat Tan Sri?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abbas. Nama dia tidak boleh sebut, kalau sebut dia bangun terus. Saya setuju, saya pun sudah bawa perkara ini saya ingat tidak kurang daripada 3-4 kali berhubung dengan *cooperation* di antara kerajaan dengan pembina rumah swasta. Saya sudah mengesyorkan bahawa selain daripada rumah murah, kita mesti ada satu perangkaan yang munasabah untuk memperuntukkan rumah yang dikatakan rumah mampu milik tetapi saya fikir perkara ini tidak dibuat di negara kita ini. Istimewa pula, dengan izin, Kementerian Wilayah Persekutuan, macam kawasan Batu, ini kawasan dialah.

Jadi saya fikir tiap-tiap *developer*, saya tahulah perkara ini *developers* akan marahlah, mengatakan keuntungannya kurang dan sebagainya. Akan tetapi saya fikir ada peluang untuk kita menentukan bahawa satu peratusan yang munasabah diberi kepada tiap-tiap *developer* untuk mengadakan rumah mampu milik mengikut harga yang tertentu mengikut kawasan di dalam satu-satu *development process* yang akan dibuat oleh *developers* swasta. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, nampak ada dua minit lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Isu ketiga ialah berhubung kait dengan taraf hidup kumpulan B40 dan M40 dan rakyat luar bandar. Golongan majoriti dalam populasi negara ini adalah tergolong dalam golongan kumpulan B40 dan M40 iaitu B40 ialah kumpulan isi rumah yang berpendapatan bulanan purata RM2,537 sebulan dan M40 ialah kumpulan purata pendapatan isi rumah sebanyak RM5,662 sebulan. Purata pendapatan isi rumah golongan B40 di luar bandar pada tahun 2014 RM1,760 sebulan berbanding dengan purata keseluruhan golongan B40 negara sebanyak RM2,537 sebulan. Ini menunjukkan purata pendapatan isi rumah golongan B40 di luar bandar adalah kurang sebanyak...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Masih panjang lagi kah perbahasan Yang Berhormat?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Lebih kurang 20 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sambung sebelah petang. Saya bagi Yang Berhormat 10 minit sebelah petang nanti, okey.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sekarang hingga jam 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Tuan Yang di-Pertua: Kita sambung semula perbahasan kita. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim dah habis? Saya nampak catat di sini ada sepuluh minit lagi. Silakan.

2.32 ptg.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ketiga dalam perbahasan saya ialah berhubung dengan pengiktirafan hidup kumpulan B40 dan M40. Banyak program yang akan dijalankan oleh kerajaan untuk mempertingkatkan kumpulan ini seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan II pagi tadi. Dalam memacu aras pembangunan di bandar, kita tidak boleh melupakan mereka yang tinggal di luar bandar. Pemerksaan kawasan luar bandar juga satu usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan juga kesedaran masyarakat luar bandar terhadap peranan mereka dalam mengubah keadaan hidup menjadi lebih baik dan lebih selesa.

Kementerian Luar Bandar dan Wilayah baru-baru ini telah melancarkan agenda untuk memperbandarkan luar bandar yang melibatkan transformasi prasarana luar bandar, pembangunan belia luar bandar, ekonomi luar bandar, keusahawanan luar bandar, modal insan dan sistem penyampaian perkhidmatan. Selain daripada tindakan-tindakan yang telah dijelaskan pagi tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kedua, saya mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan tindakan-tindakan berikut:

- (i) untuk memperkasakan ekonomi dan keusahawanan luar bandar. Saya mencadangkan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ditukar nama menjadi Kementerian Kemajuan dan Keusahawanan Luar Bandar dan Wilayah;
- (ii) saya cadangkan dana dan pengurusan Amanah Ikhtiar diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan dan Keusahawanan Luar Bandar dan Wilayah; dan
- (iii) kerajaan memikirkan untuk menubuhkan bank luar bandar untuk memberi pendedahan kemudahan kewangan kepada penduduk luar bandar. Jika saya tinggal di luar bandar, saya terpaksa lalui perjalanan yang jauh ke pekan berdekatan untuk menggunakan perkhidmatan perbankan dan lain-lain walaupun semata-mata hanya untuk mengeluarkan duit dari mesin ATM. Sekurang-kurangnya jika kerajaan oleh sebab-sebab tertentu tidak boleh menubuhkan bank luar bandar, tidakkah boleh kita memikir untuk mengembalikan sistem bank bergerak atau *mobile banking* untuk memberi pengenalan dan pendekatan sistem kewangan kepada penduduk luar bandar seperti yang pernah ditadbir oleh bank bumiputera dua puluh tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membawa isu berhubung dengan Agenda Bumiputera yang disebutkan sebagai keutamaan keempat dalam ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2016 lantaran untuk mensejahterakan rakyat.

Dalam hal ini saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut dalam strategi Bajet 2015 bahawa semua perancangan dan dasar ekonomi Melayu telah digubal berasaskan perhitungan komposisi masyarakat yang telah lama diterima pakai sebagai kontrak sosial oleh seluruh rakyat Malaysia, dilindungi dan dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Agenda Bumiputera, agenda ekonomi bumiputera dan merapatkan kurang ketidaksamaan agenda nasional.

Apatah lagi menjelang tahun 2020 apabila bilangan Melayu dan masyarakat bumiputera akan mencapai lebih daripada 70 peratus daripada rakyat Malaysia. Mari kita lihat pencapaian bumiputera setakat ini berasaskan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang pertama, sejumlah 413,278 orang usahawan mikro dan kecil telah mendapat manfaat daripada pinjaman yang disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga ataupun TEKUN. Pada tahun 2013, 32.7 peratus usahawan yang menerima pinjaman TEKUN Nasional telah berjaya meningkatkan hasil mereka antara 50 peratus hingga 150 peratus. Di bawah program Amanah Ikhtiar Malaysia, jumlah usahawan mikro dan kecil yang memperoleh pendapatan lebih daripada RM3,500 sebulan telah meningkat daripada 27,770 orang usahawan pada tahun 2010 kepada 128,450 orang usahawan pada tahun 2014.

Kedua, insiden kemiskinan dalam kalangan isi rumah bumiputera menurun daripada 5.3 peratus pada tahun 2009 kepada 0.8 peratus pada tahun 2014. GLC dan GLIC turut memberi sumbangan bagi meningkatkan bilangan bumiputera dalam pekerjaan bergaji tinggi. Sebanyak 79 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja dalam GLC dan GLIC terdiri daripada bumiputera. Daripada jumlah ini, sebanyak 34 peratus menjawat jawatan di peringkat pengurusan eksekutif dan ke atas.

Antara pencapaian-pencapaian lain yang dapat kita lihat ialah manfaat yang dinikmati oleh kaum bumiputera melalui usaha-usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup bumiputera. Walau bagaimanapun, adakah kita telah merapatkan jurang untuk menepati sasaran bagi bumiputera untuk mencapai kejayaan negara sebanyak 30 peratus. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif di bawah Agenda Pembangunan Bumiputera secara berterusan untuk meningkatkan status sosial ekonomi bumiputera.

■1440

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani. Antara cabaran yang perlu dihadapi pihak kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) penyertaan yang rendah dalam bidang profesional dan pekerjaan berkemahiran tinggi;
- (ii) sasaran pemilikan kekayaan belum tercapai;
- (iii) keupayaan untuk memiliki aset bukan kewangan yang rendah;
- (iv) pembangunan komuniti ekonomi bumiputera atau BEC masih ketinggalan; dan
- (v) kekurangan penyelarasan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Dalam isu meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang profesional dan pekerjaan berkemahiran tinggi, pada tahun 2014, sebanyak 65.3 peratus bumiputera bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan 9.3 peratus dalam pekerjaan berkemahiran rendah. Daripada segi kumpulan umur, sebanyak 87.7 peratus bumiputera berumur antara 15 hingga 24 tahun bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Sebaliknya, hanya 30.8 peratus bumiputera dalam kumpulan umur 25 hingga 40 tahun pekerjaan mahir.

Pemilikan ekuiti korporat bumiputera daripada segi nilai tara meningkat dalam tempoh RMKe-10. Walau bagaimanapun, pencapaian ini masih di bawah sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti korporat di peringkat mikro. Pemilikan melalui institusi bumiputera kurang memberikan kesan *trickle-down*, dengan izin, kepada komuniti bumiputera. Daripada segi nilai pasaran, syarikat awam tersenarai atau pun PLC milik bumiputera 16.1 peratus pada tahun 2011 dan meningkat kepada 16.8 peratus pada tahun 2014.

Pemilikan kekayaan dalam kalangan komuniti bumiputera juga tidak seimbang. Sebagai contoh, 71.5 peratus daripada pemegang Amanah Saham Bumiputera (ASB) mempunyai simpanan kurang daripada RM500,000 dalam akaun manakala 9.3 peratus pemegang akaun tertinggi menguasai 77.8 peratus daripada jumlah keseluruhan unit.

Menurut rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia, daripada 5.8 juta buah syarikat yang berdaftar, hanya 27 peratus sahaja kepunyaan bumiputera. Daripada 27 peratus ini, 90.2 peratus syarikat mikro di mana jumlah dagangan kurang daripada RM300,000 setahun.

Banci Penduduk dan Perumahan 2010 melaporkan, sebanyak 21.2 peratus bumiputera tidak memiliki sebarang harta kediaman. Laporan Pasaran Hartanah Negara 2014 pula menunjukkan bilangan dan nilai transaksi bumiputera sebagai pemilik baru adalah rendah. Bumiputera merekodkan 26,839 transaksi unit kediaman baru bernilai RM7.7 bilion daripada 55,165 jumlah transaksi bernilai RM21.6 bilion pada tahun 2014. Selain itu, hanya 711 transaksi unit komersial baru bernilai RM422.6 *million* melibatkan bumiputera daripada 5,313 transaksi bernilai RM4.7 bilion. Bagi unit industri yang baru, 39 transaksi bernilai RM35.6 juta melibatkan bumiputera daripada 1,103 transaksi bernilai RM1.4 bilion.

Berhubung dengan pembangunan komuniti ekonomi bumiputera...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak kah lagi, panjang kah lagi?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Lima minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, tidakkah kita patut memikir supaya penubuhan Kementerian Keusahawanan dikembalikan semula atau pun sekurang-kurangnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ditukar nama kepada Kementerian Kemajuan dan Keusahawanan Luar Bandar seperti yang saya cadangkan dalam ucapan saya di bawah tajuk peringkat taraf B40 dan M40.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, izinkan saya membawa satu isu yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa terpanggil untuk menyampaikan rungutan kawan-kawan kita bekas Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Dewan Negara yang telah bersara. Saya diminta untuk menyampaikan hasrat mereka supaya kerajaan memberi pertimbangan untuk menaikkan pembayaran pencen mereka sejajar dengan kenaikan pembayaran gaji dan elaun kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah kita luluskan.

Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan ini memandangkan kepada perkhidmatan mereka bukan sahaja semasa mereka menjadi Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat tetapi banyak daripada mereka terus memberi sumbangan kepada kerajaan dan rakyat di kawasan masing-masing sungguhpun mereka itu sudah pencen.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap komen-komen saya, sungguhpun saya banyak lagi hendak bercakap tetapi tidak ada, masa akan diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia. Semoga kita akan mencapai matlamat RMKe-11 untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi dan sejajar dengan hasrat Perdana Menteri untuk 'mensejahterakan kehidupan rakyat' iaitu tema Bajet 2016.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam* Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Syed Husin Ali.

2.47 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Belanjawan 2016. Ini kali terakhir saya akan membahaskan Belanjawan, kerana minggu depan akan tamat tempoh saya. Segala yang bermula akan berakhir juga.

Saya ingin merakamkan dua perkara yang telah saya timbulkan lebih awal dalam bajet-bajet yang lalu. Pertama ialah tentang perubahan atau pun *reform* dalam Parlimen. Perkara ini sudah banyak diperbincangkan sekarang ini. Dalam ucapan saya yang pertama menjadi Senator, saya telah mengemukakan cadangan-cadangan untuk *reform* bagi Dewan Negara. Saya tidak hendak menyatakan secara terperinci segala-galanya, cuma saya hendak mengingatkan hanya satu perkara iaitu saya meminta dipertimbangkan agar keanggotaan Senat ini diubah. Diubah dengan cara bahawa tiga orang wakil daripada tiap-tiap negeri dan daripada tiga itu, dua dipilih oleh pengundi dalam negeri tersebut dan satu oleh DUN yang berkenaan. Ini dibenarkan oleh Perlembagaan. Perkara ini saya anggap besar dan nampaknya perkara-perkara yang hendak diubah atau hendak *direformkan* oleh Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat lebih banyak membincangkan soal prosedur.

Perkara kedua yang saya ingin dipertimbangkan juga mengenai dengan bayaran AP atau pun peruntukan AP yang dibagi satu AP bagi tiap-tiap anggota Dewan bagi satu penggal. Mungkin saya sekarang ini patutnya ada dua AP sebab dua penggal. Kalau tidak, tidaklah.

■1450

Akan tetapi yang saya maksudkan bahawa saya sebenarnya menolak daripada segi prinsipnya tawaran ini tawaran AP ini, sebab saya menganggap ia bertentangan dengan prinsip saya. Saya lihat bahawa AP ini telah digunakan ataupun kadang-kadang telah disalahgunakan untuk memberikan peluang hanya pada orang-orang yang tertentu, kadang-kadang kroni-kroni, dan saya bukan kroni.

Apa yang penting pada saya ialah saya telah menghantar surat kepada pihak berkenaan dengan salinan kepada Setiausaha Dewan Negara meminta dipertimbangkan agar AP saya itu kalau boleh diberikan kepada salah seorang yang berpangkat rendah di dalam Dewan Negara ini, berdasarkan kecemerlangan khidmat mereka kepada Dewan Negara. Jadi terserahlah kepada Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua, untuk menimbangkan ini kalau boleh dijalankan, dan saya tidak akan menerima AP tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh sebab Yang Berhormat sebut Tuan Yang di-Pertua tadi, saya tidak ada kuasa Yang Berhormat yang mengeluarkan AP ini. Apa yang saya tahu, setiap Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat atau Dewan Negara selama hidupnya berhak satu kali sahaja. Oleh itu, kalau Yang Berhormat tadi kata, kalau Yang Berhormat menolak itu hak Yang Berhormat lah. Akan tetapi kalau hendak tukar kepada orang lain itu, itu bukan bidang kuasa saya.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi saya sudah meminta sebenarnya di pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Bila Yang Berhormat menyebut, "Tuan Yang di-Pertua", tadi itu saya hendak komen sedikitlah, itu sahaja.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih, terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan memulakan perbahasan saya, dan ada lima perkara yang hendak saya bahaskan.

Pertama ialah tentang GST yang telah banyak diperkatakan sekarang ini dan saya ingin memperkatakan juga lagi kerana dalam ucapan Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II perkara ini telah dibahaskan panjang.

Menteri Kewangan telah membentangkan belanjawan dengan memulakan perbahasannya dengan GST. Beliau mendakwa kerajaan telah mengambil tindakan bijak memperkenalkan GST kerana jikalau tidak defisit yang ditanggung kerajaan akan lebih besar lagi. Beliau mendakwa kononnya kami dari Pakatan Harapan juga sudah menyedari tentang kebaikan GST ini dengan kononnya menyokong dalam Belanjawan Alternatif Pakatan.

Dakwaan ini sebenarnya tidak benar. Sebenarnya jikalau Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri telah membaca Belanjawan Alternatif kami beliau tentu mendapati bahawa apa yang kami hendak ialah supaya kadar sifar berlaku kepada semua barang dan tidak hanya pada barang-barang tertentu. Berertilah kita menolak GST pada semua barang.

Sebabnya kami menentang GST ialah kami memandang, saya sendiri memandang bahawa GST ini merupakan cukai regresif. Sama banyak kadarnya dikenakan ke atas semua orang, yang miskin dengan yang kaya sama dan yang susah dengan yang senang sama. Akan tetapi sudah tentulah beban GST ini jauh lebih berat kepada yang susah dan miskin daripada yang kaya dan senang.

Selalu kita dengar dan tadi pun kita dengar daripada pembahas yang pertama bahawa rakyat mengeluh tentang GST ini. GST telah menaikkan harga setengah-setengah barang yang mereka perlukan. Keadaan bertambah buruk kerana walaupun harga minyak dunia agak rendah, harga minyak di sini masih tinggi. Selain daripada itu nilai wang Ringgit bertambah turun bererti barang-barang yang diimport bertambah mahal.

Seterusnya dibebankan lagi mereka dengan tol yang naik dan juga tambang ERL dan LRT yang meningkat. Itu sebabnya golongan miskin dan susah di bandar dan lebih-lebih lagi di desa merintih dan bahkan menentang keadaan harga barang dan keperluan yang bertambah tinggi sehingga kadang-kadang di luar kemampuan mereka. Tidak kurang pula peniaga-peniaga kecil pun dan peniaga sederhana rasa tidak puas hati dan kita merasa sedih ada juga misalnya di antara mereka yang telah membunuh diri kerana hal ini.

Tentu ada pihak yang akan menanyakan jikalau tidak dengan GST, dengan apa? Saya telah selalu menyatakan tentang hal ini, jawabnya mudah sahaja. Pertamanya kita memerlukan cukai yang progresif iaitu cukai yang lebih berat bebannya kepada yang kaya dan yang senang daripada yang miskin dan susah. Salah satu daripada cukai ini memanglah SST yang telah dibatalkan tetapi daripada SST tidak cukup untuk mendapat segala-galanya.

Oleh sebab itu, perlulah ada cukai yang lain, dengan izin, *profit gains tax* misalnya iaitu cukai atas laba dari harta. Apa yang lebih penting lagi kita berazam mengatasi masalah korupsi dan pembaziran untuk menyelamatkan berbilion-bilion Ringgit wang rakyat. Kalau misalnya wang yang tiris, yang digunakan untuk korupsi dapat disekat maka kita tidak memerlukan GST untuk mengurangkan defisit kita.

Perkara yang kedua ialah berkenaan 1MDB dan derma RM2.6 bilion. Ini pun selalu dibincangkan tetapi saya rasa perlu ini saya bangkitkan juga. Begitu banyak persoalan telah ditimbulkan oleh pelbagai pihak di dalam dan di luar negara mengenai 1MDB dan wang sebanyak RM2.6 bilion yang telah dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib. Akan tetapi tidak sepetah pun disentuh mengenai perkara ini dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri.

Ada pihak yang menyatakan bahawa kedua-dua perkara ini tidak ada kaitannya dengan Belanjawan. Mengapakah tidak? Bukankah modal permulaan 1MDB sebanyak RM1 juta telah disediakan oleh kerajaan? Bukankah Perdana Menteri sendiri Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB? Bukankah 1MDB mempunyai hutang yang banyak dan perlu dijelaskan dengan terang sama ada wujud atau tidak wang kerajaan yang akan digunakan untuk melunaskan sebahagian daripada hutang itu? Semuanya berkaitan dengan belanjawan.

Mengenai wang RM2.6 bilion itu pula, bermulanya akhbar dan media luar negara mendakwa bahawa wang yang banyak itu berpunca daripada 1MDB.

Bahkan didakwa juga bahawa wang hampir sebanyak itu juga telah disalurkan kepada seorang pedagang China yang mempunyai hubungan rapat dengan keluarga Perdana Menteri iaitu Jho Low. Beliau sekarang ini di luar negara dan tidak diketahui sebenarnya dia di mana, walaupun baru-baru ini diberitakan beliau telah dapat di *interview* oleh SPRM.

Buat beberapa waktu, wang RM2.6 bilion tidak dijelaskan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dari mana datangnya. Selepas kira-kira sebulan barulah dinyatakan bahawa ia merupakan derma daripada seorang yang kaya dari Timur Tengah. Derma itu dikatakan untuk parti pemerintah. Akan tetapi tidak diketahui siapa memberi dan untuk tujuan apa wang sebanyak itu diberi.

Jikalau untuk parti mengapakah wang itu dimasukkan ke dalam akaun peribadi Najib Abdul Razak? Tambahan kepada RM2.6 bilion ini wang sebanyak RM42 juta daripada SRC *International* telah juga dimasukkan melalui Syarikat Ehsan Perdana ke dalam akaun peribadi Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri. Kenapakah tidak ada laporan kira-kira?

■1500

Berhubung semua peristiwa ini, bukan sahaja Jho Low, bahkan empat orang pegawai Bank Negara dan SRC telah menghilangkan diri, mungkin keluar negara. Daripada apa mereka lari? Jikalau tiada kesalahan yang dilakukan, takkanlah mereka menghilangkan diri. Lagi pula, tentu mereka mempunyai sumber yang banyak untuk menanggung mereka di tempat pelarian...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Syed Husin Ali: Dari manakah datangnya sumber ini?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, ada yang bangun. Silakan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma minta pendapat atau pandangan Yang Berhormat. Kita memahami apa yang Yang Berhormat cuba sampaikan walaupun daripada segi pengetahuan umum, kita tahu bahawa siasatan 1MDB ini sedang berlangsung oleh PAC dan kita masih lagi menunggu laporan yang akan dibuat oleh PAC. Namun demikian, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya suatu masa dahulu pernah dicadangkan supaya semua sumbangan atau dana-dana politik yang hendak diberikan kepada mana-mana politik dalam negara, parti politik dalam negara ini mestilah di *declare*, dengan izin, tetapi rakan Yang Berhormat, DAP telah tidak bersetuju.

Jadi kenapa hari ini, selepas DAP sendiri yang tidak bersetuju supaya tidak perlu pengisytiharan dibuat oleh mana-mana parti politik yang menderma dana sama ada dari dalam ataupun luar, kenapa tiba-tiba hari ini apabila dana diterima oleh parti Barisan Nasional ataupun UMNO, kenapa ia menjadi satu perkara yang cukup hebat diperkatakan.

Sedangkan di peringkat awalnya apabila perkara ini telah dibentangkan oleh kerajaan, walhal rakan Yang Berhormat sendiri telah tidak bersetuju untuk supaya undang-undang ini dikuatkuasakan. Jadi, mohon pandangan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Barangkali DAP terpaksa menjawab bagi pihak dirinya sendiri, bukan pihak saya ya.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Akan tetapi tadi Yang Berhormat sebut soal Pakatan *consensus*, jadi mungkin Yang Berhormat boleh jawab bagi saya.

Dr. Syed Husin Ali: Pakatan tadi soal lain, tadi soal lain.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Tidak. Pakatan, mungkin Yang Berhormat boleh jawab ya. Itu...

Dr. Syed Husin Ali: Tidak boleh. Nanti, belakang ini ada perkara yang saya sentuh nanti.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Jadi sebelum Yang Berhormat lebih jauh, elok jawab dulu. Kalau tidak nanti takut...

Dr. Syed Husin Ali: Saya rasa pihak teman saya daripada DAP mengatakan tidak pernah mereka mengatakan mereka menolak.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Yang Berhormat Dr., kalau dibenarkan dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua. Ini atas permintaan saudara saya. Sebelum ini DAP pernah jawab tuduhan ini. Kalau / tidak boleh ingat tarikh itu, tetapi ada satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Anthony Loke di mana dengan jelas dia telah memberitahu bahawa DAP tidak pernah menentang cadangan untuk mengadakan satu mekanisme untuk kontrol sumbangan-sumbangan politik ini. Ini cuma sebagai penjelasan sahaja. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat, boleh saya...

Dr. Syed Husin Ali: Saya harap nanti saya dibagi masa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terpulang pada *you* Yang Berhormat, hendak benarkan atau tidak.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Yang Berhormat Syed Husin banyak buat tuduhan-tuduhan yang telah pun dibuat lebih awal di luar Dewan, dalam Dewan dan semuanya tidak berasas. Siasatan 1MDB telah pun dilakukan dan masih lagi dalam proses termasuk PAC dan juga akauntan beraudit. Baru-baru ini, CEO 1MDB pun telah membuat dialog terbuka dengan orang ramai. Saya cadangkan kalau ada lagi dialog itu, elok Yang Berhormat Syed Husin pergi jumpa Arul Kanda dapatkan penjelasan kerana kita telah dengar dan nampak penjelasannya amat jelas. Tidak ada salah guna kuasa kerana 1MDB memang dimodalkan dengan RM1 juta. Selepas itu projeknya besar, tentulah pinjamnya berpuluh bilion. Projek besar, mesti untungnya makan masa panjang. Kalau kita hendak berniaga pasar malam pun, satu malam tidak boleh untung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tanya soalan itu.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Ya, jadi saya harap tidak bolehlah Yang Berhormat mengadakan persepsi perkara-perkara yang sedang dibincangkan yang telah pun diperjelaskan dalam PAC diungkit-ungkit, padahal perkara ini telah banyak mendapat penjelasan tidak ada salah guna kuasa. Duit RM2.6 billion ini pun untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, SPRM sudah semak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat ada. Sekarang ini Yang Berhormat Syed Husin. Yang Berhormat minta penjelasan, minta penjelasan itu apa dia. Itu sahaja. Selepas itu...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Saya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat Syed Husin kerana beliau sebenarnya faham, tetapi sengaja sahaja buat tidak faham kerana politik [*Tepuk*] Macam tadi yang DAP...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cukup Yang Berhormat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih. [*Ketawa*]

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia bukan minta saya jelaskan, dia sendiri jelaskan. Saya memang setuju bahawa sedang disiasat. Akan tetapi kalau tengah siasat, mengapakah dikatakan tidak ada kesalahan yang dibuat? Saya hanya menimbulkan beberapa soalan...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, SPRM kata tidak ada kesalahan.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya masih berdiri. Tuan Yang di-Pertua, saya masih berdiri.

Saya ingin menyatakan bahawa perkara-perkara yang saya timbulkan ini dan juga telah ditimbulkan oleh ramai lagi sebelum ini adalah untuk menarik perhatian kepada pihak-pihak yang melakukan siasatan supaya diketahui sebenarnya apa yang berlaku sebab ini kita belum ketahui lagi apa sebenarnya yang berlaku. Khabarnya pada satu ketika, satu pendakwaan mahkamah hendak dilakukan ke atas seorang pembesar yang terlibat dengan soal 1MDB.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, ini pun soal peraturan Dewan. Mana boleh katakan khabarnya, khabarnya. Ini semua benda persepsi tidak boleh, kita mesti benda yang betul-betul.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi nanti, nanti. Tunggu, tunggu apa yang saya hendak cakapkan. Terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Memang ini semua fitnah sahaja... *[Disampuk]* Mana boleh khabarnya, khabarnya *[Ketawa]* Macam surat khabar. Kita tidak boleh gunakan kenyataan surat khabar, lebih-lebih lagi surat khabar...

Dr. Syed Husin Ali: Nanti saya jelaskan. Sebab saya katakan khabarnya, saya tidak hendak buat tuduhan Perdana Menteri yang melakukannya. Akan tetapi apa yang berlaku tidak lama selepas kononnya dakwaan hendak dibuat...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, macam mana boleh perkataan kononnya, khabarnya dalam Dewan yang mulia ini? Mestilah ada fakta.

Dr. Syed Husin Ali: Tidak, cek? - nanti saya, ini fakta yang saya dapat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Ini konon, konon. Maknanya bukan betul. Ini konon.

Dr. Syed Husin Ali: Faktanya akan datang.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Ini yang faktanya liwat, liwat, betul.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya harap beliau...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat... *[Disampuk]* Saya minta Yang Berhormat bersabar. Bila seseorang itu berucap, dengar dulu. Kalau minta perjelasan dan minta pencelahan, saya benarkan. Yang Berhormat juga ada masa, yang hendak balas segala itu semasa Yang Berhormat berucap nanti. Okey, silakan...

Dr. Syed Husin Ali: Berikutan daripada dakwaan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau boleh dalam peraturan pun ada, jangan perkara-perkara yang tentu ataupun sangkaan-sangkaan. Kalau ada bukti-bukti...

Dr. Syed Husin Ali: Ini bukan sangkaan sebab selepas daripada peristiwa itu, Peguam Negara dilucutkan daripada jawatannya dan digantikan dengan seorang yang lain. Perombakan Kabinet telah mengakibatkan empat orang Ahli Jawatankuasa akaun yang sedang menjalankan siasatan diangkat menjadi Menteri atau Timbalan Menteri dan dengan demikian, kerja Jawatankuasa itu terbantut.

Selain itu, dua orang pegawai SPRM yang sedang melakukan siasatan dipindahkan sekejap ke Jabatan Perdana Menteri. Seorang Timbalan Pengarah Cawangan Khas juga dipindahkan. Sekarang ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, untuk membuat penjelasan berkenaan pertukaran dua SPRM itu, saya terpanggil untuk memberi penjelasan bahawa pertukaran itu tidak berlaku dan itu saya hendak betulkan itu sahaja.

Mula-mulanya memang ada usaha tetapi perkara ini telah dapat diselesaikan, tidak ada masalah tentang itu. Itu saya hendak betulkan, setakat itulah. Maknanya pemindahan dua orang pegawai SPRM itu tidak timbul. Saya pun cakap ini kerana saya duduk dalam Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah bersama-sama dengan wakil Ahli Yang Berhormat juga.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apa yang berlaku ialah mereka telah dipindahkan sekejap, tetapi oleh sebab bantahan-bantahan, maka dipulangkan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak berlaku pemindahan.

■1510

Dr. Syed Husin Ali: Sekarang ini kesemua soalan ini yang saya hendak tekankan, kesemua soalan ini perlu disiasat, lebih-lebih lagi dengan wang RM2.6 bilion yang dikatakan derma yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi. Di manakah wang itu sekarang? Di Kuala Lumpur kah, di Singapura kah, di Cayman Island kah, atau di mana? Soalan ini belum terjawab. Jikalau sebahagian daripadanya telah digunakan untuk apa-apa pun, apakah tujuannya? Kesemua ini bukanlah persoalan yang baru bahkan telah dikemukakan berulang-ulang oleh pelbagai pihak. Baru-baru ini Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan berjanji akan memberi penjelasan tentang wang RM2.6 bilion itu pada hari akhir sidang Dewan Rakyat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya?

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi pada saat akhir, beliau dan Timbalan Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat benarkan atau tidak?

Dr. Syed Husin Ali: Tidak, saya teruskan.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Hendak tanya sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Bolehlah, Dr Syed Husin ini *last day* kan?

Dr. Syed Husin Ali: Lagi itu saya hendak habiskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi pada saat akhir beliau tidak memberi jawapan dan diganti oleh Timbalan Perdana Menteri. Memang benar sebagaimana yang Timbalan Perdana Menteri mengatakan kerajaan membenarkan parti-parti politik menerima wang derma untuk kegiatannya akan tetapi ada syaratnya. Mereka diperlukan memberi akaun lengkap yang telah diaudit. Adakah Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atau UMNO telah berbuat demikian ke atas wang diterimanya?

Soal wang derma sebanyak RM2.6 bilion dan RM42 juta itu perlu dijawab secara jelas, muktamad dan bertanggungjawab. Saya berpendapat ketika terbaik untuk memberi jawapan ini semasa Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri membentangkan ucapan belanjawan. Mengapakah ia tidak dilakukan? Bukankan tidak bijak hendak menutup bangkai gajah yang besar dengan nyiru yang kecil? Semua yang terlibat dengan hal-hal ini hendaklah disiasat dan dihadapkan ke mahkamah jika ada asasnya dan kemudian dihukum kalau bersalah dengan setimpal tidak kira apa kedudukan dan pangkat seseorang itu.

Perkara ketiga ialah pandangan saya bahawa peruntukan belanjawan ini adalah berat sebelah. Pertama, daripada perkara yang ketiga ini ialah tentang pengurusan dan pembangunan. Mengikut Belanjawan 2016, jumlah peruntukan seluruhnya ialah sebanyak RM267.2 bilion berbanding dengan RM260.7 bilion pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, kita dapati bahawa hanya kira-kira 19 peratus sahaja diperuntukkan bagi pembangunan dan 81 peratus untuk pengurusan.

Saya rasa bagi negara yang sedang membangun dan yang hendak menjadi sebuah negara membangun, maka perlulah lebih banyak belanja daripada 19 peratus diperuntukkan bagi pembangunan. Walaupun saya tahu memang susah hendak mendapat misalnya 50 peratus pembangunan dan 50 peratus pengurusan, sebagaimana yang dicapai oleh Selangor. Kadar peruntukan Belanjawan 2016 di seluruh negara bagi pembangunan ini tersangat rendah dan harus lebih daripada itu untuk mencapai Wawasan 2020.

Tentang defisit pula Tuan Yang di-Pertua, selama 18 tahun Belanjawan Negara mencatatkan defisit. Sepatutnya dalam keadaan ekonomi negara yang baik, boleh dicapai belanjawan *surplus* dan dalam ekonomi negara yang buruk barulah dikemukakan belanjawan defisit. Akan tetapi selama 18 tahun yang lalu, setiap belanjawan yang dibentang menunjukkan defisit sahaja.

Menteri Kewangan dalam ucapannya menyatakan kegembiraannya kerana mencatat defisit sebanyak hanya 3.1 peratus, malangnya saya bimbang angka ini akan bertambah. Kenapakah? Sebabnya ialah di setiap tahun kita melihat bekalan tambahan dikemukakan. Bukan sahaja sekali bahkan dua kali. Saya percaya dalam 2016 ini nanti tentu akan dikemukakan bekalan tambahan, bermakna jumlah dan kadar defisit akan bertambah lagi.

Saya pindah kepada pemotongan peruntukan. Kita lihat tadi bahawa Belanjawan 2016 lebih sedikit daripada belanjawan yang dipinda bagi tahun 2015. Akan tetapi peruntukan bagi kementerian-kementerian tidak selaras. Ada yang mendapat tambahan besar, ada yang dipotong dengan banyak. Antara kementerian yang mendapat peruntukan lebih besar ialah Kementerian Teknologi dan Inovasi, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Segala peruntukan mereka tidaklah begitu besar naik kira-kira dalam 10 peratus.

Antara kementerian yang dipotong peruntukannya ialah Kementerian Perusahaan dan Perdagangan; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri; Koperasi dan Kepenggunaan; Kementerian Pengangkutan; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; Kementerian Kesihatan; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Secara perbandingan, pemotongan bagi kementerian-kementerian ini lebih besar jumlah serta kadarnya daripada penambahan yang diperoleh kementerian-kementerian yang dapat tambahan tadi padahal bajet bertambah. Mengapakah dikurangkan? Kalau misalnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dikurangkan sampai hampir 50 peratus.

Bukan sahaja kementerian, bahkan ada beberapa buah jabatan atau agensi yang juga dipotong peruntukannya dengan banyak. Antaranya ialah SPRM sebanyak RM42 juta atau 14.4 peratus, Institut Integriti sebanyak RM5.7 juta atau 4.8 peratus dan SUHAKAM sebanyak RM54 juta atau 49.9 peratus. Saya ingin tahu apakah asas pemotongan peruntukan bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan tersebut?

Nampaknya semua jabatan dan sebahagian besar kementerian yang dipotong peruntukannya itu adalah penting-penting belaka. Umpamanya Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat penting untuk memperbaiki kebajikan rakyat. Ada juga jabatan bagi melawan korupsi serta mempertahankan hak asasi seperti SUHAKAM dan sebagainya.

Saya ingin bertanya, apakah keutamaan kerajaan sekarang ini sewaktu memikirkan tentang peruntukan belanjawan itu?

Kemudian perkara ketiga saya lihat juga ketidakseimbangan daripada segi peruntukan rendah untuk pertanian dan desa. Saya telah berulang kali menyatakan tidak puas hati oleh sebab peruntukan belanjawan untuk pertanian dan masyarakat tani yang secara perbandingannya adalah kecil.

Jumlah peruntukan bagi Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, ketiga-tiganya ialah RM16.9 bilion untuk tahun 2016 ini. Jumlah ini lebih kecil daripada tahun 2015 iaitu sebanyak RM18.3 bilion. Maka mengapa makin turun? Sudahlah peruntukan kecil bertambah menurun pula. Golongan petani di desa dan apatah lagi kawasan pedalaman adalah antara yang paling ramai termiskin.

Majoriti mereka terdiri daripada golongan Melayu dan bumiputera. Tidakkah kita mahu memberikan keutamaan kepada mereka? Kenapakah peruntukan Jabatan Perdana Menteri misalnya jauh lebih besar daripada peruntukan tiga kementerian ini? Saya mohon mendapat perincian perbelanjaan tiap-tiap item daripada jumlah besar peruntukan Jabatan Perdana Menteri itu. Adakah yang diberi untuk pembangunan masyarakat desa dan pedalaman? Kalau ada, kenapakah tidak dimasukkan di bawah salah satu daripada tiga kementerian yang disebutkan di atas?

■1520

Masyarakat desa dan pedalaman menumpu kepada aktiviti pertanian, terutama bersawah padi atau mengusahakan kebun kecil getah, kelapa sawit dan buah-buahan. Kini, hasil pertanian semakin kecil daripada segi KDNK. Tanah semakin kurang dikerjakan, bahkan kita lihat lebih banyak kawasan tanah terbiar. Seterusnya, harga keluaran pertanian tidak stabil, bahkan turun naik mengikut pasaran antarabangsa dan ada kalanya terlalu rendah. Padi terutama, memberikan pendapatan yang kecil bagi petani. Kebanyakan sawah dikerjakan hanya sekali setahun. Perlu diberikan bantuan dan galakan supaya pesawah mengerjakan bukan sekali akan tetapi dua kali seperti yang dilakukan oleh kebanyakan sawah yang dikerjakan oleh pesawah Cina di Tanjong Karang. Selain itu, perlulah kerajaan memberi bantuan teknologi dan baja yang lebih banyak lagi supaya para pesawah boleh meningkatkan produktiviti mereka.

Tidak begitu bijak sekiranya harga beras dinaikkan untuk menambah pendapatan petani padi kerana ia akan mengakibatkan bebanan yang lebih berat kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah di desa dan juga di bandar. Oleh sebab itu, subsidi atau bantuan pendapatan hendaklah diberikan terus kepada petani-petani sendiri dan jangan kepada kilang-kilang dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh golongan berada yang menjadi kroni-kroni besar yang menguasai industri pertanian padi ini.

Apakah yang boleh dibuat untuk memperbaiki harga buah-buahan waktu musim jelak yang berlebihan? Saya fikir usaha hendaklah dijalankan oleh lembaga dan syarikat koperasi yang disokong kuat oleh pemerintah. Lembaga dan syarikat ini boleh diberikan tanggungjawab untuk membeli buah-buahan supaya tidak berlambak dan tidak laku dengan mengetinnya atau menjualnya ke luar negara. Sekarang ini, ada buah-buahan yang dijual melalui Singapura terutamanya, syarikat yang dalam koperasi negara kita sendiri harus mengambil alih urusan permit penjualan ini. Misalnya, kita punya Durian Musang King banyak dieksport melalui Singapura. Di negara China misalnya, mereka menganggap Musang King itu dikeluarkan oleh Singapura dan bukan Malaysia.

Mengenai harga getah dan kelapa sawit yang tidak stabil serta menjejaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil akibat pengaruh pasaran dunia, maka hendaklah dijalankan supaya kesan buruk pasaran dunia itu tidak sampai menjejaskan pekebun-pekebun kecil. Satu caranya ialah dengan membentuk lembaga penimbun *stockpile* yang boleh menyimpan stok untuk menstabilkan harga. Pada masa pasaran dunia turun, lembaga ini boleh membeli getah dan kelapa sawit untuk menaikkan harga ini sedikit.

Kemudian bila harga di pasaran dunia meningkat tinggi, maka dilepaskan sedikit stok itu supaya dengan bekalan bertambah, harga akan dapat diturunkan sedikit. Dengan demikian, harga itu lebih stabil dan tidak berubah terlalu banyak atau terlalu tinggi atau terlalu rendah mengikut ketika-ketiknya. Di negara ini kita sudah lama dan masih banyak bergantung kepada import bahan-bahan pertanian yang diperlukan. Misalnya, sekarang ini negara kita mengeluarkan hanya 70 peratus hingga 75 peratus daripada seluruh keperluan beras negara.

Kerajaan merancang dan menjangkakan kita akan mencapai tahap sara diri, *self sufficiency*, dengan izin, pada 2020. Memandangkan apa yang sekarang sedang berlaku dalam usaha pertanian padi sekarang ini, saya kurang yakin matlamat ini akan dapat dicapai. Kekurangan bekalan daging lebih teruk.

Kita memerlukan 200 hingga 250 tan metrik daging akan tetapi seluruh negara berupaya mengeluarkan hanya kira-kira 50 tan metrik. Banyak yang kita perlukan. Bukan sahaja daging tetapi juga susu, mentega, buah-buahan dan juga lain-lain. Seharusnya pemerintah menggalakkan industri menternak lembu dan usaha mengeluarkan susu dan mentega tempatan. Akan tetapi kita harus pastikan wang yang dikeluarkan untuk menggalakkan itu tidak akan disalahgunakan untuk kepentingan-kepentingan diri.

Ada dua sebab besar kenapa perlu mencapai tahap sara diri dalam pengeluaran beras, daging dan susu ini. Daripada segi keselamatan, adalah tidak selamat untuk sesebuah negara bergantung banyak kepada import dari negara lain. Oleh sebab ini boleh menimbulkan masalah besar, terutama dalam keadaan bergolak atau keadaan tidak aman. Daripada segi ekonomi pula, ia mengakibatkan pengaliran keluar wang yang banyak dan boleh menjejaskan ekonomi negara. Tambahan lagi manakala nilai wang negara merosot turun seperti yang sedang berlaku sekarang ini, harga barang import naik dan ini lebih berat membebankan rakyat berpendapatan rendah. Misalnya, daging sekarang ini bukan main tinggi lagi harganya.

Berpindah kepada perkara empat iaitu pendidikan. Sistem pendidikan kebangsaan sekarang ini sedang menghadapi krisis yang serius. Mutunya semakin turun dan taraf pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik khususnya, semakin merosot. Kepercayaan terhadap sekolah kebangsaan semakin kurang, terutama di kalangan masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Dr. Syed Husin Ali: Sepuluh minit, lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan semua, macam Yang Berhormat selama 40 minit. Sekarang ini Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi banyak dikacau tadi. Saya minta...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, saya bagi lima minit.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Yang kita tahu sekarang ini 93 peratus murid-murid Cina pergi ke sekolah aliran bahasa Cina. Selain daripada itu, desakan bertambah kuat, terutamanya di kalangan golongan masyarakat atasan dan juga pertengahan supaya pendidikan beraliran Inggeris diperkenalkan semula. Masyarakat Cina lebih mempercayai pendidikan aliran Cina kerana menganggap mutu pengajarannya, terutama bidang Sains dan Matematik dan taraf disiplin murid-muridnya adalah lebih baik daripada sekolah kebangsaan. Sama ada benar atau tidak disiplin tetapi Sains dan Matematik itu benar.

Golongan yang mendesak supaya diperkenalkan semula pendidikan beraliran Inggeris berbuat demikian kerana mereka sudah hilang kepercayaan terhadap pendidikan kebangsaan. Mereka menganggap bahawa pendidikan kebangsaan dalam bahasa Malaysia tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan sudah tentu akan gagal memberi jaminan masa depan yang baik bagi anak cucu mereka.

Usaha-usaha yang komited serta gigih hendaklah dijalankan bagi menaikkan lagi mutu pendidikan serta disiplin dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sekiranya mutu pendidikannya lebih tinggi, terutama dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dan mutu disiplin lebih baik, saya percaya lebih banyak mungkin ibu bapa golongan Cina bertambah percaya untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Adalah diakui bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang berguna untuk mencapai kemajuan.

Akan tetapi kita mesti ingat bahawa negara-negara Cina, Jepun dan Korea Selatan misalnya, telah mencapai kemajuan yang hebat daripada segi ekonomi dan bidang-bidang lain walaupun mereka tidak mengadakan aliran pendidikan dalam bahasa Inggeris. Mereka tetap mengutamakan bahasa sendiri sebagai bahasa pengantar. Namun, mereka berusaha hanya untuk memberi peluang serta galakan mempelajari bahasa Inggeris kepada yang perlu mendapatkannya untuk mencapai kemajuan, terutama di peringkat antarabangsa.

Saya percaya tidak ada gunanya melayan mereka yang hendak menghidupkan semula pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Ini bukan caranya untuk memperbaiki bahasa Inggeris murid-murid. Lebih-lebih lagi saya berpendapat tidak perlu diperkenalkan semula pendidikan beraliran Inggeris. Yang perlu ialah untuk mengajar bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran, bahkan juga bahasa-bahasa lain seperti bahasa Arab, Perancis, Jerman ataupun Jepun harus diajar juga. Peluang mempelajari bahasa-bahasa ini hendaklah disediakan dengan baik di peringkat menengah atas dan juga universiti.

Selain itu, sekolah-sekolah kebangsaan hendaklah mewajibkan murid-murid mempelajari satu bahasa tempatan kalau boleh, yang lain daripada bahasa ibu. Murid Melayu hendaklah diberikan peluang untuk belajar bahasa Cina atau Tamil. Murid Cina hendaklah belajar bahasa Tamil dan murid-murid India pula diberi peluang untuk mempelajari bahasa Cina. Ini dilakukan mulai peringkat rendah hingga menengah, hingga menengah bawah. Pengetahuan bahasa-bahasa yang digunakan dalam negara ini sudah pasti membantu proses saling faham-memahami dan boleh...

■1530

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi Yang Berhormat. Dua minit lagi.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Di samping bahasa-bahasa ini diajar, kerajaan serta masyarakat mesti berusaha menjamin kedudukan bahasa kebangsaan supaya ia kukuh dan dihormati. Seperti dikatakan tadi mutu sekolah-sekolah kebangsaan perlu diperbaiki hingga menimbulkan keyakinan dalam kalangan ibu bapa serta murid-murid terhadapnya.

Selain itu rakyat negara ini mesti menunjukkan kepercayaan terhadap bahasa kebangsaan dengan sering menggunakannya. Malang sekali pada masa ini golongan atasan dan yang berkuasa dan sesetengah mereka yang berjawatan tinggi dalam ekonomi dan pentadbiran tidak menunjukkan hormat yang sewajarnya kepada bahasa kebangsaan kita. Mereka lebih menggunakan bahasa Inggeris dalam mesyuarat, menyampaikan ucapan dan bercakap melalui televisyen dengan menggunakan bahasa Inggeris. Padahal suasana orang yang mendengarnya adalah lebih ramai yang menggunakan bahasa Melayu. Ini menimbulkan keadaan di mana bahasa yang disebut dalam Perlembagaan sebagai bahasa kebangsaan itu tidak dihormati. Seharusnya mereka yang berkuasa dan yang berpangkat ini menunjukkan teladan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada dua tiga muka lagi yang hendak saya cakap tentang perkongsian Trans Pasifik tetapi ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana saya sudah bagi masa Yang Berhormat terpaksa berhenti 3.32 petang. Cukup Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang hendak saya tegaskan di sini ialah Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) itu tidak menguntungkan negara dan rakyat daripada segi pandangan saya. Saya harap tidak akan ditandatangani nanti dan tidak dipersetujui dalam Parlimen. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pada awal tadi Yang Berhormat cakap inilah kali terakhir Yang Berhormat akan berucap dalam Dewan ini dan saya pun sedia maklum. Walau bagaimanapun itu mengikut peraturan dan Perlembagaan kita. Kalau tidak itu saya rasa mungkin tambah lagi. Sungguhpun begitu, saya pun sama juga. Kita terpaksa ikut itu. Baik tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

3.32 ptg.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian berucap membahaskan Bajet 2016 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana menjadi tuan rumah dan telah berjaya menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN pada 16 November hingga 21 November lalu dengan jayanya. Tahniah kerana selaku pengerusi ASEAN ketika itu, Sidang Kemuncak ASEAN telah berjalan dengan lancar dalam suasana persekitaran Malaysia yang aman.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Bajet 2016. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak yang telah membentangkan Bajet 2016 yang bertemakan, "*Mensejahterakan Kehidupan Rakyat.*"

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas beberapa pencapaian ekonomi negara sepanjang tahun ini. Seperti disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ekonomi negara berkembang sebanyak 5.3 peratus bagi tempoh separuh tahun 2015 dan dijangka mencapai 44 peratus hingga 55 peratus bagi tempoh sepanjang tahun ini meskipun ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar perlahan iaitu 3.1 peratus.

Kedua, tahniah kepada Dasar Transformasi Nasional yang diperkenalkan pada tahun 2010 telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 3.8 peratus pada tahun 2009 kepada 0.8 peratus pada tahun 2014. Kemiskinan tegar dilaporkan hampir berjaya disifarkan.

Ketiga, tahniah kepada kadar pengangguran yang berjaya dikurangkan kepada 3.4 peratus pada tahun 1999 kepada 2.9 peratus dengan sejumlah 1.8 juta peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Keempat, tahniah kerana seramai lima juta orang rakyat di kawasan luar bandar telah berjaya mendapat kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 Januari tahun depan. Hal ini termasuklah langkah mengenakan GST kepada sifar untuk semua jenis ubat terkawal di bawah racun kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D' serta tumbuhan sebanyak 90 jenama ubat *under the counter*, dengan izin, yang meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit seperti ubat kanser, kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung. Langkah ini membabitkan 8,630 jenama ubat berbanding dengan 400 jenis pada tahun 2016 jenama ubat sekarang.

Selain itu GST pada kadar sifar juga dikenakan kepada susu bayi dan kanak-kanak yang berasaskan kepada kacang soya dan susu organik. Warga Malaysia yang menggunakan telefon bimbit, perkhidmatan pra bayar pula akan dapat kembali rebat bersamaan dengan amaun GST yang dibayar dengan cara rebat yang akan dikreditkan terus ke dalam akaun perkhidmatan pra bayar mereka.

Tiga langkah itu adalah antara lapan langkah penambahbaikan yang akan dilakukan kerajaan terhadap pelaksanaan GST. Keputusan itu membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang benar-benar sebuah kerajaan yang mendengar keluhan dan rintihan rakyat, kerajaan yang benar-benar prihatin dan peka dengan masalah yang dihadapi dan ditanggung rakyat, kerajaan yang benar-benar memahami dan menghayati denyut nadi kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan lima langkah yang akan diambil bagi mempergiatkan perusahaan kecil dan sederhana menerusi persediaan pelbagai dana. Langkah ini sejajar dengan pengiktirafan kerajaan terhadap kepentingan peranan dan sumbangan PKS dalam perniagaan serta Keluaran Dalam Negara Kasar.

Satu lagi langkah kerajaan dalam memperteguh ekonomi negara adalah menambahbaik infrastruktur kerana ia pemangkin kepada keseluruhan pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pembinaan jalan raya terutama di kawasan luar bandar. Bagaimanapun kita juga perlu memberi perhatian jalan-jalan yang telah dibina kerana ada antara jalan-jalan ini telah rosak dan terbiar begitu lama, tidak dibaiki. Sesetengahnya sampai bertahun-tahun. Ada juga yang sampai ke peringkat berlaku kemalangan sebelum jalan dibaiki. Bahkan yang berlaku kemalangan banyak kali ini pun belum juga dibaiki. Mereka yang mati dalam kemalangan di jalan raya lebih ramai daripada mati di medan perang.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan *one-stop centre*, dengan izin, yang menguruskan infrastruktur seperti ini yang dianggotai oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan supaya apabila aduan disampaikan, agensi ini yang menyalurkan aduan berkenaan kepada agensi yang berkaitan ia hendaklah dianggotai pelbagai agensi seperti JKR, PBT dan SPRM.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menambah baik infrastruktur telekomunikasi yang antara lain bertujuan meningkatkan kelajuan *Internet* luar bandar empat kali daripada lima megabit sesaat kepada 20 megabit sesaat serta jalur lebar berkelajuan tinggi. Kita harap ini akan dapat meningkatkan peluang rakyat Malaysia di kawasan luar bandar untuk mendapatkan akses kepada *Internet*. Dengan itu mereka boleh meningkatkan komunikasi pengetahuan ilmu dan kemahiran serta arus mega mereka menerusi *Internet*.

Pada masa ini masalah untuk mendapatkan akses dan gangguan perkhidmatan *Internet* bukan sahaja berlaku di luar bandar tetapi juga di kawasan bandar termasuklah di sekolah. Ini menyebabkan hasrat melaksanakan penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan tidak dapat dicapai sepenuhnya. Saya berharap Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia turut memberikan perhatian kepada perkara ini.

Oleh sebab kesukaran itu, ada sekolah yang menambah sendiri perkhidmatan *Internet* di sekolah masing-masing supaya akses kepada *Internet* menjadi lebih lancar. Bagaimanapun saya difahamkan caj perkhidmatan telekomunikasi untuk sekolah termasuk penggunaan telefon dan *Internet* yang dikenakan agak tinggi juga, sama seperti organisasi pejabat yang lain. Ini menyebabkan sekolah menghadapi masalah untuk membayar yuran langganan perkhidmatan telekomunikasi masing-masing.

■1540

Saya rasa kita perlu kaji semula perkara ini. Saya ingin mencadangkan supaya semua sekolah kerajaan dan institusi pengajian awam dikenakan caj langganan perkhidmatan telekomunikasi pada kadar minimum tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan yang diperoleh, langkah ini perlu kerana memandangkan sekolah dan IPTA institusi yang memberikan perkhidmatan dan bukan institusi yang membuat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu subsidi beras, ST15. Baru-baru ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengumumkan subsidi beras Super Tempatan 15 peratus hancur dimansuhkan atas alasan banyak masalah ketirisan, tidak sampai kepada kumpulan sasaran dan bekalan tidak mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, beras ST15 ini diperkenalkan pada tahun 2008 untuk membantu golongan termiskin membeli beras pada harga paling rendah. Untuk tujuan itu, kerajaan memberikan subsidi sebanyak RM75 untuk satu tan kepada pengilang, atau RM7.50 bagi satu beg atau 10 kilogram, dengan itu beras berkenaan boleh dijual kepada pengguna dengan harga RM16.50 satu beg atau 10 kilogram.

Saya telah berbincang dengan Persatuan Beras Bumiputera Malaysia berhubung dengan keputusan kementerian ini. Mereka menyatakan rasa bimbang jika subsidi beras dimansuhkan, ada pihak yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan menaikkan harga beras sedangkan beras barang keperluan. Jika ini berlaku sudah tentu ia akan membebankan rakyat.

Sehubungan dengan itu, saya berpendapat kerajaan patut terus menyalurkan subsidi beras itu tetapi pada pengeluaran beras ST5 iaitu Super Tempatan 5 peratus hancur.

Sekarang ini beras ST5 dijual pada harga RM26.50. Jika kerajaan memberikan subsidi RM500 bagi satu tan, bererti semua pengguna termasuk yang berpendapatan rendah dan golongan miskin boleh membeli beras ST5 pada harga RM21.00 bagi 10 kilogram. Harga ini lebih munasabah untuk golongan miskin di kampung kerana biasanya mereka membeli beras secara timbang, dengan itu mereka boleh membelinya pada harga RM2.10 sahaja untuk sekilogram. Langkah ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada golongan berpendapatan rendah tetapi juga membolehkan mereka mendapat beras yang lebih berkualiti iaitu kurang hancur berbanding beras ST15 dan kerajaan sendiri masih berjimat subsidi sebanyak RM250 untuk satu tan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menubuhkan 'Perbadanan Beras Negara' yang berfungsi mengeluarkan AP import beras. Dengan itu, AP import beras yang selama ini dimonopoli oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dapat diberikan juga kepada pihak lain. Dengan itu, kita akan mewujudkan persaingan yang lebih sihat dalam industri ini untuk membekalkan beras yang lebih berkualiti kepada pengguna. Saya ingin mencadangkan AP itu diberikan kepada Persatuan Beras Bumiputera ataupun persatuan yang terlibat dalam industri beras ini. Sebagai permulaan saya ingin mencadangkan supaya AP sebanyak 80,000 tan metrik sebulan diberikan kepada mereka. Dengan itu, kita dapat membantu usahawan bumiputera mengembangkan perniagaan mereka dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini penuntut tahun tiga Fakulti Sains Bioteknologi bernama Fanitsyara Kam Phon sebagai Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya yang baru. Pelantikan ini boleh dianggap sebagai bersejarah oleh sebab beliau pelajar wanita pertama dilantik sebagai Yang Dipertua MPP UM, dan pelajar pertama daripada masyarakat minoriti iaitu keturunan Siam dilantik ke jawatan itu. Tahniah kepada seluruh warga Universiti Malaya. Ini mencerminkan sifat keterbukaan yang positif dan menterjemahkan perpaduan sebenar melintasi batasan kaum, agama dan warna kulit. Maknanya dua sejarah tercipta dalam satu masa, inilah Malaysia di bawah kepimpinan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Banyak perubahan telah berlaku terutamanya memberikan peluang kepada suara rakyat untuk didengari, keterbukaan Perdana Menteri mendengar suara rakyat dan ini yang menakutkan pembangkang sebab itu mereka mencari jalan memburuk-burukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan keyakinan masyarakat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memecahbelahkan parti komponen Barisan Nasional. Pembangkang sedar tunjang kejayaan negara dalam perpaduan apabila rakyat bersatu, pembangkang tidak akan berpeluang memerintah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan sudah banyak memberi, saya berpendapat masih banyak ruang boleh dipertingkatkan berkaitan masyarakat minoriti terutama bajet khususnya untuk mereka komuniti ini. Kita perlu ada dana serta program pembangunan yang lebih terancang dan tersusun khususnya untuk masyarakat minoriti dalam bidang pendidikan, latihan, keusahawanan, kepimpinan, kemasyarakatan, sukan, sosial dan kebudayaan, belia, wanita dan sebagainya supaya jurang pencapaian antara kaum minoriti dan majoriti dapat dirapatkan dan memperkukuhkan perpaduan antara kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perpaduan saya ingin mencadangkan kerajaan supaya melantik semula ahli-ahli Majlis Konsultasi Perpaduan Negara. Berdasarkan pengalaman saya, saya juga sebagai ahli majlis sebelum ini, sesetengah ahli majlis tidak memberikan sumbangan positif untuk mencapai tujuan sebenar pembentukan majlis itu. Ada ahli yang tidak bersikap neutral, tidak berfikiran terbuka dan tidak memberikan saranan positif bagi memperkukuhkan perpaduan seperti yang diharapkan sebaliknya majlis ini dijadikan sebagai platform politik.

Bercakap seperti ahli politik dan pembangkang pula, jika begitu keadaannya bagaimana kita dapat mengharapkan mereka memberikan idea dan sumbangan bernas bagi memperkukuhkan perpaduan di negara ini. Ini perkara serius, kita sepatutnya melantik orang yang benar-benar ikhlas dan bersungguh-sungguh mahu membantu kerajaan mewujudkan dan mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Dengan menggunakan acuan kita sendiri, kita tidak boleh membiarkan wujud keadaan gunting dalam lipatan, akhirnya tujuan sebenar membentuk majlis itu tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita pernah menjadi pusat tumpuan rakyat negara jiran untuk menghantar anak-anak mereka bersekolah seperti di Pulau Pinang. Pada zaman selepas merdeka ramai pemimpin Thailand sekarang yang pernah belajar di Pulau Pinang kerana mereka percaya kepada mutu pendidikan negara kita ketika itu. Akan tetapi hari ini, banyak pihak mempersoalkan mutu pendidikan di negara kita ini. Bahkan ada pihak berkata, apabila Menteri bertukar dasar pendidikan kita pun akan bertukar. Sepatutnya apabila bertukar Menteri, dasar pendidikan kita semakin mantap. Bahkan pendidikan hari ini dijadikan modal dan isu politik pula, ada pihak mahukan sekolah satu aliran sahaja diwujudkan bagi memupuk perpaduan di kalangan generasi muda tetapi ada pula pihak yang menentang atas dasar kepentingan politik.

Nampaknya selepas 58 tahun kita merdeka, hasrat untuk mewujudkan sekolah satu aliran memang menjadi agak sukar kerana ia akan menjadi polemik dan dipolitikkan. Hari ini kita mendapati semakin ramai ibu bapa termasuk orang Melayu sendiri menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, kenapakah? Ini kerana mereka percaya pendidikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina lebih baik dan sedar kepentingan belajar bahasa Mandarin. Oleh sebab itu saya berpendapat kerajaan perlu memantapkan sistem pendidikan di sekolah kebangsaan. Jika ini dapat dibuktikan, tanpa menukarkan aliran pun ibu bapa dengan sendirinya akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan dan lambat laun mereka sendiri yang akan meminta supaya ditukarkan aliran sekolah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan kerana dalam tempoh lima tahun lalu saya sebagai Ahli Dewan Negara sudah ada banyak kemajuan dicapai berhubung dengan pengiktirafan status masyarakat Siam sebagai Bumiputera. Kerajaan bukan sahaja mengiktiraf status ini sebaliknya pada peringkat kementerian, jabatan dan agensi kerajaan telah mula berjalan walaupun kemajuan agak perlahan.

■1550

Dalam bidang pendidikan misalnya, pelajar Siam kini sudah diterima memasuki universiti awam, program asasi sains dan Matrikulasi, sekolah berasrama penuh, Maktab Rendah Sains MARA dan pelan-pelan pinjaman MARA atas kedudukan sebagai bumiputera.

Begitu juga dalam bidang perniagaan, usahawan dan peniaga Siam layak mendapat pinjaman perniagaan MARA, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) serta geran daripada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Namun begitu masih ada beberapa buah institusi belum mewartakan pengiktirafan mereka, misalnya Universiti Teknologi MARA masih belum menerima pelajar berketurunan Siam, walaupun Menteri menjawab bahawa ada seorang Siam tapi saya sudah selidik tidak adapun seorang Siam yang diterima, dimasukkan masyarakat Siam di Malaysia diterima sebagai pelajar di UiTM.

Padahal Naib Canselornya sendiri pernah berkata kepada saya itu akan menerima pelajar Siam atau kedudukan sebagai bumiputera. Oleh sebab itu, dengan usaha untuk mendaftar dan mendapatkan taraf bumiputera bagi syarikat dan perniagaan milik usahawan dan peniaga keturunan Siam di Kementerian Kewangan masih belum berjaya. Saya sendiri pergi mendaftar syarikat saya, saya ditolak bahawa masyarakat Siam bukan bumiputera. Walhal, Menteri Kewangan sendiri di depan masyarakat Siam mengatakan bahawa masyarakat Siam berhak untuk mendapat taraf bumiputera dan mendapat apa jua keistimewaan yang ada pada bumiputera itu akan diberi kepada masyarakat Siam.

Akan tetapi, sekarang di Kementerian Kewangan belum terima masyarakat Siam. Saya cuba mendaftar syarikat atas nama saya sampai sekarang saya tidak dapat pengiktirafan itu. Saya mintalah kepada Kementerian Kewangan untuk melihat perkara ini.

Pada 10 Julai 2000, Kementerian Kewangan dalam jawapan bertulis kepada soalan lisan saya menyatakan bahawa selaras dengan dasar kerajaan mengiktiraf masyarakat Siam sebagai bumiputera, takrifan yang diguna pakai dalam perolehan kerajaan untuk dipanjangkan kepada syarikat yang dimiliki oleh masyarakat Siam bagi tujuan pendaftaran syarikat dan pemberian taraf bumiputera oleh Kementerian Kewangan.

Terbaru saya menerima aduan bahawa status bangsa Siam sebagai bumiputera masih belum dimasukkan dalam pangkalan data sistem pengurusan maklumat oleh sumber iaitu HRMIS. Padahal Jabatan Perkhidmatan Awam pernah menghantar surat kepada saya pada 22 April 2013 menyatakan, status penjawat awam daripada kalangan masyarakat Siam dalam sistem HRMIS telah pun selesai dikemas kini sebagai bumiputera.

Saya berasa hairan kenapa perkara ini masih berlaku. Seluruh masyarakat Siam berasa amat kecewa dengan keadaan sebegini. Kita bukan hendak jawapan bertulis sahaja tetapi juga tindakan yang selaras dengan jawapan itu. Oleh sebab itu saya katakan, kemajuan untuk menterjemahkan pengiktirafan kerajaan itu dalam bentuk tindakan agak perlahan. Oleh sebab itu, Dewan yang mulia ini saya pernah mencadangkan supaya kerajaan mengeluarkan pekeliling kepada semua kementerian, jabatan dan agensinya bagi menjelaskan kedudukan bahawa masyarakat Siam diterima sebagai bumiputera dan dengan itu layak menikmati keistimewaan sebagai bumiputera dan memastikan semua ketua jabatan dan agensi kerajaan memaklumkan mengenai perkara ini kepada semua pegawai di bawah jagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pernah mencadangkan Dewan yang mulia ini supaya Kementerian Pendidikan akan mengajarkan subjek bahasa Siam di sekolah terutama di sekolah yang mempunyai ramai pelajar Siam. Cadangan itu pernah saya kemukakan di perhimpunan bersama masyarakat Siam di kampung Naka, Padang Terap Kedah pada 16 Februari 2013 sebelum *Pilihanraya Umum Ke-13*. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Dato' Seri Mahdzir Khalid pun ada dalam perhimpunan itu. Saya pernah mendapat jawapan bahawa cadangan itu di peringkat kajian. Soalan saya sudah tiga tahun berlalu. Apakah status kajian itu? Bilakah agaknya subjek itu akan diajar di sekolah?

Tuan Yang di-Pertua, subjek bahasa Siam pernah diajar di Sekolah Kebangsaan Naka di Kedah pada tahun 1956 hingga 1980-an. Malah Sekolah Kebangsaan Naka itu pun sebenarnya berasal daripada sekolah kebangsaan bahasa Siam. Akan tetapi, kemudian ditukarkan menjadi sekolah kebangsaan ketika itu ada lima orang guru yang boleh berbahasa Siam. Merekalah yang mengajar subjek Bahasa Siam di situ. Akan tetapi, apabila guru-guru itu bersara tidak ada lagi guru dilantik untuk menyambung tugas berkenaan. Maka pengajaran bahasa Siam pun terhenti setakat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan patut mewujudkan subjek Bahasa Siam di sekolah yang mempunyai lebih daripada 15 orang atau lebih pelajar berketurunan Siam. Subjek itu juga boleh diajar kepada pelajar bangsa lain sebagai subjek tambahan. Sekiranya subjek Bahasa Punjabi, Bahasa Iban, Bahasa KadazanDusun boleh diajar di sekolah menengah dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dan diuji pula dalam peperiksaan awam seperti Pentafsiran Sijil Tingkatan 3 dan Sijil Pelajaran Malaysia, tidak ada sebab subjek Bahasa Siam tidak boleh diajar di sekolah.

Saya dapati bahasa Perancis pun diajar di sekolah tertentu dan diuji pula dalam SPM. Dasar menggalakkan pelajar menguasai bahasa ketiga dan bahasa antarabangsa bukanlah kerana ada pelajar orang Perancis dalam sekolah itu. Saya rasa tidak ada sebab untuk melengah-lengahkan penggubal dan mengajarkan bahasa Siam di sekolah yang mempunyai pelajar bangsa Siam.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang hangat diperkatakan tidak lama dulu ialah daun ketum terutama di Kedah dan Perlis dulu ada cadangan meminta kerajaan mengharamkan dan menghalang penanaman pokok ketum.

Sebenarnya, di Kedah orang tua-tua dahulu menggunakan daun Ketum sebagai ubat melancarkan peredaran darah, merawat sakit urat- minum air daun ketum jadi amalan sebagai penawar kencing manis kerana boleh mengawal paras gula dalam darah dalam masa yang singkat.

Oleh itu, ia bermanfaat bagi pesakit-pesakit diabetes yang mengalami luka, bengkak kerana memulihkan tisu dan mencegah jangkitan kuman. Akan tetapi, khasiat itu tidak diketahui ramai. Orang tua-tua dahulu juga makan daun ketum seperti makan sirih dan mengembalikan kesegaran tubuh badan selepas penat bekerja daun ketum juga dikatakan boleh menjadi penawar ketagihan dadah. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, hari ini daun ketum menimbulkan masalah ketagihan kerana orang kita ini kreatif dan inovatif. Akan tetapi, pada tempat dan cara yang salah, mereka telah mencampur pelbagai bahan meracunkan air daun ketum ini. Ini dilakukan oleh golongan tamak haloba mahu menjadikan kaya di atas merosakkan anak bangsa.

Saya tertanya-tanya, adakah pengharaman dan menghalang penanaman daun ketum akan menyelesaikan masalah menyalahgunakan daun ketum. Mengapa kita tidak pilih jalan lain, mengapa kita tidak mengeksploitasikan kelebihan dan faedah sebenar ada pada daun ketum ini dengan jalan yang betul. Kenapa kita tidak buat penyelidikan mengenai kegunaan daun ketum daripada aspek berfaedah.

Kita patut ambil langkah proaktif menjalankan kajian terhadap penanaman herba di negara kita ini. Sekarang ini kajian itu sangat terhad kepada tanaman yang popular sahaja. Saya cadangkan kepada penyelidik buat kajian tentang kegunaan daun ketum kemudian kita usahakan menjadi produk komersial. Kita ajak penduduk kampung terlibat sama dengan itu mereka boleh mencari pendapatan dengan cara yang betul.

Oleh sebab sekarang harga komoditi makin menurun seperti getah dan kelapa sawit. Mungkin kita boleh mencari industri sampingan untuk membantu rakyat di kawasan luar bandar ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Datuk Chin Su Phin.

3.59 ptg.

Datuk Chin Su Phin: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama berbahas mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ataupun Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober lalu.

Kita sedar bahawa Bajet 2016 ini merupakan langkah pertama negara dalam memastikan segala pelan serta perancangan kerajaan seperti yang direncanakan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas mencapai matlamatnya sekali gus menuju ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

■1600

Datuk Chin Su Phin: Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana global ketika ini, saya berharap dan mendoakan ekonomi Malaysia terus kekal berdaya tahan walaupun berhadapan persekitaran luar yang mencabar. Cabaran ini termasuk pertumbuhan global yang menyederhana dengan kadar pemulihan dan sederhana di negara maju dan pertumbuhan perlahan dalam gelanggang pasaran pesat berkembang dan ekonomi membangun.

Saya ingin memberi penekanan terhadap beberapa isu yang dihadapi oleh rakyat untuk kerajaan pertimbangan, menyemak dan membuat pengukuhan terhadap program dan dasar kerajaan sedia ada.

Pertamanya, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian berkenaan anggaran kutipan hasil minyak pada tahun 2016, anggaran yang ditetapkan iaitu pada kadar USD48 setong. Saya memahami kerajaan lebih mengetahui dan pakar berkenaan kajian turun naik harga minyak. Akan tetapi, ada pendapat daripada pakar ekonomi yang menyatakan harga minyak akan jatuh merudum kepada paras USD20 setong pada tahun hadapan. Oleh yang demikian, saya mohon kerajaan menjelaskan opsyen-opsyen yang telah dirangka sekiranya minyak jatuh ke harga seperti yang disebutkan tersebut.

Saya ingin menyentuh mengenai cukai barangan dan perkhidmatan. Cukai ini haruslah dilihat dari pelbagai perspektif. Kita tidak haruslah melihat ia sebagai satu beban sahaja seperti yang selalu disebut-sebut oleh beberapa pihak. Malah, kita haruslah melihat dari satu sudut cukai sebagai *distribution of income*, dengan izin, cukai sebagai sumber pendapatan negara dan ini diagihkan semula kepada rakyat.

Kalau kita melihat bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, jelas kutipan cukai ini dipulangkan kembali kepada rakyat. Mungkin kaedah pemulangan cukai kepada rakyat itu boleh dipelbagaikan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Akan tetapi yang jelasnya, ia sedang dan akan dipulangkan semula kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah melakukan beberapa penambahbaikan kepada barang berkadar sifar GST terutamanya ke atas ubat-ubatan. Sebelum ini, ramai rakyat mengeluh terhadap isu ini dan bertanya. Kerajaan sedia ada bersikap mendengar dan memperbaiki apa yang menjadi masalah dan beban kepada rakyat. Syabas kerajaan.

Saya beralih kepada sistem pengangkutan awam. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memahami permasalahan pengangkutan awam di Sabah terutamanya di Bandar Kota Kinabalu yang dianggap kritikal ketika ini. Sememangnya peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi pelaksanaan projek *Bus Rapid Transit* di Bandar Kota Kinabalu sangat dihargai. Peringkatnya sebuah pengangkutan awam yang lebih efisien di bandar ini memandangkan pertambahan kenderaan setiap tahun ditambah dengan kepadatan penduduk. Ini dapat menjamin kelestarian ekonomi di negeri Sabah apabila siapnya kelak BRT ini.

Cuma, saya ingin bertanya perkara mengenai pelaksanaan BRT ini iaitu siapakah yang akan terlibat bagi projek ini dan bagaimana konsep yang akan diguna pakai? Adakah ia akan mengguna pakai konsep seperti di Semenanjung Malaysia iaitu kerjasama kerajaan dengan syarikat swasta Sunway Corporation, dan adakah jejantas akan dibina untuk kegunaan bas ini?

Seterusnya kepada perkara memperhebat pembangunan Sabah dan Sarawak. Mengikut perangkaan, negeri Sabah merupakan pemegang rekod kemiskinan yang tertinggi di Malaysia. Mengikut dokumen yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1970 hingga 2014, menyatakan bahawa di negeri Sabah, kadar kemiskinan ini masih lagi di paras 3.9 peratus, manakala apa yang telah dinyatakan dalam bajet ini ialah bahawa kadar kemiskinan negara telah menurun kepada kadar 0.6 peratus.

Jadi ia dilihat agak kontra dengan realiti yang dihadapi oleh penduduk di negeri ini. Kalau kita lihat perbezaan kadar kemiskinan di negeri Sabah dengan negeri-negeri lain di Malaysia, sungguh jauh perbezaannya. Sebagai contoh, kalau di negeri Sarawak dan Kelantan, kadar kemiskinan hanya 0.9 peratus, di negeri Pahang dan Perak hanya 0.7 peratus dan di Terengganu 0.6 peratus, Negeri Sembilan 0.4 peratus, Kedah dan Pulau Pinang 0.3 peratus, Perlis dan Selangor masing-masing 0.2 peratus. Jadi menunjukkan bahawa Sabah masih lagi memegang rekod kemiskinan yang tertinggi.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat Borneo khususnya di negeri Sabah ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menyatakan persetujuan dan mempertimbangkan kepada negeri Sarawak dan negeri Sabah permohonan penurunan kuasa bagi beberapa perkara yang telah menjadi isu sekian lama.

Kenyataan ini sudah semestinya mendapat respons yang begitu baik oleh rakyat kedua-dua negeri kerana dalam usaha kita untuk memastikan setiap perancangan yang dibuat akan lebih cepat, tepat dan lebih efisien, sudah semestinya kuasa autonomi ini amat diperlukan ketika mana kerajaan negeri ingin meningkatkan pendapatan setiap penduduk di negeri ini. Saya memohon agar penurunan kuasa autonomi kepada negeri Sabah dan Sarawak perlulah ditentukan secepat mungkin oleh jawatankuasa yang telah ditubuhkan.

Kita sedia maklum bahawa pada suatu ketika dahulu Sabah mempunyai kuasa ke atas pendidikan dan kesihatan serta dengan kuasa yang lain juga. Saya berharap supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan secara baik dan muktamad.

Saya juga ingin mencadangkan agar kuasa autonomi yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu hendaklah dirangkumi bahagian imigresen. Ini amatlah perlu bagi mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negeri Sabah khususnya dari negara jiran Filipina dan Indonesia.

Sebagaimana yang kita baca dan dengar dalam pendengaran Jawatankuasa Siasatan Diraja mengenai dengan pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah, ramai yang didakwa telah mendapat kad pengenalan atau kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pintu belakang ataupun di depan. Kita percaya bahawa sekiranya kuasa autonomi berkaitan dengan imigresen diberikan, kita akan dapat mengawal lebih banyak kemasukan pendatang tanpa izin sepertimana yang dilakukan di negeri Sarawak.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan RM12.8 bilion bagi pembinaan Lebuhraya Pan Borneo sektor Sabah bermula dari Sindumin ke Tawau sepanjang 706 kilometer.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai Program 1Harga 1Sarawak dan 1Harga 1Sabah yang berjumlah RM260 juta, bolehkah saya mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan program ini. Sebagai contoh, bagaimana ia akan dilaksanakan, sasaran penduduk dan daerah di negeri ini dan jenis barangan yang akan dimasukkan dalam program ini.

■1610

Akhir dalam bab ini, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Persekutuan, supaya menyenaraikan satu persatu secara terperinci kepada rakyat negeri Sabah jumlah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga projek-projek di kawasan masing-masing bermula 1963 hingga sekarang. Jika data itu sukar diperoleh, boleh diberikan secara tahunan bermula tahun 2010 sehingga pilihan raya akan datang. Dengan itu, rakyat di Sabah bolehlah melihat sendiri jumlah peruntukan yang telah disalurkan di seluruh kawasan mereka.

Kita mesti terbuka kerana rakyat kita pada hari ini semakin bijak. Dedahkan butir-butir bajet itu secara terperinci pada tiap-tiap kawasan, bukanlah secara jumlah yang besar barulah rakyat di Sabah merasai pembangunan di kawasan mereka dan tidak dianaktirikan.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang menjadi keutamaan saya untuk berbahas dalam bajet ini mengenai bekalan dan penjualan RON97 di daerah Sandakan, Sabah. Rakyat di daerah ini sudah sekian lama tidak mendapat bekalan RON97 di semua stesen minyak sejak akhir Disember tahun 2014. Pada sesi Dewan Negara yang lalu, saya telah mengutarakan perkara ini kepada Mantan Menteri KPDNKK iaitu Dato' Sri Hasan bin Malek dan beliau telah mengarahkan KPDNKK bahagian negeri untuk bertindak menyelesaikan isu ini dengan segera.

Susulan itu, perbincangan telah diadakan oleh Pengarah KPDNKK Negeri Sabah, Tuan Severinus Tukah bersama pengusaha-pengusaha minyak iaitu pihak Shell dan pihak Petron bagi membekal dan menjual petrol RON97 di daerah Sandakan. Bagi mewujudkan *economy of scale*, KPDNKK negeri mengesyorkan hanya sebuah stesen sahaja diperakukan bagi daerah Sandakan iaitu stesen Shell TNS. Shell juga telah diangkat untuk melantik sebuah stesen Shell di Tawau dan Lahad Datu. Oleh yang demikian, pihak Shell telah bersetuju untuk menjual RON97 di stesen iaitu di Shell TNS Batu 8 Sandakan, Sabah tanpa sebarang tarikh kuat kuasa penjualan diberikan dan ia tertakluk kepada kajian kaji impak kos dan sebagainya oleh pihak Shell.

Pada September, pihak kami telah bertanya perkembangan berkenaan penjualan RON97 kepada pihak pengusaha yang sepatutnya menyediakan minyak ini. Mereka menerangkan bahawa masih ada halangan yang menyebabkan mereka masih lagi belum boleh menjual RON97. Sebab yang diberikan ialah kos pengangkutan yang mereka terpaksa tanggung adalah tinggi kerana mereka perlu mengambil minyak di depoh Sepanggar dan jaraknya sememangnya jauh. Susulan daripada itu, saya dan pihak Shell di Sandakan telah mengesyorkan dua perkara untuk dipertimbangkan oleh KPDNKK dan Kementerian Kewangan.

Pertama, saya memohon pertimbangan Kementerian Kewangan untuk memberikan subsidi pengangkutan kepada pihak Shell terutamanya kepada pengurus, pengusaha stesen Shell TNS Batu 8, Sabah bagi penjualan RON97. Rasional subsidi pengangkutan ini adalah kerana ia akan mempercepatkan penjualan RON97 oleh pihak Shell TNS Batu 8, Sandakan.

Hanya sebuah stesen minyak sahaja yang akan menjual RON97 di daerah Sandakan. Tidak memberikan kos tambahan kepada kerajaan jika kerajaan memberikan subsidi sebanyak 10 sen seliter bagi RON97, kerajaan masih lagi memperoleh keuntungan daripada cukai jualan dan perkhidmatan yang dikenakan ke atas penjualan RON97.

Perkiraan kasar yang dibuat bagi harga pasaran terkini ditolak dengan subsidi cadangan yang akan diberikan, di mana kerajaan akan mengutip GST sebanyak RM14.07 ke atas setiap penjualan liter RON97. Jadi ditolak kutipan GST tadi, dengan subsidi 10 sen yang dicadangkan, kerajaan masih memperoleh cukai sebanyak RM4.07 seliter. Soalan kedua saya untuk kerajaan melalui Kementerian Kewangan mempertimbangkan pengenalan harga dan yang sedikit lebih tinggi dari harga pasaran iaitu penambahan 10 sen setiap seliter bagi penjualan RON97 di Sandakan.

Ini tidak akan menyebabkan kerajaan mengeluarkan wang dan dapat menampung kos pengangkutan yang menjadi masalah dan alasan kepada pengusaha minyak di daerah ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya telah memanjangkan isu ini daripada sesi Dewan yang lepas hingga sekarang kepada setiap peringkat KPDNKK dan Kementerian Kewangan sama ada daripada peringkat bawahan, peringkat Ketua Setiausaha Kementerian dan juga menteri yang bertanggungjawab. Akan tetapi sehingga kini, saya masih belum ada jawapan positif daripada kedua-dua kementerian yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak saya telah mengambil inisiatif sendiri dengan memberikan maklumat lanjut mengenai masalah dan soal ini melalui akta, menjalankan beberapa sisi penerangan dan kajian bagi mendapat maklum balas berkenaan soal ini kepada golongan sasaran yang menggunakan RON97 di daerah ini. Respons yang diberikan adalah amat baik. Bagi cadangan ini, mereka sedar jika mereka tidak bersetuju, mereka mempunyai pilihan, untuk menggunakan RON95 bagi kenderaan mereka.

Oleh yang demikian, saya sebagai Ketua Penyelaras Barisan Nasional bagi Parlimen Sandakan, merayu dan memohon pertimbangan kerajaan untuk menyelesaikan segala isu yang berpanjangan ini. Implikasi sekiranya isu ini tidak diselesaikan, mengakibatkan pihak pembangkang mengeksploitasi isu ini mengikut acuan mereka dan akan menampakkan seolah-olah kerajaan kurang mengambil peduli tentang kebajikan masyarakat pelbagai peringkat di negeri Sabah. Akhirnya ia jelas akan memberikan kesan yang tidak baik kepada Barisan Nasional pada pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa banyak daripada projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan dibenarkan. Akibatnya, rakyat di negeri ini sebagai pelanggan atau pengguna akhir bagi setiap kemudahan yang dibina, tidak dapat menggunakan kemudahan yang sepatutnya mereka rasai pada masa yang telah ditetapkan sama ada ia projek infrastruktur mahu pun kerja-kerja bangunan pendidikan. Perkara ini bertentangan dengan usaha kerajaan dalam memastikan taraf hidup penduduk di sini meningkat.

Kami mendapati masalah yang dihadapi telah mengakibatkan kelewatan kerja-kerja dan sebagainya berpunca daripada peringkat awal pelaksanaan lagi. Pihak-pihak yang telah terlibat dalam peringkat awal pembangunan projek tidak ditapis sebaiknya dan kami memohon kerajaan agar lebih peka dan kritikal dalam mengenal pasti latar belakang keupayaan pemaju sama ada secara individu mahu pun kontraktor yang akan terlibat. Ini penting bagi memastikan masalah yang disebutkan sebelum ini tidak berulang.

Masalah ini bukan sahaja akan menyebabkan objektif dan matlamat kerajaan tidak dicapai, malahan kerugian masa dan sumber juga akan dialami termasuklah kesan negatif kepada rakyat dan imej kerajaan. Untuk pengetahuan kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab ini bukanlah sahaja telah mendapat projek pembangunan, malah entah bagaimana mereka berjaya mengelak sistem dan prosedur yang telah ditetapkan kerajaan dengan mengambil bahagian dalam kerja-kerja pembangunan lain di bawah nama yang berbeza.

■1620

Masalah yang sama iaitu kegagalan menyiapkan projek berterusan berlaku. Malaysia tidak begitu besar dan kebanyakan orang yang terlibat dalam industri ini kenal satu sama lain. Melihat kepada kontraktor-kontraktor ini pada awal penglibatannya, semuanya baik tetapi dari semasa ke semasa pencapaian semakin merosot, apatah lagi tidak menyiapkan kerja-kerja pembangunan seperti yang dicadangkan.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, mereka ini menguruskan sekitar lapan projek yang berjumlah sekurang lebih RM250 juta. Daripada jumlah itu, dua adalah di bawah nama syarikatnya manakala selebihnya kerja-kerja subkontrak. Setakat ini, hanya dua subkontrak yang berjaya menyiapkan projek dan diserahkan kepada pelanggan. Itu pun dengan tambahan masa. Manakala projek yang lain telah ditender semula. Lesen kepada projek-projek mereka yang telah diberikan, telah ditamatkan dan *LAD charge* melebihi RM10 juta. Daripada jumlah lapan projek yang disebabkan tadi, enam darinya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di mana ia membabitkan 4,500 orang murid yang tidak dapat menghadiri ke kelas atau sekolah yang sepatutnya disediakan hingga sekarang.

Walaupun bertimbun tindakan mahkamah daripada bahagian cukai dan penghutang yang sentiasa menasarkannya kepada kontraktor-kontraktor ini, mereka masih dilihat bebas ke sana ke mari. Persoalannya sekarang ialah bilakah kerajaan akan mengenakan *LAD charge* kepada mereka dan mengapa kerajaan masih lagi tidak menyenaraihitamkan dan membekukan aset tetap dan aset cair mereka untuk mendapatkan kembali segala kerugian dan perbelanjaan ditanggung oleh kerajaan akibat kegagalan menyiapkan projek yang telah diberikan kepada kontraktor ini. Saya memohon sekali lagi agar kerajaan harus memberi keutamaan dan bertindak lebih tegas dalam menyelesaikan isu ini kerana individu-individu serta syarikat seperti ini tidak boleh berterusan mengait dan memalukan kerajaan sedia ada iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung perbincangan ini dengan menyatakan bahawa tiada sesiapa pun boleh menafikan niat ikhlas kerajaan sedia ada dalam meningkatkan taraf hidup rakyat dan kesejahteraan kehidupan mereka. Namun, kita perlulah akui kadangkala hasrat itu tergendala atau terbantut bukan kerana kerajaan yang membuat dasar tetapi disebabkan masalah di peringkat pelaksanaan. Akibat daripada keadaan itu, ia telah mewujudkan persepsi yang tidak baik kepada kerajaan.

Oleh yang demikian, saya ingin mengesa kerajaan supaya mewujudkan jawatankuasa khas bagi membantu memantau segala perancangan yang terkandung dalam Bajet 2016 dilaksanakan mengikut apa yang diputuskan kerajaan, diselesaikan tepat pada waktunya. Kita tidak boleh lagi membiarkan wujudnya taksiran kononnya kerajaan hanya bijak mengumumkan sesuatu program aktiviti mahupun agenda tetapi di peringkat pelaksanaan, ia cacamarba.

Jawatankuasa ini harus disertai oleh semua agensi, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi memastikan tiada ketirisan dan penyelewengan berlaku sepanjang program-program yang digariskan oleh kerajaan dijalankan. Walaupun bajet ini seperti biasa mendapat pelbagai kritikan daripada pakatan pembangkang, tetapi saya percaya mereka hakikatnya haruslah sedar bahawa bajet ini mendapat reaksi positif daripada rakyat. Sampai di sini sahajalah perbahasan saya, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Silakan Yang Berhormat.

4.25 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan 2016 atau dengan ringkas, Belanjawan 2016. Ini kali yang ketiga saya mengambil bahagian dalam perbahasan bajet tahunan. Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, saya akan memberi pendapat dan pandangan saya dan juga kritikan dengan harapan bahawa komen-komen ini akan diambil secara serius oleh kementerian-kementerian yang berkaitan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, belanjawan tahun ini kalau kita tengok bertemakan, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat". Bajet ini didorong oleh keperluan untuk mencapai. Ini saya petik daripada bajet, untuk mencapai satu pertumbuhan yang bersifat inklusif, *sustainable* dan membina sebuah negara yang kompetitif, progresif, bersahsiah dan *morally strong* dalam satu kehidupan masyarakat yang saling berpadu. Kalau kita tengok daripada segi matlamat-matlamatnya, memang matlamat-matlamat yang mulia tetapi sama ada ini boleh dicapai atau tidak adalah, dengan izin, "*anybody's guess*". Secara peribadi, saya agak *pessimistic*. Kalau kita tengok rekod-rekod pencapaian yang lalu, kalau kita tengok sebelum ini rekod-rekod pencapaian itu kurang memuaskan.

Kalau kita tengok, ini bajet yang ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bermula daripada belanjawan dari tahun 2010. Saya harap pada tahun ini, bajet ini tidak akan mengecewakan rakyat terutamanya mereka yang datang daripada golongan berpendapatan rendah, tidak seperti tahun-tahun sebelumnya.

Memandangkan had masa, saya hanya akan menumpukan kepada lima atau enam perkara sahaja. Pertama, adalah isu yang / pernah bangkit sebelum ini dari tahun-tahun selepas ini iaitu berkaitan dengan ketidakseimbangan antara perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus. Macam / cakap, ini / pernah bangkit sebelum ini tetapi nampaknya tidak ada apa-apa *improvement*. Kalau tahun ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji belanjawan pada tahun ini, kita nampak trend yang kurang baik dan yang membimbangkan.

Pada tahun 2010, itu bajet pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau kita bandingkan pada tahun 2010, masa itu perbelanjaan mengurus adalah lebih kurang RM151 bilion atau lebih kurang 74 peratus daripada jumlah perbelanjaan. Akan tetapi kalau kita ambil kira tahun ini, perbelanjaan mengurus meningkat.

Setiap tahun membentangkan perbelanjaan mengurus meningkat sehingga tahun ini, dia kalau kita banding jumlah bajet RM267.2 bilion. Daripada jumlah ini, RM215.2 bilion perbelanjaan mengurus iaitu lebih kurang 80.5 peratus.

Pada saya, trend ini agak membimbangkan dan mempamerkan atau membayangkan satu *financial discipline or fiscal discipline* ataupun *financial management* yang kurang efisien. Walaupun kalau banding dengan tahun lepas ada sedikit *improvement*, pada saya ia memang tidak mencukupi. Macam / pernah cakap sebelum ini, biasanya kadar yang biasa dipakai di negara-negara yang membangun ialah 60 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan 40 peratus untuk perbelanjaan pembangunan atau perbelanjaan *development*.

■1630

Pesanan saya adalah, kalau boleh pada tahun-tahun akan datang ini, kalau boleh kita pakai kaedah yang *direcommend* ini 60:40. Kalau kita lihat kita mesti menuju kepada hala itu. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang terbalik.

Kedua yang saya hendak sentuh sebelum pergi kepada isu kandungan bajet ialah isu yang pernah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin sebelum ini, isu defisit bajet. Akan tetapi *concern* saya mengenai defisit bajet ialah impak defisit bajet atas isu hutang negara.

Kita sedia maklum, defisit bajet akan menyumbang kepada satu peningkatan dalam hutang negara. Kalau kita lihat sumber dari IMF, hutang negara pada tahun 2009 iaitu tahun pertama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak mengambil alih pentadbiran negara pada tahun 2009, hutang negara adalah sebanyak RM376 bilion. Manakala kalau sekarang punya *report* ikut *The Economist* pada tahun sekarang hutang negara telah melambak menjadi RM847 bilion hampir 65 peratus dari GDP atau KDNK.

Pada saya ini satu paras yang amat merbahaya. Biasanya kadar yang *direcommend* ialah 50 peratus dari KDNK. So, jadi di sini pun saya harap kementerian akan memberi tumpuan yang lebih serius kepada isu defisit bajet dan isu hutang negara. Balik kepada kandungan bajet, saya cuma akan fokus satu atau dua isu.

Pertama ialah isu pengangkutan awam. Kalau kita lihat bajet macam seperti yang telah diterangkan sebelum ini, Belanjawan 2016 adalah berdasarkan kepada lima keutamaan. Seterusnya disokong oleh beberapa langkah dan kalau kita ambil keutamaan pertama iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara. Salah satu langkah di bawah keutamaan ini menambah baik infrastruktur.

Dalam hal ini saya gembira apabila melihat belanjawan ini mengandungi beberapa rancangan untuk menambah baik rangkaian pengangkutan awam terutamanya di Lembah Klang yang penuh sesak seperti projek MRT2 dari Sungai Buloh ke Putrajaya, Projek LRT3 dari Bandar Utama, Damansara sehingga Johan Setia, Klang. Akan tetapi apa kebimbangan saya, apa yang saya nampak sini ada banyak projek tetapi terdapat kekurangan kakitangan yang berkeelayakan terutamanya jurutera kereta api. Saya fokus kepada projek-projek kereta api, *all the railway projects*.

Sekarang ni kalau kita lihat Malaysia sedang menghadapi kekurangan jurutera kereta api yang makin teruk. Dijangka bahawa kekurangan ini tidak akan kurang dalam masa terdekat kerana Malaysia berada dalam zaman kegemilangan daripada segi pembangunan sektor kereta api. Macam sekarang ini ada projek sambungan LRT laluan Ampang, LRT laluan Kelana Jaya dalam proses pembinaan dan juga projek-projek yang saya cakap tadi, projek MRT2, LRT3 dan tidak lupa macam Yang Berhormat Menteri sebut tadi dalam masa membentangkan bajet projek *high speed rail* antara Kuala Lumpur dengan Singapura.

Ini akan menambah keperluan kakitangan yang berkeelayakan. So, kalau kita lihat bajet projek-projek banyak tetapi kalau kita lihat langkah-langkah yang diketengahkan dalam keutamaan ketiga iaitu "Mempersiapkan Modal Insan". Kita nampak tidak ada apa-apa program untuk menambah kakitangan yang berkeelayakan. *That's mean* kalau kita lihat keutamaan ketiga itu tidak selaras dengan keutamaan yang pertama ini.

So, saya harap kerajaan akan ambil maklum kelemahan-kelemahan ini dan seterusnya mengambil langkah-langkah pemulihan yang perlu dan sewajarnya untuk meningkatkan lagi bilangan kakitangan yang berkelayakan. Sama ada secara sendiri ataupun bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan. Itu berkenaan dengan pengangkutan awam.

Isu yang kedua ialah berkaitan dengan perumahan. Kalau kita rujuk kepada keutamaan kelima yang bertajuk "Meringankan Kos Sara Hidup Rakyat". Dalam keutamaan ini inisiatif utama langkah kedua yang bertujuan untuk memastikan bahawa semua genap lapisan rakyat dapat memiliki rumah dengan harga yang berpatutan. Kalau kita semak bajet, jelas kita lihat ada beberapa inisiatif ke arah ini untuk mencapai matlamat ini. Kalau tidak salah lebih dari 12 inisiatif. Pada saya inisiatif-inisiatif ini dihargai dan saya harap akan dilaksanakan seperti yang dirancang, fasal kalau benar-benar dilaksanakan ia akan membantu rakyat untuk memiliki rumah. Namun hal yang demikian, dalam hal perumahan ini atau perumahan mampu milik ini saya hanya ada dua isu.

Isu pertama adalah berkaitan dengan keperluan perumahan pekerja estet atau dengan lebih tepat bekas pekerja-pekerja ladang. Kalau kita lihat pada masa sekarang, pengusiran paksa pekerja-pekerja ladang disebabkan oleh pembangunan kawasan atau perubahan daripada segi *ownership* ladang tersebut. Ini bukan satu fenomena yang baru tetapi sampai sekarang nampaknya kerajaan tidak mengendalikan isu ini sehingga mengabaikan isu ini.

Pada saya kita tidak boleh mengambil satu *attitude* yang sambil lewa kerana kes-kes macam ini sedang meningkat - yang saya tahu meningkat tetapi secara terperinci ini saya tidak mempunyai statistik daripada jumlah pekerja ladang yang telah diusir keluar dari ladang. Akan tetapi saya pernah baca dalam satu laporan di antara tahun 1970 sehingga tahun 2000, sekurang-kurangnya 800 orang pekerja ladang diusir dari ladang. So, pada saya masalah ini sekarang sedang meningkat, sedang menjadi lebih teruk terutama di negara-negara yang maju di mana kebanyakan tanah itu digunakan untuk kemajuan.

Kalau kita rujuk balik ke belanjawan tahun ini, belanjawan tahun ini pun sekali lagi mempedulikan isu ini. Pada saya, seolah-olah macam kerajaan tidak mempunyai kemahuan politik untuk membantu segmen yang telah baik, segmen bekas pekerja. Ini jelas kalau kita lihat sebelumnya, fasal sebelum ini ada satu skim, Skim Perumahan Tun Abdul Razak atau Skim Perumahan Tun Razak yang diperkenalkan pada tahun 1970 untuk membantu bekas pekerja ladang dan lombong untuk memiliki perumahan dengan harga yang berpatutan.

Akan tetapi kalau kita tengok skim itu selepas beberapa tahun, skim itu mati secara sendiri. Salah satu faktor yang utama ialah kerana skim itu bukan satu skim yang mandatori tetapi satu skim yang voluntari dan kalau voluntari skim itu telah terima banyak tekanan dari pelbagai pihak. So, selepas lima hingga enam tahun skim pun mati sendiri. Kalau kita lihat bukan sahaja skim ini saya tuduh kerajaan sebagai mengabaikan isu ini bukan sahaja fasal tidak menjayakan skim ini apabila dapat tekanan dari para pemilik ladang dan lombong, mati macam itu skim.

■1640

Tuduhan saya juga berpunca daripada janji kerajaan yang dibuat pada awal tahun 2013. Pada awal tahun 2013, kerajaan telah berjanji semasa menandatangani satu *memorandum of understanding* bahawa akan membina 100 ribu buah rumah untuk bekas pekerja ladang sebelum tahun 2013. Kalau kita baca *memorandum of understanding* itu, ia sebagai satu program penempatan semula. Akan tetapi sekali lagi nampak ia macam satu janji kosong saja. So, saya menyeru kepada kerajaan kalau *memorandum of understanding* itu tidak boleh, saya menyeru kepada kerajaan untuk memperkenalkan. Kalau tidak boleh mewujudkan balik Skim Tun Razak *housing scheme*, mewujudkan satu skim baru untuk memastikan bekas-bekas pekerja ladang, lombong dan sebagainya, *at least* mempunyai bumbung atas kepala dia. Kalau tidak ada, perkara ini akan jadi satu *social problem* yang lebih serius.

Itu isu pertama, berkaitan dengan perumahan kos rendah. Isu yang kedua, berkaitan dengan perumahan kos rendah ialah isu mengenai kalau kita tengok sekarang ini daripada segi pembinaan kos rumah mampu milik, kos rumah murah semua sedang meningkat, baik Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri sedang meningkat banyak usaha untuk membina rumah-rumah sedemikian. Akan tetapi dalam hal ini juga saya dapat ada satu kekurangan daripada segi peraturan, di mana saya rasa perlu memperketatkan lagi peraturan. Kalau kita tengok dulu, *in fact* sebenarnya tujuan untuk pembinaan rumah-rumah macam ini ialah untuk membantu golongan miskin untuk memiliki rumah dan salah satu syarat ialah rumah-rumah sedemikian ini mesti diduduki oleh pemilik sendiri. Tidak boleh disewakan. Akan tetapi kalau kita pergi *on the ground*, kita tengok banyak unit rumah mampu milik, rumah kos murah disewakan.

Pada saya kalau ini dibenarkan, kalau undang-undang atau peraturan tidak diperketatkan, ia akan macam kita cakap itu, *defeat the purpose*. Selama-lamanya kita tidak boleh menentukan golongan miskin itu akan dapat memiliki rumah. Itu yang isu berkaitan dengan rumah. Satu lagi isu yang I hendak *touch on* ialah isu yang sekarang ini, buat masa ini satu isu yang sedang kuat dibahaskan dalam *domain* awam. Saya merujuk kepada kesilapan fakta yang terkandung dalam buku-buku teks sekolah, terutamanya buku teks sejarah. Pada saya, buku teks sejarah adalah bertujuan, pada saya, ini pendapat saya, untuk mendidik generasi yang akan datang tentang masa lalu dan dalam konteks Malaysia juga untuk mencatatkan sumbangan utama pemimpin-pemimpin terdahulu.

Akan tetapi sejak tahun 2010 ini, I tidak tahu sebelum itu ada atau tidak tetapi bila I menengok, dari tahun 2010 ini banyak *professional historians* telah mengadu bahawa buku-buku sejarah ini dibanjiri dengan fakta-fakta yang salah atau fakta-fakta yang telah diputar belitkan. Ini tuduhan dari *professional historians* dan setiap kali ini berlaku, kita dapat dari Kementerian Pendidikan bahawa perkara itu akan dirujuk kepada Jawatankuasa Ko-Kurikulum dan Sejarah tetapi lepas itu tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Kalau ini berlaku kerana kesilapan fakta itu, I rasa ia bukan- bukan cakap boleh terima tetapi kita faham. Akan tetapi apa yang lebih serius atau kebimbangan yang lebih serius ialah kalau benda-benda ini berlaku sebagai satu *plan effort* untuk meninggalkan atau untuk mengetepikan sumbangan mana-mana pihak.

So, akhir-akhir ini banyak tuduhan kita dapat macam ini. Baru-baru ini banyak peningkatan dalam kes-kes sedemikian. Pada saya, pendapat atau pendirian saya ialah Jawatankuasa Ko-Kurikulum dan Sejarah nampaknya dalam isu-isu macam ini, ini memandangkan fasal kes-kes sedemikian meningkat, tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan atau kemahuan politik yang secukupnya untuk menguruskan tanggungjawab ini secara profesional. Dalam keadaan sedemikian, saya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan sebuah panel yang terdiri daripada pakar-pakar sejarah, ahli sejarah profesional untuk menyemak dan memastikan hanya maklumat yang selaras dengan ilmuan sejarah itu dimasukkan dalam buku-buku teks. Kalau tidak, kita akan terus tiap-tiap tahun kita akan dengar cerita-cerita macam ini. Kalau tidak *di-control*, kerisauan saya pada satu masa nanti ia akan mengorbankan perpaduan dan keharmonian yang kita ada sekarang. Ini kebimbangan saya.

Isu yang seterusnya ialah isu yang I pernah bangkit sebelum ini pun. Setiap kali bajet, saya selalu bangkit isu tapak-tapak dan bangunan warisan negara. *Last year* pun I pernah bangkit tapi *this year* pun I cuma hendak bangkit isu yang sama, ini berkenaan dengan tapak-tapak dan bangunan warisan. Cuma bezanya, tahun ini ia berkaitan dengan cadangan untuk menjadikan Kelab Golf Diraja Selangor, *Royal Selangor Golf Club* sebagai sebuah taman rekreasi awam.

Ini kalau tidak silap, pada bulan Oktober tahun ini, Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan bahawa terdapat rancangan untuk menjadikan Kelab Golf Diraja Selangor sebagai sebuah taman rekreasi awam, sama dengan *Central Park New York*. Akan tetapi masa itu, pada masa yang sama juga, Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa cadangan ini akan dibincang dengan pihak-pihak yang berkenaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, *concern* saya ialah saya hendak rakamkan dalam Dewan yang mulia ini, kalau kita tengok Kelab Golf Diraja Selangor ini, ia bukan sebuah bangunan yang biasa. Serupa juga macam lain-lain tapak bangunan warisan.

Untuk makluman Dewan ini, Kelab Golf Diraja Selangor ini telah wujud semenjak tahun 1893, lebih dari 100 tahun dan merupakan kelab golf yang ulung dalam rantau ASEAN. Kelab ini mempunyai nilai sejarah dan warisan yang teristimewa yang / rasa tidak terdapat dalam mana-mana institusi yang lain, yang serupa. So, saya menentang dengan kerasnya sebarang rancangan untuk membangunkan semula *Royal Selangor Golf Club* atau Kelab Golf Diraja Selangor sebagai taman rekreasi.

Pada saya, sebaliknya kelab ini patut dikekalkan sebagai tapak warisan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang membuat cadangan ini perlu mengambil perhatian bahawa Kelab Golf Diraja Selangor ini ada dalam senarai inventori warisan walaupun belum lagi di klasifikasi sebagai tapak warisan.

Walaupun demikian, kementerian harus sedar bahawa sejarah, warisan atau nilai tapak warisan ini boleh digunakan sebagai produk untuk menarik lebih banyak pelancong ke negara kita. Oleh yang demikian, saya ambil kesempatan ini untuk menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan juga Jabatan Warisan Negara untuk memulakan usaha. Kalau sebelum ini belum lagi memulakan usaha, kalau belum mulakan, untuk memulakan usaha untuk mengiktiraf Kelab Golf Diraja Selangor sebagai tapak warisan negara.

■1650

Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menganggap ini sebagai satu permohonan rasmi dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan lanjutan. Sebelum ini pun banyak kali Yang Berhormat Menteri telah mengambil tindakan untuk menentukan tapak-tapak warisan itu tidak dirobohkan macam itu sahaja. Ini kerana kita kena melindungi isu-isu macam ini. Bila saya bercakap mengenai tapak-tapak warisan dan bangunan warisan, ia bukan terhad kepada bangunan sahaja. Ia juga termasuk jalan-jalan atau nama-nama jalan yang lama-lama ini.

Kalau kita tengok akhir-akhir ini ada beberapa inisiatif untuk menukar nama beberapa buah jalan atau menamakan semula beberapa buah jalan. Niatnya lain mungkin untuk meremehkan pentadbiran Kerajaan British atau untuk memberi penghormatan kepada pemimpin sekarang dan sebagainya. Akan tetapi ada banyak inisiatif untuk menamakan semula nama jalan-jalan.

Dalam hal ini ada satu cadangan untuk menukarkan nama jalan Ampang. Ini juga saya tidak setuju dengan cadangan untuk menukar nama Jalan Ampang kepada apa-apa nama pun. *You* hendak hormati pemimpin, kita cari jalan yang baru. Akan tetapi nama-nama macam Jalan Ampang ini kita kena kekalkan kerana dia berkait rapat dengan macam Jalan Ampang ini dia punya *connection* dengan industri perlombongan yang pada satu masa dahulu bertanggungjawab untuk kelahiran Kuala Lumpur. So, kita kena kekalkan. So, sebarang usaha atau pun percubaan untuk menukar Jalan Ampang pada pendapat saya akan membawa satu kesan yang negatif dan ia akan mengakibatkan penghapusan sebahagian daripada sejarah kita.

Oleh demikian saya berharap Kementerian Wilayah Persekutuan atau mana-mana agensi yang bertanggungjawab untuk menentukan nama-nama jalan ini mengambil satu pendekatan yang lebih holistik yang bukan sahaja akan mengambil kira sentimen semasa tetapi juga impak ke atas sejarah Malaysia.

Akhir sekali saya ada satu lagi *point*. Ini berkaitan dengan satu tanggungjawab atau tugas kementerian atau satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kalau kita tengok pada Julai 2014 ada satu pengumuman yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri di mana pengumuman itu berkata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Mah Siew Keong.

Beliau menyatakan Lembaga Hindu Board atau *Hindu Endowment Board* akan dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri di mana *Hindu Endowment Board* ini akan bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan dengan tanah perkuburan dan juga dana untuk masyarakat Hindu. Ini pengumuman dari Jabatan Perdana Menteri.

Kita perlu badan-badan macam ini untuk mengawal *all this religious organization* daripada aspek *Hindu Temple* dan *graveyard, burial ground* dan sebagainya. Akan tetapi yang mendukacitakan ialah sejak pengumuman itu, tidak ada apa-apa perkembangan daripada aspek *assurances* yang diberi oleh Jabatan Perdana Menteri. Bukan sahaja tidak ada apa-apa perkembangan selepas *announcement* itu, kalau kita rujuk kepada bajet tahun ini, belanjawan tahun ini khasnya kalau kita tengok peruntukan ke Jabatan Perdana Menteri ini tidak ada *any allocation* untuk aktiviti ini.

So, dalam hal ini sejak *announcement* pada Julai 2014 sampai sekarang / tidak tahu sama ada Menteri yang berkenaan untuk *control* benda-benda macam ini pernah menghubungi kerajaan-kerajaan negeri atau tidak.

So, jadi dalam hal ini saya amat berharap kalau boleh Yang Berhormat Menteri kena menjelaskan bagaimana *Endowment Board* yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri itu akan bertindak. Bukan sahaja akan bertindak dan kalau bertindak itu macam mana lembaga itu akan bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan tanggungjawab lembaga itu dapat dijalankan dengan baik. Itu sahaja daripada saya pada belanjawan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim. Silakan Yang Berhormat.

4.55 ptg.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya untuk membahaskan Bajet 2016 ini. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 merupakan bajet pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Ini sangat penting kerana ia berfungsi sebagai penanda aras kepada hala tuju negara dalam mencapai Wawasan 2020.

Ramai yang agak *skeptical* terhadap Bajet 2016 ini kerana ia merupakan belanjawan negara pertama dalam RMKe-11 dan tahun pertama selepas pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Maka, menjadi harapan seluruh rakyat Malaysia agar kerajaan dapat mengagihkan belanjawan ini secara bijaksana terutamanya ke mana hasil pendapatan negara melalui GST ini disalurkan.

Berdasarkan tema bajet kali ini iaitu, "*Mensejahtera Kehidupan Rakyat*" Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa sebanyak RM267 bilion telah diperuntukkan dalam Bajet 2016 berbanding RM260.7 bilion pada tahun sebelumnya. Pelbagai insentif telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan agar semua lapisan masyarakat bakal mendapat keistimewaan berdasarkan kepada lima tunjang strategik utama yang telah digariskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM12.251 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Ini merupakan satu kementerian yang agak penting terutamanya daripada aspek keselamatan dalam negara. Baru-baru ini negara ini dikejutkan dengan insiden seorang Ahli Parlimen dilihat bergambar dengan dalang di sebalik peristiwa berdarah pencerobohan di Lahad Datu bagi menuntut pembebasan seorang yang telah disabit kesalahan jenayah dan sedang menjalani hukuman penjara.

Peristiwa Lahad Datu ini masih segar di ingatan kita semua walaupun sudah hampir tiga tahun. Kesan peristiwa itu bukan sahaja pada rakyat Sabah malah kepada seluruh rakyat Malaysia. Kita kehilangan ramai anggota keselamatan negara dalam pertempuran bersama penceroboh pada masa itu.

Peristiwa berdarah masih dikatakan drama atau lakonan oleh sebilangan anggota pembangkang yang langsung tidak menghormati sensitiviti keluarga mereka yang terkorban serta rakyat Sabah.

Kerajaan berjaya menangani masalah tersebut dengan penubuhan ESSCOM yang dianggotai oleh Jabatan Imigresen, ATM dan PDRM. Perbuatan Ahli Parlimen ini yang sanggup bersekongkol dengan dalang di sebalik peristiwa Lahad Datu itu bagi menuntut pembebasan pemimpin mereka membuktikan bahawa mereka sanggup membuat apa sahaja demi kepentingan politik. Kerajaan juga tidak seharusnya tunduk kepada sebarang tekanan politik sama ada dalam atau luar negara yang menuntut keistimewaan diberi kepada seorang banduan.

Dalam negara kita ada hampir 50,000 orang dalam penjara yang sedang menjalani hukuman setelah disabit kesalahan oleh sistem kehakiman negara. Jika kita hendak beri keistimewaan khusus kepada seorang banduan ini daripada aspek rawatan perubatan, kekerapan lawatan keluarga dan ahli parti maka ini akan menimbulkan rasa kurang senang di kalangan banduan yang lain. Memandangkan Jabatan Penjara itu ada SOP sendiri, maka langkah terbaik mengikuti SoP yang telah ditetapkan.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan RCI di Sabah. Walaupun RCI telah selesai bersidang, status kewarganegaraan ramai pemegang kad pengenalan bunga raya masih tergantung. Isu ini bukan setakat kesannya pada mereka malah kesannya juga kepada anak-anak mereka. Ramai yang tidak dapat melanjutkan pelajaran walaupun lahir di Sabah. Kita bimbang masa depan anak-anak ini akan gelap jika mereka tidak mendapat pendidikan yang sempurna. Saya memohon kepada pihak Kementerian Dalam Negeri agar dapat mencapai satu penyelesaian berhemah dalam hal ini yang statusnya tergantung agak lama.

Ramai pengusaha premis perniagaan di Sabah juga mengalami masalah kekurangan pekerja di premis mereka. Apabila membuat permohonan pekerja asing, permohonan mereka sering ditolak ataupun hanya mendapat dua ataupun empat orang pekerja sahaja. Ini menyukarkan mereka menjalankan perniagaan terutamanya sektor perkhidmatan seperti restoran apabila tenaga kerja tempatan kurang berminat bekerja dalam sektor ini. Sudah tiba masanya untuk kerajaan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap permohonan mereka untuk menggaji pekerja asing mengikut negara sumber yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Kita juga dapat melihat kebanjiran warga Filipina di Sabah. Ada di antara mereka yang lahir di Sabah tetapi status kewarganegaraan mereka masih tergantung. Perkara ini perlu diberi perhatian segera, jika kita gagal membendung perkara ini dari sekarang kita bimbang ia akan menjurus kepada pertambahan dalam gejala sosial.

Karenah birokrasi di agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri juga harus dipermudahkan. Ramai menghadapi masalah terutamanya dalam permohonan permit masuk bagi mendapatkan status penduduk tempat dan sijil kelahiran. Ramai yang dinafikan hak mereka walaupun memenuhi kriteria permohonan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Pegawai-pegawai di kaunter hadapan harus memberi penjelasan yang tepat dan jelas kepada pemohon. Apa yang kita lihat ada sebilangan kecil yang tidak memberi penjelasan yang tepat. Ini secara tidak langsung menyukarkan mereka yang berurusan di kaunter. Saya percaya jika mereka diberi penjelasan yang tepat, mereka pasti akan memenuhi semua keperluan bagi permohonan mereka. Jika karenah birokrasi ini dikurangkan dan prosedur dipermudahkan, maka ini secara tidak langsung akan membina keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Dalam pada itu juga, saya menggesa kerajaan agar tidak akan berkompromi terhadap mereka yang menghasut rakyat melalui fitnah untuk mencabar kedaulatan undang-undang. Kita dapat melihat penguatkuasaan undang-undang terhadap golongan ini akan lemah. Kita mahu satu penguatkuasaan undang-undang yang cukup tegas terhadap mereka agar ini menjadi pengajaran kepada semua pihak.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, kita sudah tentu memberi ruang yang cukup besar dan platform khusus kepada rakyat untuk menyuarakan hasrat mereka. Akan tetapi ia harus disuarakan dengan tertib dan adab mengikut norma masyarakat kita.

Para belia kita harus diterapkan dengan nilai-nilai murni serta semangat cinta keamanan dan perpaduan kaum. Perpaduan kaum telah menjadi satu cabaran besar di masa kini. Pada zaman saya muda-muda dulu, apabila kita berkawan, kita tidak pernah membezakan warna kulit. Kita bebas mengunjungi rumah kawan-kawan kita yang berlainan agama. Malah mereka juga mempunyai pemahaman yang baik tentang agama kita.

Akan tetapi situasi berbeza pada hari ini. Ada seorang petualang negara yang sanggup melarikan diri ke luar negara dan menggunakan media sosial untuk menghina agama Islam. Apa yang kita agak terkilan sehingga hari ini, dia masih bebas di luar negara tanpa dikenakan apa-apa tindakan.

Walaupun kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menyatukan rakyat pelbagai agama dan kaum, ada pihak yang sanggup 'menanggung di air keruh' demi kepentingan politik mereka. Ada pihak yang sanggup meracuni pemikiran para belia kita atas alasan reformasi dan kebangkitan. Belia kita diajak berdemonstrasi atas jalanan, ada pihak yang cuba membawa fahaman LGBT atas alasan kebebasan. Saya sendiri tidak faham apa tujuan mereka ini. Jika fahaman seperti ini meresapi dalam minda para belia kita, cuba bayangkan apa yang akan terjadi kepada para belia kita.

Mereka ini terdedah kepada pelbagai jenis dan informasi maklumat pada era zaman IT ini. Kita harus didik belia kita untuk tahu membezakan antara kaca dan permata. Mereka harus meletakkan kepentingan agama, bangsa dan negara sebagai tunggak perjuangan mereka. Semangat cinta tanah air dan menangkis anasir luar harus ada di jiwa setiap belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet kali ini sebanyak RM21.43 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan. Kementerian ini memainkan peranan penting dalam memupuk gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia serta memberi perkhidmatan perubatan. Sejak kebelakangan ini, kita sering mendengar rungutan daripada pengguna kad insurans perubatan yang terpaksa menanggung sebahagian kos di hospital swasta. Ini terjadi apabila pakar perubatan di hospital swasta ini mengarahkan pesakit untuk menjalani pelbagai jenis ujian darah dan prosedur perubatan sebelum diagnosis. Apabila pesakit tersebut selesai menjalani rawatan, pesakit akan dikenakan bayaran untuk prosedur serta ujian yang tidak diluluskan oleh pihak penanggung insurans.

Ini sudah tentu akan membebankan para pesakit yang pada hemat mereka, jika mereka ada perlindungan kad insurans perubatan maka semua kos ditanggung oleh insurans. Dalam hal ini, kita tidak boleh menyalahkan pesakit dan pihak insurans. Ini adalah kerana dalam sesetengah kes, doktor yang merawat pesakit tersebut akan menjalankan pelbagai prosedur sebelum diagnosis. Oleh yang demikian, pihak kementerian harus menetapkan satu mekanisme khusus antara pihak penanggung insurans dan hospital swasta. Jika pihak insurans tidak menanggung kos tersebut, maka hospital harus menanggung kos tersebut dan tidak membebankan pengguna.

Sebanyak RM5.94 bilion diperuntukkan bagi Jabatan Perdana Menteri. Sebagai sebuah agensi tertinggi pelaksanaan dasar kerajaan, JPM juga terlibat secara langsung dalam agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, Unit Perancang Ekonomi, Peguam Negara, Jabatan Audit Negara, Tabung Haji dan JPA. Baru-baru ini negara kita menjadi tuan rumah persidangan Ketua-Ketua Negara ASEAN. Semua ketua negara ASEAN berserta Ketua-Ketua Negara *dialog partner* seperti India dan Amerika Syarikat turut hadir di persidangan kali ini.

Sebagai tuan rumah, kita telah memberi layanan yang cukup baik kepada semua ketua negara yang hadir tetapi apa yang kita terkilan ada seorang ketua negara dari negara bergelar polis dunia telah terang-terang mencampuri urusan dalaman negara kita. Beliau telah mengadakan satu pertemuan tertutup dengan wakil-wakil pertubuhan yang telah diisytiharkan haram di negara kita.

Apa yang lebih memalukan ada 12 orang pemimpin pertubuhan haram ini yang pada hemat saya tidak layak dipanggil warganegara Malaysia telah menggunakan peluang tersebut untuk memburukkan negara dan menuntut campur tangan asing.

Apakah niat dan tujuan campur tangan pemimpin negara asing ini? Adakah sebilangan petualang negara ini menerima dana asing untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Jika perkara seperti ini tidak dibendung dengan segera, maka tidak mustahil bumi bertuah Malaysia ini boleh dijajah kembali oleh kuasa asing. Status kewarganegaraan petualang negara ini harus dikaji semula. Pengkhianat negara yang menuntut campur tangan asing tidak layak tinggal di bumi Malaysia.

Dalam pada itu juga kerajaan harus tegas terhadap pemimpin luar yang campur tangan dalam hal ehwal negara. Apabila hadir sebagai tetamu kerajaan, maka adalah wajar bagi dia untuk menghormati kepimpinan negara dalam apa jua keadaan sekalipun. Kerajaan harus menghantar nota bantahan melalui Wisma Putra kepada negara terbabit agar insiden seperti ini tidak berulang kembali.

■1710

Satu akta pencegahan khas harus diwujudkan bagi membendung gejala menutup campur tangan asing. Kita ada Perlembagaan dan kita juga ada undang-undang. Sebagai warga Malaysia, kita boleh bawa apa jua perkara ke muka pengadilan untuk diadili. Kita mempunyai sistem kehakiman yang bebas. Saya menyeru kepada kerajaan agar mengambil satu tindakan yang tegas mengikut lunas undang-undang terhadap mereka yang membawa campur tangan asing di negara kita.

Ada pihak yang sengaja memanipulasi isu 1MDB demi kerakusan politik dan menghasut rakyat membenci kerajaan atas alasan kehilangan RM42 bilion. Baru-baru ini satu program penerangan perdana telah diadakan di PWTC untuk memberi penerangan berkaitan 1MDB, TPPA dan Bajet 2016. Dalam program tersebut Presiden 1MDB Arul Kanda telah memberi satu penjelasan yang cukup tepat berdasarkan fakta dan realiti. Ia cukup menyeluruh dari semua aspek 1MDB.

Jemputan juga diberi kepada NGO dan parti pembangkang untuk hadir ke program tersebut tetapi mereka tidak hadir dan lebih berminat untuk *spin* isu tersebut dengan mengelirukan rakyat dengan memanipulasi dan retorik mereka. Kalau benar mereka benar-benar telus dan berintegriti seperti mana yang mereka melaungkan selama ini, maka mereka juga harus menjawab ke mana hilangnya duit berbilion dalam DEIG di Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Kepenggunaan telah memperuntukkan sebanyak RM730.1 juta dalam Bajet 2016. Amaun ini agak signifikan dengan tugas dan tanggungjawab KPDNKK sering kali pihak penjual akhir menjadi sasaran penguatkuasaan KPDNKK setiap kali berlaku kenaikan harga. Kita tidak boleh menyalahkan mereka secara total kerana mereka membeli dengan harga yang tinggi daripada pemborong. Dari pagi, Menteri pun telah pun memberikan satu penjelasan tetapi saya hendak tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, berapa ramai pemborong ini telah pun membawa ke muka pengadilan dan juga *dichargekan* di mahkamah. Mereka sering kali menjadi mangsa agensi penguatkuasaan yang dikenakan hukuman denda atau di sita di bawah Akta Pencatutan Harga.

Apa yang kita dapat lihat perniagaan borong ini hanya dikuasai oleh golongan yang tertentu. Merekalah yang mengawal penawaran dan permintaan pasaran serta harga. Dalam sesetengah barangan kerajaan mengenakan harga kawalan tetapi dalam sesetengah situasi pemborong ini menjual pada harga yang hampir dengan harga kawalan kerajaan. Bila penjual akhir membeli pada harga yang hampir dengan harga kawalan, bagaimana dia hendak jual dengan harga kawalan kerajaan.

Beberapa buah negara maju mengawal harga untuk susu formula untuk bayi. Ini adalah kerana kerajaan tersebut prihatin akan semua bayi dan kanak-kanak mendapat zat yang tinggi dengan minuman susu formula ini tetapi di negara kita harga susu formula bayi di negara kita agak tinggi.

Secara purata ibu bapa perlu membelanjakan hampir RM400 sebulan untuk membeli susu formula bagi seorang bayi sebulan. Ini agak membebankan ibu bapa terutamanya yang berpendapatan rendah. Saya mohon agar kerajaan dapat memperkenalkan satu kawalan harga bagi susu formula bagi bayi agar semua anak-anak kita mendapat cukup zat bagi tumbesaran mereka serta tidak membebankan ibu bapa.

Sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap isu status bumiputera yang cukup lama membelenggu masyarakat India Muslim di negara kita. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengumuman rasmi dalam tiga kali sewaktu Perhimpunan Agung UMNO dan Perhimpunan Pemerkasaan Bumiputera, kita tidak dapat lihat implementasi di peringkat agensi kerajaan.

Saya telah pun membawa perkara ini untuk keprihatinan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada sesi Parlimen lepas berserta bukti. Saya telah pun mendapat jawapan bertulis dari Yang Berhormat Timbalan Menteri di JPM pada tahun 2012 yang telah memberi takrif "bumiputera", serta syarat dan kelayakan India Muslim untuk mendapat status bumiputera. Saya faham bahawa ini bukan satu kelulusan berbentuk *blanket approval* tetapi hampir 85 peratus, masyarakat India Muslim di negara ini layak diiktiraf sebagai bumiputera.

Akan tetapi sehingga hari ini, masyarakat India Muslim masih tertanti-nanti bila mereka dapat nikmati status Bumiputera dalam urusan harian mereka. Menjadi harapan saya bahawa ini kali terakhir saya bawa ke Dewan yang mulia ini. Inilah suara dan penting terakhir kami untuk menuntut hak kami seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Baiklah seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin. Dipersilakan, Yang Berhormat.

5.16 ptg.

Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan dan saya bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana izin dan rahmatNya saya dapat turut serta dalam Perbahasan Bajet 2016 ini. Terima kasih jua kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan ini untuk sama-sama saya terlibat dalam perbahasan rang undang-undang 2016.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bajet 2016 yang merupakan bajet ketujuh yang pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib sebagai Perdana Menteri dan juga merangkap Menteri Kewangan.

Bajet ini juga merupakan bajet pertama dan penting dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bagi menyediakan rangka kerja menuju negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini juga setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 28 Julai 2015 yang lalu. Pembentangan Bajet 2016 juga merupakan pembentangan bajet yang bersejarah kerana pada kali ini kali yang pertama dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Saya memulakan perbahasan Bajet 2016 ini dengan memetik sebahagian daripada ayat Al-Quran dalam surah An-Nur ayat 55 yang bermaksud, *“Sesungguhnya Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh di antara kamu yakni wahai Muhammad bahawa la akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi...”* *“...khalifah-khalifah yang berkuasa, dan la akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka;...”*

Ayat ini mengingatkan kita betapa apa yang dijanjikan oleh Allah SWT telah berlaku kerana umat Islam pada mulanya yang sedikit jumlahnya dan lemah ditindas akhirnya telah berjaya mencapai kuasa pemerintahan mengembangkan Islam ke serata dunia. Saya ingin mengaitkan ayat ini dengan pemerintahan iaitu kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib selaku Perdana Menteri telah mentadbir negara ini dengan penuh tanggungjawab dan telah berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang paling maju di rantau ini.

Thomson Reuters, firma maklumat perniagaan global pangkalan di New York, Amerika Syarikat telah mengumumkan bahawa Malaysia adalah negara Islam yang paling maju dari segi ekonomi jauh melangkaui negara-negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC) berdasarkan enam petunjuk iaitu tadbir urus, ketelusan, pendidikan, kewangan, tanggungjawab sosial korporat dan tahap kesedaran menyeluruh.

■1720

Kajian itu juga menunjukkan Malaysia menjadi peneraju dalam makanan halal, kewangan Islam dan pelancongan halal. Sehubungan dengan itu, terdapat ruang yang besar untuk negara memantapkan lagi ekonomi Islam dengan memperhebatkan usaha dalam membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dengan industri halal. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), apakah langkah kerajaan dalam memajukan industri halal negara dan usaha-usaha mereka untuk meneroka pasaran domestik dan antarabangsa?

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, nama Malaysia memang harum di peringkat persada antarabangsa tetapi bila kita bercakap dalam negara, ia menjadi sebaliknya. Ini semua momokan daripada pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, bila sahaja bercakap, menuduh yang bukan-bukan. Bila didapati apa yang dicakapkan itu tidak benar, senang sahaja minta maaf, minta maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat selalu minta maaf, ahli-ahli pembangkang, termasuklah Ahli Parlimen Batu, Ahli Parlimen wilayah tu- apa nama? Tadi yang Yang Berhormat Dato Syed menyebut tadi- pun minta maaf! Pernah minta maaf tetapi tidak serik. Begitu juga dengan Rafizi, dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 ini juga membuktikan iltizam dan komitmen kerajaan menekankan kepentingan rakyat selari dengan dasar rakyat didahulukan, prestasi diutamakan serta berpegang kepada prinsip Janji Ditepati. Secara amnya, Bajet 2016 memberikan tumpuan kepada semua golongan rakyat. Bajet 2016 juga bertemakan, “Mensejahtera Kehidupan Rakyat”, dengan jumlah peruntukan, seperti mana yang telah kita ketahui ialah sebanyak RM267.2 bilion.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana pengurusan ekonomi dan kewangan negara yang berhemah di sebalik menghadapi ekonomi global yang tidak menentu dan ekonomi domestik yang mencabar. Kerajaan telah mengemukakan enam pencapaian utama sebagai bukti penanda kejayaan kepada kerajaan dalam bajet ini.

Pertama, ekonomi negara mampu berkembang sebanyak 4.5 peratus sehingga 5.5 peratus sepanjang tahun walaupun ekonomi dunia dijangka berkembang rendah daripada tersebut.

Kedua, mengurangkan defisit kekal fiskal kerajaan daripada 6.7 peratus kepada 3.2 peratus.

Ketiga, melalui Dasar Transformasi Negara, kadar kemiskinan dapat dikurangkan ke kini 0.6 peratus, kemiskinan tegar telah dihapuskan.

Keempat, mengurangkan kadar pengangguran daripada 3.4 peratus pada tahun 2009, tahun di mana Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib menjadi Perdana Menteri kepada 2.9 peratus dan kerajaan telah berjaya mewujudkan sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan.

Kelima, menyediakan kemudahan asas kepada lima juta orang rakyat di kawasan luar bandar dan rakyat telah mendapat pelbagai kemudahan seperti BR1M, Klinik 1Malaysia, UTC, RTC, Kedai Rakyat 1Malaysia bagi meringankan kos sara hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kebijaksanaan kerajaan dalam melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 ini. Langkah kerajaan ini telah menyelamatkan sistem ekonomi negara, pendapatan negara hasil daripada kemerosotan hasil daripada petroleum dan gas.

Sebagai ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung keutamaan. Oleh sebab saya mewakili negeri Terengganu, maka saya dengan ini mencadangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan negeri Terengganu.

Yang pertama, kemudahan sepanjang lebuhraya. Lebuhraya LPT2 yang menghubungkan Pantai Timur dengan Kuala Lumpur sepanjang 184 kilometer telah dibina pada tahun 2006, sepatutnya siap pada tahun 2010 tetapi hanya siap tahun 2014, selepas lapan tahun dibina sedangkan LPT1 siap dalam masa empat tahun sahaja.

Bagaimanapun, mulai Ogos 2011, kerajaan telah melaksanakan pembukaan LPT2 secara berperingkat-peringkat kepada lalu lintas iaitu melibatkan jajaran utara dari persimpangan Bukit Besi ke persimpangan bertingkat Kuala Terengganu sepanjang 72 kilometer. LPT2 ini amat penting untuk menghubungkan Terengganu, Pahang dan Kuala Lumpur dengan memendekkan masa perjalanan satu jam setengah.

Walau bagaimanapun, LPT2 ini telah banyak menjadi pusara di lebuhraya. Sehingga kini, hampir 300 kemalangan telah berlaku dengan 66 kemalangan maut melibatkan 85 orang. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah faktor utama berlakunya kemalangan ini? Sama ada faktor kecuai pemandu ataupun aspek-aspek lain? Saya mendapat maklum balas bahawa lebuhraya ini tidak rata, beralun dan terdapatnya beberapa buah tempat air bertakung ketika hujan menyebabkan bahaya kepada pengunanya.

Selain itu, saya difahamkan pagar sepanjang lebuhraya ini juga kurang diselenggara menyebabkan binatang ternakan termasuklah binatang buas, ternakan babi, malahan beruang pun melintas di lebuhraya ini. Saya sendiri pun hampir-hampir kena langgar lembu juga... [Ketawa] Balik daripada bersidang sesi yang lepas.

Kemudahan sepanjang lebuhraya ini yang masih tidak sempurna seperti ketiadaan tempat rehat dan rawat (R&R) dan stesen minyak. Ketiadaan kemudahan ini menyukarkan pengguna lebuhraya. Selain itu, saya ingin mencadangkan agar lampu dipasang di tempat-tempat bahaya sepanjang lebuhraya ini. Saya juga menggesa agar Lembaga Lebuhraya Malaysia meletakkan tanda bahaya atau tengkorak di semua tempat maut. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abdul Rahman turut menyarankan agar Kerajaan Pusat menempatkan kemudahan logistik seperti aset dan anggota secara tetap bagi mengelak LPT2 ini disalahgunakan untuk kegiatan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan agar Kerajaan Pusat meneruskan projek LPT2 sebagai sambungan dari lebuhraya LPT2 yang sedia ada ini meliputi kawasan Daerah Setiu dan Besut, juga sehinggalah ke negeri Kelantan kerana ini akan memberi impak yang sangat baik daripada segi pengangkutan dan sumber ekonomi kepada penduduk di kawasan tersebut. Saya mengharapkan kerajaan akan komited dalam meneruskan usaha menyambung, penyambungan lebuhraya ini sehinggalah ke negeri Kelantan.

Seterusnya saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menambah baik infrastruktur telekomunikasi dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, setakat ini berapakah peratus kawasan yang telah diliputi oleh *highspeed broadband* di seluruh negara? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 5.30 petang. Masih banyak lagikah hujah-hujah Yang Berhormat itu?

Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin: Boleh tahan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh tahan itu berapa lama agaknya?

Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin: Adalah lima helai lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: 15 minit?

Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, kalau macam itu, esok Yang Berhormat sambung balik. Saya akan bagi 15 minit Yang Berhormat ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 8 Disember 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]